



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK SAMSUDDIN BIN YASIM

DAN

TUAN HAJI WAN HANAFI BIN HAJI WAN JAAFAR

MENGENAI LATAR BELAKANG DAN SEJARAH MASJID BEIJING

NURUL FATINI AISYAH BINTI MUHAMMAD FAIZUL

(2022764707)

SITI NUR ZULAIKHA BINTI AZIZAN

(2022919707)

SEMESTER MAC – OGOS 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK SAMSUDDIN BIN YASIM

DAN

TUAN HAJI WAN HANAFI BIN HAJI WAN JAAFAR

**MENGENAI LATAR BELAKANG DAN SEJARAH
MASJID BEIJING**

NURUL FATINI AISYAH BINTI MUHAMMAD FAIZUL

(2022764707)

SITI NUR ZULAIKHA BINTI AZIZAN

(2022919707)

**KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN,
INFORMATIK & MATEMATIK**

SEMESTER MAC-OGOS 2023

ISI KANDUNGAN	
ABSTRAK.....	i
PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI ABREVIASI.....	iii-iv
SENARAI NAMA.....	v
RUJUKAN KATA.....	vi-ix
1.0 BIODATA PENEMUBUAL.....	1-2
2.0 BIODATA TOKOH.....	3-4
3.0 PENGENALAN.....	5
3.1 Pendahuluan.....	5
3.2 Latar Belakang Kajian.....	6
3.3 Permasalahan Kajian.....	6-7
3.4 Objektif Kajian.....	7
3.5 Persoalan Kajian.....	7
3.6 Kepentingan dan Sumbangan Kajian.....	7-8
4.0 TINJAUAN LITERATUR.....	9
4.1 Bangunan Warisan.....	9
4.2 Masjid di Malaysia.....	9
4.3 Kepentingan Masjid di Malaysia.....	10-11
4.4 Kajian Lepas Berkaitan dengan Masjid di Malaysia.....	12-15
4.5 Kepentingan Penyelidikan Lisan.....	16
4.6 Kesimpulan.....	16
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL.....	17-106
6.0 LOG TEMUBUAL.....	107-123
7.0 RALAT.....	124
8.0 RINGKASAN.....	125
9.0 GLOSARI.....	126-129
10.0 INDEKS.....	130-132
11.0 BIBLIOGRAFI.....	133
12.0 LAMPIRAN.....	134
12.1 BIOGRAFI TOKOH.....	134-135
12.2 SURAT PERJANJIAN.....	135-137
12.3 SENARAI SOALAN.....	138-144
12.4 DIARI PENYELIDIKAN.....	145-147
12.5 GAMBAR DAN SIJIL.....	148-152

ABSTRAK

Abstrak: Transkrip ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji berkaitan topik utama kajian ini iaitu Masjid Beijing dan temubual telah dijalankan terhadap seorang pekerja dan penjaga di Masjid Beijing. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui maklumat sebenar bagi mengelakkan kekeliruan tentang bangunan Masjid Beijing dan merungkai sejarah seni bina dan maklumat Masjid Beijing sebagai sumbangan kepada koleksi sejarah lisan. Kajian ini juga membincangkan dengan lebih mendalam tentang bangunan bersejarah seperti sejarah bangunan Masjid Beijing, sejarah atau maklumat daripada masyarakat tempatan dan pengalaman responden terutama berkaitan topik kajian ini. Masjid memainkan peranan yang amat penting dan berguna dalam kalangan umat Islam terutamanya dalam membangunkan dan menegakkan tamadun hidup mereka. Terdapat begitu banyak fungsi masjid tetapi yang paling utama adalah sebagai tempat ibadah. Kajian yang dilakukan ini memfokuskan kepada para responden, pelajar serta orang awam. Dengan ini diharapkan, kajian yang dilakukan bersama responden yang merupakan pekerja dan penjaga yang mula bekerja pada awal bangunan Masjid Beijing dibuka. Hal ini dapat membantu dalam mendapatkan maklumat dan bukti sebenar tentang keindahan bangunan Masjid Beijing yang bertempat di Rantau Panjang, Kelantan.

Kata kunci: Masjid Beijing, bangunan, seni bina, temubual

ABSTRACT

This transcript was conducted in order to study the main topic of this study, which is the Beijing Mosque, and an interview was conducted with an employee and caretaker at the Beijing Mosque. This study aims to find out the real information to avoid confusion about the building of the Beijing Mosque and unravel the architectural history and information of the Beijing Mosque as a contribution to the oral history collection. This study also discusses in more depth about building such as the history of the Beijing Mosque building, history or information from the local community and the experiences of the respondents, especially related to the topic of this study. Mosques play a very important and useful role among Muslims especially in developing and upholding their civilization. There are so many functions of a mosque but the most important is as a place of worship. This study focused on respondents, students and the general public. With this hope, the research conducted with respondents who are workers and guardians who started working at the beginning of the Beijing Mosque building was opened. This can help in obtaining real information and evidence about the beauty of the Beijing Mosque building located in Rantau Panjang, Kelantan.

Keywords: Masjid Beijing, building, architectural, interview

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Asslamualaikum W.B.T

Syukur, Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan kekuasaan-Nya dan dengan limpah kurnia-Nya, kami mampu menyiapkan dan menyempurnakan tugas wawancara bagi subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan bersama tokoh yang telah kami pilih pada masa yang diberikan dengan penuh jayanya.

Masjid Beijing merupakan sebuah masjid yang memiliki seni bina dan reka bentuk yang unik dan menarik. Ianya juga menjadi simbol bahawa agama Islam itu bersifat universal dan tidak terikat dengan seni bina masyarakat setempat. Oleh itu, ianya juga patut menjadi satu kebanggaan bagi negeri Kelantan dan juga Malaysia. Perkara ini menjadi penyebab mengapa Masjid Beijing perlu didokumentasikan.

Dengan kesempatan yang ada ini, kami, Nurul Fatini Aisyah binti Muhamad Faizul dan Siti Nur Zulaikha binti Azizan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami, Encik Jafalizan bin Md. Jali iaitu pensyarah yang bertanggungjawab untuk memberikan segala tunjuk ajar dan bantuan kepada semua pelajar beliau. Beliau juga telah melengkapkan tugas transkrip. Kami dapat menyelesaikan tugas ini dengan jayanya berkat bantuan dan tunjuk ajar daripada beliau.

Seterusnya, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada responden kami iaitu Encik Samsuddin bin Yasim dan Tuan Hj. Wan Hanafi bin Wan Jaafar atas segala kerjasama yang baik diberikan sepanjang sesi temu bual dijalankan dengan mereka.

Akhir sekali, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan lain yang telah membantu dan memberikan tunjuk ajar kepada kami secara langsung dan tidak langsung tidak mengira masa dan tempat agar kami mampu menyiapkan tugas transkrip ini. Segala tunjuk ajar dan bantuan yang diberikan kepada kami amatlah kami hargai

Sekian daripada kami, terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
CCTV	Closed-Circuit Television
AJK	Ahli Jawatankuasa
MAIK	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
PA SYSTEM	Public Address System
MIC	Microphone
LCD	Liquid Crystal Display
TV	Television
AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
JKR	Jabatan Kerja Raya
NGO	Non-Governmental Organisation
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
SIS	Sultan Ismail School
MCE	Malaysian Certificate Education
SU	Setiausaha
RNR	Rehat dan Rawat

RNR	Rehat dan Rawat
PAWE	Pusat Aktivit Warga Emas
MA	Medical Assistant
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
HQ	Corporate Headquarters
OKU	Orang Kurang Upaya
MARA	Majlis Amanah Rakyat
ASB	Amanah Saham Nasional Berhad

SENARAI NAMA

SENARAI NAMA

NO.	NAMA	SINGKATAN NAMA
1.	NURUL FATINI AISYAH BINTI MUHAMMAD FAIZUL	NFA
2.	SITI NUR ZULAIKHA BINTI AZIZAN	SNZ
3.	SAMSUDDIN BIN YASIM	SBY
4.	WAN HANAFI WAN JAAFAR	WHW

RUJUKAN KATA

RUJUKAN KATA

NO	SINGKATAN KATA	RUJUKAN
1.	Ake	Akan
2.	Tanyo	Tanya
3.	Ceritokan	Ceritakan
4.	Namo	Nama
5.	Mano	Mana
6.	Loni	Sekarang
7.	Rumoh	Rumah
8.	Daripado	Daripada
9.	Mace	Macam
10.	Gapo	Apa
11.	Hok	Yang
12.	Bekerjo	Bekerja
13.	Jago	Jaga
14.	Apabilo	Apabila
15.	Pege	Pegang
16.	Banyok	Banyak
17.	Kito	Kita
18.	Kalu	Kalau
19.	Dimano	Dimana
20.	Sama ado	Sama ada
21.	Gulo	Gula
22.	Minyok	Minyak
23.	Ado	Ada
24.	Makane	Makanan
25.	Berapo	Berapa
26.	Tok sohot	Siak
27.	Sedio	Sedia
28.	Kironyo	Kiranya
29.	Mengepalai	Mengetuai
30.	Gano	Bagaimana
31.	Kijo	Kerja
32.	Sapo	Siapa
33.	Tuo	Tua
34.	Umor	Umur
35.	Samo	Sama
36.	Dale	Dalam
37.	Percumo	Percuma
38.	Tok	Tak
39.	Pulok	Pula
40.	Guno	Guna
41.	Kade-kade	Kadang-kadang
42.	Holor	Hulur
43.	Suko	Suka
44.	Tok apo	Tak apa
45.	Masalah	Masalah
46.	Meme	Memang
47.	Tidok	Tidak
48.	Ngan	Dengan
49.	Tido	Tidur

50.	Dei	Bila
51.	Jenero	Tertidur
52.	Raso	Rasa
53.	Tepat	Tempat
54.	Layok	Layak
55.	Jugok	Juga
56.	Ore	Orang
57.	Tok keno lagu	Salah cara
58.	Oyak	Beritahu
59.	Sakni	Tadi
60.	Payoh	Susah
61.	Wak	Buat
62.	Rama	Ramai
63.	Secaro	Secara
64.	Ambik	Ambil
65.	Gi	Pergi
66.	Ore rama	Orang ramai
67.	Supo	Seperti
68.	Koho-koho	Perlahan-lahan
69.	Kitah kijo	Kertas kerja
70.	Molek-molek	Elok-elok
71.	Napok	Nampak
72.	Tanggo-tanggo	Tangga-tangga
73.	Ngesoh	Pengesahan
74.	Semo	Semua
75.	Sohor	Berbangga
76.	Nego	Berniaga
77.	Bui	Bagi
78.	Bekah kaki tange kerajaan	Bekas kaki tangan kerajaan
79.	Male	Malam
80.	Marin	Kemarin
81.	Bae	Azan
82.	Derah	Kuat
83.	Jak	Sejak
84.	Tirih	Bocor
85.	Beki	Baiki
86.	Hile	Hilang
87.	Bowok	Bawa
88.	Tupe	Tumpang
89.	Lado ite	Lada hitam
90.	Susuk	Sembunyikan
91.	Putik	Tidak matang
92.	Ngetik	Pedas
93.	Isley	Islam
94.	Pero	Pelihara
95.	Anying	Anjing
96.	Make	Makan
97.	Tue	Tuan
98.	Laye	Layan
99.	Lagutu	Begitu
100.	Sore	Seorang
101.	Keto	Kereta
102.	Semaye	Sembahyang


103.	Alah	Ke
104.	Pah	Lepas
105.	Pok	Mereka
106.	Tak dok	Tiada
107.	Koci	Kunci
108.	Jerit	Menangis
109.	Demo	Awak
110.	Tubek	Keluar
111.	Rukah	Pancat
112.	Selaluh	Sekarang
113.	Sokmo	Selalu
114.	Drebar	Pemandu
115.	Hok tu	Yang itu
116.	Diye	Diam
117.	Lalu lale	Lalu-lalang
118.	Tembok	Jalan raya
119.	Igak	Tangkap
120.	Geroh	Terjadi
121.	Herey	Hairan
122.	Koloh	Kolah
123.	Mugo	Kerana
124.	Guano	Bagaimana
125.	Goni	Benda ni
126.	Palo	Kepala
127.	Seriyal	Seringgat
128.	Kure	Kurang
129.	Tule	Tulang
130.	Baloh	Bergaduh
131.	Jate	Lelaki
132.	Mulo	Dahulu
133.	Bo	Selepas
134.	Ketidakmolekei	Ketidakbolehan
135.	Pete	Petang
136.	Bedok	Berbedak
137.	Lecu	Gincu
138.	Otok	Otak
139.	Laye	Layan
140.	Mula	Semula
141.	Tok laki	Suami
142.	Ike	Ikan
143.	Tok soh	Tak perlu
144.	Galoh	Tinggi
145.	Timbe	Timbang
146.	Retek	Juga
147.	Cede	Cadang
148.	Tok ngulu	Tok penghulu
149.	Nantu	Menantu
150.	Siye	Kesian
151.	Tupe	Tumpang
152.	Woli	Wali
153.	Seksok	Nanti
154.	Jemooh	Jemaah
155.	Soh	Saf

156.	Sale	Salam
157.	Huje	Hujan
158.	Bue	Buang
159.	Lipa	Selipar
160.	Jijok	Pijak
161.	Qomat	Iqamah
162.	Poso	Puasa
163.	hije	Hijau
164.	Napok	Nampak
165.	Upoh	Upah
166.	Sepase	Sepasang
167.	Panda	Pandai
168.	Jong	Pihak
169.	Pioh	Kopiah
170.	Seribe	Serban
171.	Ulamok	Ulamak
172.	Lilah-lilah	Lalu-lalang
173.	Butir	Buah
174.	Nanyo Kaba	Bertanya khabar
175.	Iso	Isyak
176.	Saen	Kawan

BIODATA
PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 BIODATA PENEMUBUAL 1



Nama	Nurul Fatini Aisyah binti Muhammad Faizul
Tarikh Lahir	16 Jun 2000
Tempat Lahir	Tanah Merah, Kelantan
Alamat	Kampung Bukit Kechik, 17500 Tanah Merah, Kelantan
Email	fatiniaisyahfaizulla@gmail.com
Program	IM246 - Pengurusan Rekod
Tempat Belajar	UiTM Kampus Puncak Perdana, Selangor

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.2 BIODATA PENEMUBUAL 2



Nama	Siti Nur Zulaikha binti Azizan
Tarikh Lahir	8 Disember 2001
Tempat Lahir	Pasir Puteh, Kelantan
Alamat	Kampung Guntong Wakaf Lanas, 16800 Pasir Puteh, Kelantan
Email	zulaikhaazizan12@gmail.com
Program	IM246 - Pengurusan Rekod
Tempat Belajar	UiTM Kampus Puncak Perdana, Selangor

BIODATA

TOKOH


2.0 BIODATA TOKOH

2.1 BIODATA TOKOH 1



Nama	Samsuddin bin Yasim
Tarikh Lahir	10 Mac 1952
Tempat Lahir	Pasir Mas, Kelantan
Alamat	Kampung Banggol Kulim, 17200 Rantau Panjang, Kelantan
No. Telefon	019-9321840
Pekerjaan	Kakitangan Masjid Beijing

2.1 BIODATA TOKOH 2



Nama	Hj. Wan Hanafi bin Wan Jaafar
Tarikh Lahir	26 Oktober 1964
Tempat Lahir	Rantau Panjang, Kelantan
Alamat	Jalan Kampung. 17200 Rantau Panjang, Kelantan
No. Telefon	014-5276870
Pekerjaan	Penjawat Kerajaan

PENGENALAN

3.0 PENGENALAN

3.1 Pendahuluan

Kelantan atau dikenali juga sebagai Kelantan Darul Naim ialah sebuah negeri yang terletak di timur laut semenanjung Malaysia. Negeri Kelantan merupakan antara negeri tertua di Malaysia dan dipercayai telah diduduki sejak zaman pra sejarah dengan penemuan beberapa barangan di Gua Cha, Gua Musang. Selain itu, Kelantan juga mempunyai banyak warisan budaya yang masih kekal sehingga ke hari ini. Contohnya, dikir barat, wayang kulit, permainan wau, gasing batik dan sebagainya. Kelantan juga mempunyai pelbagai senibina bersejarah dan unik yang masih terpelihara seperti muzium, masjid, kuil dan sebagainya. Di Malaysia, terdapat banyak masjid dengan reka bentuk yang menarik dan unik. Berdasarkan perangkaan, Malaysia mempunyai sebanyak 6,836 buah masjid yang juga termasuk 18 masjid bertaraf negeri, 76 masjid kerajaan dan 166 masjid daerah. Manakala, di Kelantan pula terdapat 1,086 buah masjid.

Di Kelantan, terdapat banyak masjid dengan rekabentuk yang unik dan penuh seni. Contohnya, Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra atau lebih dikenali dengan panggilan Masjid Beijing. Hal ini demikian kerana, Masjid Beijing merupakan sebuah masjid pertama bercirikan senibina Cina di Malaysia. Masjid ini menggabungkan senibina Cina dan Islam dan ianya menyerupai Masjid Niujie di Beijing, China yang berusia lebih daripada 1000 tahun. Selain itu, masjid ini juga boleh menempatkan seramai 1000 orang Jemaah pada satu masa.

Sejarah tradisi lisan adalah sebuah kebudayaan yang diwariskan terutama melalui aspek lisan. Banyak budaya di serata dunia mempunyai pewarisnya. Walau bagaimanapun, di antara tradisi-tradisi lisan di dunia ini mereka juga memiliki bentuk tulisan yang diwariskan dari satu generasi ke generasi yang seterusnya. Keadaan seperti ini dapat dinyatakan sebagai beraksara dalam kelisanan. Tradisi lisan sangat menekankan aspek kelisanan, baik dalam komunikasi seharian atau dalam kegiatan yang lebih formal seperti dalam upacara adat, upacara kenegaraan, pidato politik, dan lain-lainnya. Kelisanan ini juga bukan hanya memfokuskan perhatian kepada komunikasi secara verbal sahaja, tetapi lebih jauh dari itu.

3.2 Latar Belakang Kajian

- Masjid Beijing terletak di lebuh raya Pasir Mas – Rantau Panjang sekitar dua kilometer daripada Pekan Rantau Panjang.
- Keluasan Masjid Beijing ialah 3.7 ekar dan masjid ini boleh memuatkan seramai 1000 jemaah dalam satu masa.
- Kajian ini dijalankan melalui temubual secara lisan bersama pihak Masjid Beijing bagi merungkai fakta-fakta tentang sejarah warisan yang tidak diketahui oleh masyarakat di serata tempat dimana temubual ini akan didokumentasikan. Melalui kajian ini juga, penyelidik akan mengumpulkan maklumat yang didapati melalui pendokumentasian lisan yang akan disebarkan ini kepada masyarakat termasuk sejarah, reka bentuk, dan tokoh keunikan Masjid Beijing. Hal ini demikian kerana, tidak banyak penulisan dan perkongsian mengenai Masjid Beijing yang boleh digunakan oleh masyarakat untuk dijadikan bahan ilmiah atau rujukan. Selain itu juga, kajian juga akan dijalankan dengan pihak yang arif mengenai Masjid Beijing.

3.3 Permasalahan Kajian

Kelantan merupakan salah satu negeri di Malaysia yang kaya dengan pelbagai budaya yang unik dan menarik termasuk makanan, tarian, bangunan dan pelbagai lagi budaya. Sebagai contohnya, Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra atau sinonim dengan nama Masjid Beijing yang terletak di Rantau Panjang, Kelantan merupakan salah satu bangunan dengan senibina yang unik dan menarik. Sesungguhnya, Masjid Beijing merupakan satu tempat menarik untuk dilawati kerana penuh dengan keunikan dan sejarah yang menarik untuk diketahui, Namun begitu, disebabkan oleh kurangnya kajian berkaitan dengan Masjid Beijing, maka ianya kurang mendapat perhatian oleh masyarakat. Oleh itu, tercetuslah persoalan tentang Masjid Beijing yang berunsurkan senibina Cina.

Terdapat banyak persoalan yang tidak terjawab mengenai senibina Masjid Beijing yang berunsurkan senibina Cina. Hal ini mengakibatkan masyarakat tidak tahu mengenai sejarah Masjid Beijing seperti bagaimana ianya boleh dibina dan mengapa ianya berunsurkan senibina Cina. Oleh itu, kajian ini ialah salah satu usaha untuk merungkai persoalan mengenai Masjid Beijing dan sejarahnya.

Selain itu, kekurangan maklumat dan pembuktian mengenai Masjid Beijing juga merupakan salah satu permasalahan kajian. Dimana kurangnya maklumat berkaitan Masjid Beijing termasuklah artikel dan buku. Perkara ini mengakibatkan kurangnya maklumat dan

pembuktian berkaitan Masjid Beijing. Sebagai contohnya, carian internet berkaitan Masjid Beijing menunjukkan peratus yang rendah yang telah membuktikan Masjid Beijing kurang mendapat liputan. Oleh itu, melalui kajian ini, pengkaji mahu meningkatkan maklumat dan pembuktian Masjid Beijing.

Kelantan juga dilihat sebagai negeri yang hanya terkenal akan makanannya sahaja walhal ianya juga kaya dengan warisan budaya. Oleh itu, Kelantan sering kali tidak menjadi lokasi pilihan bagi pelancong kerana kekurangan maklumat berkaitan warisan budaya yang boleh menjejaskan pelancongan. Oleh kerana hal ini, pengkaji mahu memperbanyakkan maklumat berkaitan warisan budaya Kelantan agar ianya dapat menarik perhatian dan menjadi tempat pelancongan dan meningkatkan pelancongan negeri Kelantan.

3.4 Objektif Kajian

- Untuk mengetahui sejarah penubuhan Masjid Beijing.
- Untuk mengetahui siapakah yang terlibat dengan rekabentuk dan pembinaan Masjid Beijing.

3.5 Persoalan Kajian

- Apakah sejarah penubuhan Masjid Beijing?
- Siapakah yang terlibat dengan rekabentuk dan pembinaan Masjid Beijing?
- Apakah aktiviti yang dijalankan di Masjid Beijing?

3.6 Kepentingan dan Sumbangan Kajian

Kepentingan dan sumbangan kajian ialah membantu dalam penerbitan. Hal ini kerana, melalui sejarah lisan, penyelidik dapat membantu menambahkan penerbitan dengan mengumpulkan, memelihara dan menafsirkan suara dan kenangan peserta. Selain itu, melalui kajian ini juga dapat melestraikan maklumat Masjid Beijing. Hal ini demikian kerana, melalui kajian ini, penyelidik dapat mengekalkan maklumat berkaitan dengan Masjid Beijing untuk kegunaan masa hadapan.

Di samping itu juga, kepentingan dan sumbangan kajian ialah menaikkan taraf warisan Kelantan. Ini kerana, melalui kajian ini, penyelidik akan mencari gali maklumat tersirat berkaitan Masjid Beijing yang sebelum tidak diketahui oleh masyarakat umum sekaligus dapat meningkatkan kesedaran orang ramai akan warisan Kelantan yang harus dijaga dan dipelihara agar dapat dikekalkan. Contohnya, Masjid Beijing yang memiliki senibina unik dan menarik semestinya ditambahbaik dan dikekalkan. Oleh itu, melalui kajian, dapat membantu meningkatkan taraf warisan Kelantan dimana kajian ini membantu mencari lebih dalam keunikan dan daya tarikan warisan Kelantan seperti rekabentuk Masjid Beijing.

Selain itu juga, kajian ini dipercayai dapat menaikkan pelancongan di negeri Kelantan. Hal ini disebabkan, kajian ini membantu membuka mata masyarakat tentang warisan budaya yang terdapat di Kelantan kerana adanya maklumat-maklumat yang tersirat sebelumnya. Kajian juga boleh menaikkan pelancongan kerana apabila bertambah maklumat mengenai warisan Kelantan seperti Masjid Beijing maka, bertambah juga ketertarikan masyarakat terhadap negeri Kelantan. Contohnya, apabila Masjid Beijing diperkenalkan melalui sejarah lisan, masyarakat dapat mengetahui lebih lanjut mengenai fakta rekabentuk dan sejarahnya. Hal ini kerana, maklumat yang sedia ada mungkin tidak mencukupi dan tidak juga untuk menarik perhatian orang ramai kerana terdapat kekeliruan. Makanya, dengan adanya kajian ini boleh membantu masyarakat untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan mendorong mereka untuk melancong ke Kelantan.

Seterusnya, kajian ini juga boleh menaikkan ekonomi Kelantan. Hal ini demikian kerana, apabila terdapat lebih banyak maklumat mengenai warisan budaya Kelantan, maka masyarakat akan lebih tertarik untuk melancong ke Kelantan sekaligus mampu menaikkan ekonomi Kelantan.

TINJAUAN LITERATUR

4.0 TINJAUAN LITERATUR

4.1 BANGUNAN WARISAN

Warisan umumnya didefinisikan sebagai sesuatu yang bernilai yang diwariskan dari satu generasi ke satu generasi yang baru. Ia merangkumi adat resam, kebudayaan, kawasan, bangunan, bahan arkib dan cetakan termasuk penulisan buku dan makalah. Warisan kebudayaan merupakan aset yang berharga kerana ia mempunyai nilai estetika, arkeologi, seni bina, budaya, sejarah, saintifik, sosial, spiritual, linguistik atau teknologi. Definisi bangunan ialah suatu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambung, yang disebabkan oleh seni binanya, kehomogenannya atau tempatnya dalam landskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains.

Apabila sesebuah bangunan bersejarah hendak dipulihara, aspek utama yang menjadi matlamat dan nilai pada projek adalah kepentingan budaya, sejarah dan seni bina bangunan. Bangunan bersejarah hendaklah dipulihara sebagaimana bentuknya yang asal. Ini melibatkan keaslian bangunan dari segi seni bina, bahan binaan, kaedah dan teknik binaan termasuklah tekstur, fasad dan warna bangunan. Bagi mencapai matlamat pemuliharaan, proses kerja yang dilakukan adalah berpandukan prinsip iaitu panduan-panduan yang memastikan bangunan bersejarah sentiasa lestari sepanjang projek berjalan.

4.2 MASJID DI MALAYSIA

Perangkaan terkini Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) disiarkan menerusi laman sesawang rasmi agensi itu awal bulan ini menunjukkan lima masjid baharu kini beroperasi di Sabah menjadikan jumlah keseluruhan 1,077 masjid sepanjang tahun lalu berbanding 1,072 buah (2020) dan hanya 1,045 (2019). Bilangan tersebut menurut Jakim, membabitkan sebuah masjid yang bertaraf negeri di Kota Kinabalu, 10 buah masjid kerajaan, 21 buah masjid daerah dan baki 1,045 buah masjid kariah. Johor kekal sebagai negeri kedua terbanyak masjid iaitu 822 buah disusuli Perak (652), Pahang (630), Kelantan (584), Kedah (581), Terengganu (484), Selangor (421) dan Sarawak (369). Putrajaya pula masih sedikit masjid iaitu tiga buah diikuti Labuan (15), Kuala Lumpur (69), Perlis (101), Melaka (195), Pulau Pinang (213) dan Negeri Sembilan (298). Berdasarkan maklumat di portal Masjid Malaysia, menunjukkan statistik jumlah terkini masjid di Malaysia pada tahun 2023 iaitu sebanyak 6829 masjid dan sebanyak 18326 surau.

4.3 KEPENTINGAN MASJID DI MALAYSIA

Masjid merupakan sebuah tempat ibadah bagi umat Islam seluruh pelosok dunia. Selain dari itu juga, masjid dijadikan sebagai pusat keilmuan dan kegiatan keislaman. Masjid adalah institusi ilmu untuk kecemerlangan masyarakat Islam. Budaya ilmu ini perlu diluaskan dengan mengadakan kelas-kelas keagamaan dan juga kelas-kelas ilmiah yang lain seperti pelajaran komputer, sains, matematik dan lain-lain pelajaran dari peringkat kanak-kanak hingga ke peringkat dewasa. Ini sangat bersesuaian dengan keperluan kehidupan masyarakat Islam kini terutamanya bagi mereka yang berada di kawasan pedalaman dan jauh dari pusat-pusat kegiatan ilmu. Oleh itu peranan masjid sebagai pusat ilmu perlu dioptimumkan bagi membangunkan masyarakat Islam. Sebuah perpustakaan yang lengkap dengan buku-buku rujukan fardhu ain dan kifayah boleh diwujudkan dalam sebuah masjid. Ini bererti rujukan di masjid bukan hanya terhad kepada naskah al-Quran dan Yaasin semata-mata tetapi turut dimuatkan dengan pelbagai buku agama dan buku mengenai ilmu sosial, ekonomi, politik dan sebagainya

Seterusnya, masjid juga dijadikan sebagai pusat kebajikan dan kaunseling Masjid hendaklah menjadi pusat rujukan dalam masalah-masalah kehidupan masyarakat Islam sehingga mampu menyediakan jawapan yang munasabah dan Islamik bagi setiap pertanyaan. Malahan turut menjadi pusat kaunseling bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam pada hari ini. Satu anjakan paradigma boleh dilakukan di mana imam, bilal dan jawatankuasa masjid boleh menyediakan khidmat kaunseling kepada masyarakat yang berhadapan dengan pelbagai masalah terutamanya masyarakat Islam kini yang penuh dengan cabaran dalam menjalani kehidupan.

Di samping itu, masjid juga merupakan Pusat kegiatan wanita, remaja dan kanak-kanak Peranan dan fungsi masjid tidaklah terhad kepada golongan lelaki dewasa sahaja malahan turut memberi ruang kepada golongan wanita, remaja dan kanak-kanak. Mereka juga adalah terdiri daripada komuniti masyarakat Islam itu sendiri. Oleh itu program-program yang dilaksanakan di masjid perlu bersifat realistik terhadap semua peringkat golongan. Selain itu pihak masjid boleh menjalankan aktiviti-aktiviti remaja dengan kerjasama persatuan, pertubuhan dan kumpula-kumpulan tertentu secara langsung dengan lebih kerap lagi. Pengisian berbentuk kerohanian boleh diselitkan dalam aktiviti-aktiviti tersebut supaya remaja dapat menyebarkan dan memanfaatkan dalam kalangan rakan-rakan sebaya mereka sekaligus dapat menyelamatkan mereka daripada terlibat dengan masalah sosial di luar. Penganjuran aktiviti yang kreatif perlu mengambil kira aspek adat dan unsur budaya bagi menarik minat remaja menyertai aktiviti keilmuan misalnya mengadakan kelas Bahasa Arab dengan menganjurkan aktiviti mencipta irama Malaysia dalam Bahasa Arab, menganjurkan

gotong-royong, memasak, kursus pengurusan jenazah, kursus kepimpinan, seminar remaja dan cinta, kursus keusahawanan Islam, dan lain-lain yang bersesuaian (Noor Azlina et al., 2010).

Selain itu, masjid juga dijadikan sebagai nadi ekonomi dalam masyarakat setempat. Sekiranya masjid terletak dalam kawasan yang luas, ia boleh dikelilingi dengan aktiviti ekonomi dan sosial. Sehubungan itu, masjid boleh menyediakan ruang kedai atau bazar diluar masjid untuk menjual aneka keperluan masyarakat Islam. Selain itu, budaya menerima sumbangan derma mestilah disertakan sama dengan usaha kepelbagaian ekonomi yang berteraskan keusahawanan dan perniagaan. Adalah wajar jika masjid boleh digarap sebagai medan penjanaan ekonomi ummah (Arman, 2009). Walau bagaimanapun etika Islam dalam berurusanniaga dan berada dalam kawasan masjid haruslah dipatuhi agar kesucian masjid itu juga tidak terjejas. Selain itu masjid juga boleh menyediakan ruang atau tempat khas untuk pungutan zakat, wakaf dan sedekah. Selain daripada memudahkan masyarakat Islam melaksanakan tanggungjawab untuk mengeluarkan zakat, kesedaran untuk bersedekah dan berwakaf juga dapat disuntik.

Akhir sekali, masjid juga dapat dijadikan pusat penginapan pelancong Islam. Masjid-masjid di Malaysia perlu diberi nafas baru seiring dengan perkembangan masyarakat Islam kontemporari. Dalam konteks pelancongan, masjid dilihat sebagai salah satu destinasi penting kepada golongan musafir. Masjid merupakan bangunan yang mudah dijumpai di banyak lokasi di seluruh negara. Jika masjid-masjid tersebut mampu menawarkan kemudahan penginapan masalah ketiadaan tempat menginap kemungkinan tidak timbul kerana masjid lazimnya ada di sepanjang laluan perjalanan.

4.4 KAJIAN LEPAS BERKAITAN DENGAN MASJID DI MALAYSIA

Google search results for "masjid di malaysia". The search bar shows "masjid di malaysia" with a search icon. Below the search bar, there are navigation options: All, Images, Maps, News, Shopping, and More. The search results show "About 54,600,000 results (0.39 seconds)".

Results for **Malaysia** - Choose area

Wikipedia
https://ms.wikipedia.org/wiki/Se... - Translate this page

Senarai masjid di Malaysia - Wikipedia Bahasa Melayu ...

Nama	Negeri	Bandar	Tahun	K
Masjid Zahir	Kedah	Alor Star	1915	U
Masjid Jamek	Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur	?	U
Masjid Negara	Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur	?	U

View 16 more rows

Scholarly articles for masjid di malaysia

- ... Aktiviti **Masjid-masjid** Negeri di Semenanjung **Malaysia** - Yusoff - Cited by 22
- Pemeraksanaan peranan **masjid di Malaysia** era ... - Wahab - Cited by 9
- ... kecacatan pada bangunan **masjid** lama di **Malaysia** - Johar - Cited by 8

Islam.gov.my
https://masjid.islam.gov.my

portal masjid - Jakim

Statistik di **Malaysia** 2023 - 6829 **Masjid** - 18326 Surau - 13693 Imam - 7837 Bilal - 11157 Noja/Siak/Merbot ...

You've visited this page 2 times. Last visit: 7/10/23

Sumber: Google

Berdasarkan Google, maklumat mengenai masjid di Malaysia adalah agak banyak, bersamaan dengan kira-kira 54,600,000 hasil carian. Ini membuktikan bahawa beberapa maklumat mengenai masjid di Malaysia telah didokumentasikan oleh penyelidik dan penulis. Hasil carian Google terdiri daripada artikel, media sosial, imej dan sebagainya. Oleh itu, sejarah lisan tentang masjid di Malaysia masih perlu dipertingkatkan lagi. Hal ini kerana untuk menjadikan maklumat mudah diakses dan tersedia kepada semua orang.

Google Scholar masjid di malaysia

Articles About 29,500 results (0.06 sec)

Any time
 Since 2023
 Since 2022
 Since 2019
 Custom range...

Sort by relevance
 Sort by date

Any type
 Review articles

include patents
 include citations
 Create alert

Kajian Tentang Maklum Balas Masyarakat Terhadap Aktiviti **Masjid-masjid Negeri di Semenanjung Malaysia** [PDF] um.edu.my
 YM Yusoff, MA Sulaiman - Jurnal Usuluddin, 2004 - jrmg.um.edu.my
 ... bahawa **masjid** mampu ... **masjid di Malaysia** kepada pelbagai strata masyarakat adalah satu perkembangan positif kepada usaha dakwah. Isu-isu **di** sebalik penganjuran aktiviti **masjid** ...
 ☆ Save Cite Cited by 22 Related articles All 14 versions


Pemerkasaan peranan **masjid di Malaysia** era kontemporari [PDF] mohe.gov.my
 NAA Wahab, NA Hamid, NC Man - e-Academia Journal, 2017 - myjms.mohe.gov.my
 ... **Masjid-masjid di Malaysia** perlu diberi nafas baru ... , **masjid** dilihat sebagai salah satu destinasi penting kepada golongan musafir. **Masjid** merupakan bangunan yang mudah dijumpai **di** ...
 ☆ Save Cite Cited by 9 Related articles All 2 versions

Analisa kajian lapangan ke atas kecacatan pada bangunan **masjid lama di Malaysia** [PDF] ukm.my
 S Johar, AG Ahmad, Al Che-Ani, NM Tawil... - Journal Of Design+ ..., 2011 - spaj.ukm.my
 ... **di Malaysia**, seni bina masjidnya tidaklah mempunyai ciri-ciri yang nyata seperti **masjid-masjid di** ... mempamerkan kesenian Islam menerusi corak dan hiasan **di** dindingnya. Kebanyakan ...
 ☆ Save Cite Cited by 8 Related articles All 5 versions

Dokumentasi, Analisis Dan Penggunaan Hadith: Satu Penilaian Keatas Rekabentuk **Masjid Moden Di Malaysia** [PDF] ukm.my
 N Utaberita, H Othman, M Surat - Journal of Building Performance, 2010 - spaj.ukm.my
 ... dan pengguna **masjid di Malaysia** yang. Kajian ini tertumpu kepada tiga golongan yang kurang diberi perhatian dalam perancangan ruang **di** dalam **masjid di Malaysia** iaitu golongan ...
 ☆ Save Cite Cited by 10 Related articles All 5 versions

Sumber: Google Scholar

Berdasarkan Google Scholar, maklumat berkaitan masjid di Malaysia agak tidak banyak, iaitu sekitar 29,500 hasil carian sahaja. Hal ini membuktikan bahawa para penyelidik dan penulis kurang membuat penyelidikan dan penulisan berkaitan dengan topik ini. Hasil carian yang dibuat dari Google Scholar terdiri daripada artikel kajian. Oleh itu, penyelidikan mengenai topik ini perlu ditambah dan diteruskan.



Sumber: Facebook

Carian mengenai dengan masjid di Malaysia di Facebook menunjukkan bahawa kekurangan carian mengenai dengan masjid dalam negara Malaysia. Oleh itu, hasil carian ini menunjukkan bahawa tidak ramai pengguna Facebook membuat carian mengenai dengan masjid di negara ini.

The screenshot shows the OFA (Online Finding Aid) website interface. The URL is ofa.arkib.gov.my/ofa/index.php. The user is logged in as nuraqmar01@gmail.com. The website features a navigation bar with user statistics: Senarai Minat (0), Tempahan (0), Pembelian (0), and Profail (BM). The main search area shows the search term "masjid di malaysia" with a "Reset" button and a "Carian Terperinci" link. The search results are displayed in a list format, showing 4 results out of 4 total. The results are:

- ARKIB AWAM (901)**: Rekod rasmi kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri, Badan Berkanun dan Syarikat Perusahaan Kerajaan.
- ARKIB PERSENDIRIAN (148)**: Rekod yang dihasilkan oleh Pertubuhan dan Badan Sukarela meliputi rekod Agama, Sukarela dan Ikhtisas, Politik, Koleksi Surat-Surat Persendirian, Ekonomi, Sukan, serta Surat Khabar dan Majalah yang tersimpan di Arkib Negara.
- BAHAN-BAHAN MEMORIAL DAN PUSTAKA (46)**: Rekod berkaitan dengan negarawan yang disimpan di Memorial dan Pustaka.
- REKOD DAN ARKIB DIRAJA (5)**: Rekod yang dihasilkan bagi negeri-negeri yang mempunyai Raja termasuk Kelua Negeri yang tidak mempunyai Raja.

Sumber: OFA (Online Finding Aid)

Berdasarkan OFA (Online Finding Aid), maklumat mengenai masjid di Malaysia adalah tidak banyak, bersamaan dengan kira-kira hanya 4 hasil carian. Ini membuktikan bahawa tidak banyak maklumat mengenai masjid di Malaysia telah didokumentasikan oleh penyelidik dan penulis. Oleh itu, sejarah lisan tentang masjid di Malaysia masih perlu dipertingkatkan lagi. Hal ini kerana untuk menjadikan maklumat mudah diakses dan memberi manfaat kepada mereka yang ingin melakukan penyelidikan dalam bidang ini

4.5 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN LISAN

Sejarah lisan memainkan peranan penting dalam membina semula peristiwa-peristiwa sejarah bagi menggantikan rekod-rekod yang telah musnah atau hilang. Ia amat berguna bagi mengisi kekosongan sumber-sumber bertulis. Keterangan yang diberikan akan menambah sumber bertulis yang telah dicatitkan dalam usaha menyelamatkan keterangan sejarah yang akan hilang atau mungkin akan dimanipulasikan. Selain sebagai pendorong kepada penyelidik dalam melakukan penyelidikan terhadap perkara yang telah disediakan oleh sumber lisan (Nadzan, 1979).

Melalui kajian yang dijalankan ini diharap ia mampu membuka mata dan minda mengenai kepentingan dalam mengumpul maklumat dan sejarah yang terdapat di Malaysia terutama tentang bangunan seni bina Masjid Beijing kerana ia mempunyai suatu nilai sejarah yang amat besar yang perlu dihargai dan diselidiki dengan lebih mendalam oleh semua pihak.

4.6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, tinjauan literatur amatlah penting untuk dilakukan oleh penyelidik. Ianya adalah rumusan literatur yang ditulis bertujuan untuk menerangkan maklumat dan penyelidikan semasa yang terdahulu. Ianya adalah dokumentasi yang diperlukan dalam proposal kajian. Tinjauan literatur disusun mengikut topik dan laporan mengikut tema atau kajian individu. Terdapat banyak kebaikan tinjauan literatur termasuk membantu seseorang penyelidik mendapat idea yang jelas dan penting dalam sesuatu persoalan yang ingin dikaji. Oleh itu, para pengkaji dapat mencari bahan literatur yang sesuai dengan mudah tentang perkara yang diperlukan.

TRANSKRIP TEMUBUAL

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

5.1 TRANSKRIP TEMUBUAL TOKOH PERTAMA

Assalamualikum w.b.t dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan sejarah Masjid Beijing. Bersama-sama kami ialah Encik Samsuddin bin Yasim dan Haji Wan Hanafi Wan Jaafar yang merupakan seorang penjaga Masjid Beijing. Rakaman ini dijalankan pada 31 Mei 2023 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 11:00 pagi bertempat di Masjid Beijing, Rantau Panjang, Kelantan. Tembual ini dikendalikan oleh Nurul Fatini Aisyah Binti Muhammad Faizul dan Siti Nur Zulaikha Binti Azizan. Dengan segala hormatnya tembual dimulakan.

NFA: Assalamuaikum, Cik Din.

SBY: Waalaikummusalam.

NFA: Hari ini, kami berdua ake [akan] buat *interview* pasal masjid Beijing lah. Nak tanyo [tanya] beberapa soalan. Mula mula, boleh Cik Din ceritakan [ceritakan] latar belakang Cik Din, namo [nama], umur semua tu?

SBY: Bismillahirrahmanirahim. Saya-- nama saya Samsuddin Bin Yasim. Umur 71 tahun. Seorang pesara guru. Saya bersara sejak 15 tahun dulu. Tarikh hari sekolah, hmm apa ni. Daripada masa kecil saya belajar di sekolah dulu dio panggil *Government English School* _____. Pastu gi [pergi] ko [ke] SIS, *Sultan Ismail School*, Pasir Mas [Kelantan] MCE (Malaysian Certificate of Education) tahun 1968, 71 ACEC. Lepah tu guru lah sebagai guru dan saya pencen sebagai pesara guru lah. Jawatan akhir saya ialah penolong kanan pentadbiran di Sekolah Kebangsaan Lubok Stor [Kelantan]. Saya pencen pada tahun 2008.

NFA: Asal Cik Din mano [mana]? Cik Din asal mano?

SBY: Saya asal Pasir Mas lah.

NFA: Pasir Mas.

NFA: Cik Din, Ioni [sekarang] duduk mano? Rumoh [rumah] lah.

SBY: Saya menetap di sebelah Masjid Beijing.

NFA: Dekat je lah.

SBY: Sebab ore rumoh saya [isteri] daripado [daripada]Thailand.

NFA: Thailand-- ore rumoh Cik Din tu--

(Mencelah)

SBY: Warganegara Malaysia.

(Mencelah)

NFA: Warganegara Malaysia?

SBY: Warganegara Malaysia.

NFA: Boleh Cik Din ceritakan sikit pasal pekerjaan Cik Din? Pekerjaan Cik Din lah, mace [macam] pengalaman gapo [apa]. Hok [yang] bekerjo [bekerja] di sini, jago [jaga] masjid.

SBY: Apabilo [apabila] saya pencen [bersara] 2-0-0-8 [2008], masjid ni siap. Jadi pemimpin tempatan ni cadang saya bertugas sebagai AJK [Ahli Jawatankuasa] masjid mulai 2-0-0-9 [2009]. Sebab sekolah apa ni-- masjid ni mulai beroperasi tahun 2-0-0-9. Jadi saya ditugaskan sebagai jawatankuasa 2010. Dilantik sebagai SU [setiausaha], jawatankuasa pengurusan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra. Peringkat dulu, masjid ni ialah sebuah masjid mukim kategori A. Sekarang dia diangkat taraf sebagai masjid Bandar Rantau Panjang tapi namo tu masih kekal lah, Masjid Jamek Jubli Perak Sultan Ismail Petra. Itu hok rasmi di MAIK [Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan] namo yang dirasmi di MAIK di Masjid Agama Islam Kelantan tapi bagi ore-ore [orang] kampung, ore-ore sini dio [mereka]panggil Masjid Beijing sebab lebih - - mudah dikenali.

NFA: Jawatan hok Cik Din pegu [pegang] lani gapo? Jawatan?

SBY: Saya sekarang pegang ketua biro-- kebajikan mukim, Kebajikan Hal Ehwal Mukim.

NFA: Gapo tugas-tugas Cik Din sebagai biro kebajikan Masjid Beijing?

SBY: Tugasnya ialah kebajikan anak mukim lah yang ketara sekali kita buat ialah *food bank*. Di masjid tu kita wujudkan satu *food bank* dimana kariah yang agak susah lah yang susah yang anak ramai, dia boleh datang ambik [ambil] bekalan dapur. Kita *restock* sekali sebulan ataupun dia terpaksa ambik banyok [banyak]

pun kito [kita] bagi dua kali sebulan. Kalu [kalau]-- dio tanyo dimano [dimana] saya dapat barang-barang tu. Ini sumbangan daripada kariah juga. Kito bagi setiap jemaah mari ambik kariah mari ambik lima *item*, dio pilih lah samo ado [sama ada] beras, gulo [gula], minyak [minyak], susu. Kito ado [ada] banyok lah perkaro [barang] tu tapi biasa yang popular ialah beras, bihun, gulo, minyak pastu tepung gandum.

(Mencelah)

NFA: Keperluan lah?

(Mencelah)

SBY: Haah, keperluan lah. Alhamdulillah, kita sekarang ada seratus tiga puluh lapan orang. Kira yang datang tiap-tiap bulan lah.

NFA: Ambik makane [makanan] di *food bank*?

SBY: Aaaa bekalan dapur di *food bank*. (sambil menganggukkan kepala)

NFA: Berapo [berapa] lamo doh Cik Din pege jawatan sebagai biro kebajikan?

SBY: Biro kebajikan ni baru duo [dua] tahun. Sebelum ni saya SU Masjid, tok sohot [siak] masjid apabila *upgrade* ni *upgrade* kepada bandar SU nya ditukarkan kepada iman muda masjid.

NFA: Oh, Kironyo lani iman mudo masjid ni lah menjadi SU.

(Mencelah)

SBY: SU, ha (Ya).

(Mencelah)

NFA: Cik Din?

(Mencelah)

NFA: Cik Din pege jawatan sebagai biro kebajikan.

SBY: Ha, biro kebajikan. Selain daripada kito sedio [sedia] bekalan dapur, kito juga ada siri lawatan ke rumah kariah kito yang sakit.

NFA: Hurm (mengangguk kepala)

(Mencelah)

SBY: Yang sakit, kita bagilah sedikit sumbangan daripada pihak masjid--

(Mencelah)

NFA: Sumbangan--

(Mencelah)

SBY: Daripado pihak masjid.

NFA: Kironyo [kiranya] Cik Din lah ake uruskan urusan ni?

SBY: Kito ake mengepalai (mengetuai) program ini bersama tok iman dan AJK-AJK yang lain yang ada kesempatan masa.

NFA: Apa-- gano [bagaimana] Cik Din didorong menjadi biro kebajikan. Maksudnya-- gano Cik Din boleh kijo [kerja] sebagai penjaga masjid. Sapo [siapa] hok mendorong Cik Din?

SBY: Dok, dio gini kesedaran datang daripado sendiri sebab selain saya bertugas di masjid saya juga adalah seorang penyelia rumah sejahtera di Kampung Banggol Kulim [Kelantan]. Rumoh Sejahtera ni rumoh ore tuo [tua], jagaan ore tuo. Ore umur [umur] enam puluh tahun keatas. Jadi ini juga merupakan kebajikan lah, jago ore rama. Selain tu, saya juga adalah SU PAWE. Pernah dengar dok [tak] perkataan PAWE? (bertanya kepada penemubual)

NFA: Dok.

SBY: Pusat Aktiviti Warga Emas.

NFA: Oh!

SBY: Dio satu parlimen, kerajaan ada wujud PAWE kalu mungkin gi tanyo tepat lain pun ado. PAWE Machang [Kelantan] aktif (bunyi kipas). Boleh tutup kipas (sambil menunjuk kearah suis kipas) Tutup kipas, suis dio, tutup dulu, mano? Awak gi tutup kipas (mengarahkan pembantu penembual menutup kipas).

SNZ: Pernah ko Cik Din ni menjaga masjid lain selain masjid Beijing?

SBY: Ada iaitu Masjid Mukim Banggol Kulim [Kelantan] disitu saya pun sebagai biro (ketawa) kebajikan sebab kito boleh melibatkan dua masjid dekat-dekat ni sebab kariah samo [sama].

SNZ: Gapo peranan Cik Din dekat masjid?

SBY: Sini? (bertanya kepada penembual) saya jawatankuasa tapi mengepalai biro tu lah kebajikan hal ehwal mukim. Dio selain daripada tadi kito sebut kito ado *food bank* masjid, kito wak lawatan kepada apa ni-- kariah-kariah yang sakit yang uzur. Yang ketiga kito wak program berkhatan, sunat. Hujung tahun cuti sekolah kito apo ni cari anak-anak mukim kito hok tiga belas tahun-- yang tok bersunat lagi lah. Kito-- buat dimasjid ni percuma. Kito panggil doktor atau MA [Medical Assistant] daripada sekitar ni untuk berkhidmat sebagai itu-- semasa berkhitan. Mace tahun lepas, kito boleh sedio tigo puluh satu orang tahun lepas bulan dua belas tahun lepas. In shaa Allah, kito dale [dalam] penggal tahun ni, kito ake terus. Kito percuma [percuma] so tok [tak] ambik duit. Kalu ore tanyo dari mano pulok [pula] nok bayar ko MA tu ko doktor tu, tu kito cari, masjid kito guno [guna] tabung masjid jah.

NFA: Kiranyo menggunakan tabung masjid lah untuk menghulurkan bantuan?

SBY: Kade-kade [kadang-kadang] ado ore holur [hulur] juga tapi kito guno tabung masjid lah sebab masjid ni tepat (tempat) selain ibadat nyo ialah tepat pusat khidmat masyarakat.

SNZ: Cik Din suko [suka] dok pekerjaan Cik Din Ioni?

SBY: Saya suko sebab tu saya letih pun tak po [tak apa] saya suko sebab dio berhubung dengan ore ramai jadi kito tahu masalah [masalah] ore ramai. kito tolong dio. Mace saya di-- asrama ore tuo sakni baru saya pergi JKM hadir. Kito nok tolong dio bagi bantuan bulanan kepada warga emas. Melibatkan JKM jadi kito keno berurus dengan JKM lah, Jabatan Kebajikan Masyarakat ni. Tak po kijo-kijo gitu meme [memang]-- sebab gini kito ore tuo kalu kito tidok [tidak] habiskan maso kito ngan [dengan] gini dengan keadaan kito gaul ngn ore rama, jawabannyo kito duk rumoh tido [tidur] lah baring-baring tidok tido pun baring (ketawa) dei [bila] baring gak jenero [tertidur]. Dok? (bertanya kepada penemubual). Jadi maso kito rugi. Ngan kito terlibat gini kea maso kito habis-- kito raso [rasa] dengan apo ore panggil-- dengan berguna.

NFA: Memberi apo ore kato manfaat lah kepada ore sekitar.

SBY: Ho [Ya]

SNZ: Sepanjang Cik Din kijo ado dok cabaran hok Cik Din lalui sepanjang jaga masjid?

SBY: Oh, banyak-- contoh katakanlah NGO daripada luar negara apo ni luar negeri hantar barang beras, tok kirolah gapo dio kito nak agih kepada kariah yang--

yang layak. Hah situlah cabaranya. Sayo layok jugok hok tu layok jugok hok tu payoh.

NFA: Dio mace cabaran tu mace dari segi Cik Din nok memilih ore--

(Mencelah)

SBY: Nok pilih ore hah--

(Mencelah)

NFA: Yang layak menerima bantuan--

(Mencelah)

SBY: Yang layak menerima bantuan, tu cabaran sebab kalu tok keno lagu [salah cara] dio marah sebab kito elok daripado kepada keluarga. Saya cukup elak, tak bagi.

NFA: Tak bagi ke keluarga sendiri lah?

SBY: Tok bagi-- sayo tok bagi—takut ore kato pilih kasih.

SNZ: Berdasarkan cabaran hok Cik Din oyak [beritahu] sakni [tadi] kei, mace gapo punca utama cabaran tu boleh timbul?

SBY: Tak dok, dio tak puas hati. Sebab jiran sebelah dio boleh dio tok boleh. Ado satu contoh, pihak istana. Raja perempuan lah Yang Mulia Raja Perempuan buat program khatam quran di masjid ni tahun lepak. Jadi apabila dio [baginda] wak majlis khatam quran, Dio [baginda] bawa bersama barang-barang untuk asnaf. Ado barang tu barang dapur lah tapi dio buh [letak] dalam kotak cantiklah mugo hok istano [istana] kei _____ wang 2 ratus ringgit. Dio tu cabaran, duit 2 ratus ya [ringgit]. Jadi ore hok tak leh gak--

NFA: Mace mempersoalkan lah?

SBY: Ho, mace bakpo dio boleh kito tak leh. Kito ni puah pilih doh. Bagi sayo, sayo tok kiro dio ni ado keto [kereta] ko rumah besar ko. Sayo kiro anak rama tanggungjawab besar tu pilihan saya kriteria saya hok tu dulu. Yang kedua baru ibu tunggal sebab ibu tunggal dio sore [seorang diri] dio jah. Yang penting anak-anak sekolah terutama anak sekolah rama. Sekolah sekarang] tujuh ringgit sari [sehari]. Kalu ado tiga ore, dua puluh satu ringgit kalu lima, tiga puluh lima ringgit. Jadi beban jadi hok ni kito utamo. Kalu ado barangan dari bentuk makane ko hok ni utamo sebab dio nanggung [menanggung] rama. Betul pendapatan okey dio berniaga tapi bukenyo senang sokmo [selalu] dio.

SNZ: Kironyo cabaran tu dapat atasi dok Ioni?

SBY: Tak dok tadi, cabaran tu kito bagi hok mano senarai kito bagi yang lain tu gitu la.

SNZ: Kironyo *still* timbul lagi la?

SBY: Tapi-- lain kali-- kato lah *round* kedua tu kito bui [bagi] ko dio pulok. Hok ni kito tinggal lah hok ni.

NFA: Kironyo meme cabaran daripada segi--

(Mencelah)

SBY: Agihan.

NFA: Nak memuaskan hati semua orang tu--

SBY: Payoh [susah]--

(Mencelah)

NFA: Mace payoh untuk diselesaikan la?

SBY: Payoh.

SNZ: Gano Cik Din ni menjalankan tugas Cik Din kat [dekat] Masjid Beijing?

SBY: Pertama sayo jiran lah rumoh sayo dekat dengan masjid. Pah ore tengok sayo bekah kaki tage kerajaan [bekas kaki tangan kerajaan] tak dok kijo pencen doh dok. Jadi maso sayo luang, luas lah-- ore kato untuk buat surat- menyurat, gi jupo pengawai kerajaan tu kito dah biasa dah. Mudah lah.

NFA: Kironyo Cik Din selain menguruskan dari segi kebajikan, Cik Din juga urusan surat-menyurat Cik Din ado juga urusankan?

SBY: Maso sayo SU ado surat menyurat.

SNZ: Sapo rakan seperjuangan Cik Din maso uruskan masjid ni?

SBY: Tadi Haji Wan Hanafi tu [Ajk Biro] Haji Wan Hanafi hok kato nok *interview* ni. Lepah tu ado lah beberapa orang yang sekali dengan sayo jugo jawatankuasa masjid lah. Dio jawatankuasa ni kalu tak sor palo payoh dio keno seiya sekata (bunyi ketawa) baru jadi sebab kalu kito sebelah hilir dio sebelah hulu jawabnyo tok berjayo.

SNZ: Okey, gapo kenangan hok Cik Din tok leh lupokan lah sepanjang jago masjid ni? Kenangan?

SBY: Kenangan?

SNZ: Hurm (sambil menganggukkan kepala)

SBY: Sayo tok ingat tahun 2-0-14 kot, kito ado satu program pelajar-pelajar perubatan di Kelantan daripado Kelantan pelajar-pelajar Kelantan bahagian perubatan yang belajar di Al-Azhar, Mesir. Dio buat satu program sini dio duduk seminggu-- berkampung di masjid ni. Pagi-pagi dio turun bersamo kito lah gi [pergi] ziaroh ore kampung yang sakit gapo dio wak [buat] rawatan secaro [secara] percumo sebab dio ni pelajar perubatan. Itu sayo kiro hebat lah dan rama ore Kelantan ni dio hebat-hebat sebenarnya. Duk di luar sano nu pelajar di _____ jadi dio duk berkampung kito pun berkampung dengan dio jugo bersamo. Ada yang perempuan ada laki. Hari tu tok silap dua puluh limo ore semo [semua]. Sini, seminggu dio duk. Jadi kito ore jawatankuasa masjid ni tolong masuk. Kalu tok dei masuk kito gi beli nasi bungkus makno kito-- sebenarnya kito tok keno sedio tapi kito ambik [ambil] apo ni manfaat daripado

dio turun mari tolong kito. Pah kito wak gi rumah hok mano hok sakit dio kiro wak *checking* lah, *check*. Itu bagi sayo satu-- kenangan bagus lah. Satu lagi ialah satu lagi tapi hok ni tidak itu mano. Kito wak mace kem cuti sekolah-- kito tido bersama pelajar di masjid, kito tido bersama dio, mace bersama dio.

NFA: Daripada sekolah mano tu?

SBY: Kito tok kiro lah. Asal kito-- sekeliling ni lah. Itu jugo bagus dan payoh nok buat tapi. Kito nok laksana setiap tahun meme tak termampu sebab masalah budok ni nok kawal dio ni payoh. Walaupun kito tidur sekali dengan dio pun tengoh male dio bangun lagi bangun nok hisap rokok lah, bau mace-mace. Dio wak alasan jah nok gi bilik air tapi sebenarnya gi hisap rokok. Kito pehe dio bau rokok-rokok ni tapi kito wak tok tahu je lah. Tu lah bendo-bendo [benda-benda] yang-- pah tu banyak lah kalau kenangan-kenangan banyak sebenarnya.

(Mencelah)

NFA: Tapi antara hok Cik Din sebut tadi antaro hok Cik Din ingatlah?

SBY: Haah, ingat lah ingat.

NFA: Ok, seterusnya

SBY: Dan pelajar-pelajar tu kalau itu-- dio masih lagi ado hubungan lagi.

NFA: Kironyo mace *still* lagi telefon nanyo kaba [bertanya khabar] lah?

SBY: Ado nanyo kaba.

NFA: Kito pergi ke soalan seterusnya lah. Apakah masjid pado pandangan Cik Din?

SBY: Masjid?

NFA: Haah (sambil menganggukkan kepala)

SBY: Maksudnya?

NFA: Pado pandangan Cik Din masjid tu gapo dio?

SBY: Masjid ni, pertamo sekali nyo rumoh Allah tempat ibadat tapi buke setakat-- banyak lagi apo ni kegiatan boleh buat di masjid mesyuarat, berkumpul, aktiviti-aktiviti kaum muda, muslimat, wargo tuo banyok lagi aktiviti. Buke setakat rumoh ibadat sahaja.

NFA: Cik Din tahu ko berapo butir [buah] masjid ado kat Kelantan? Cik Din tahu?

SBY: Kalu mengikut hok masjid agamo masjid hok-- masjid mukim je lah ni. Maksud masjid mukim ialah masjid hok boleh buat jumaat [solat jumaat] sebanyak 595 kalu tok silap tapi sekarang doh 7 ratus lebih doh. Tujuh ratus enam belas-- tapi tidok tepat angko [angka] tu. Lebih kure tu.

NFA: Pado pandangan Cik Din bakpo banyok masjid kat Kelantan?

SBY: Dio tabiat ore Kelantan ni kato dio gi meneroka. Contohlah katolah di Kemahang 1 [Kelantan] ore-ore kampung dio gi meneroka tanoh, mulo-mulo

sekali dio meneroka tempat rumah dio buat ialah surau. Surau dulu rumah ibadat maksudnyo. Lepah tu baru dio buat bangsal-bangsal ataupun pondok-pondok dio sebab kot mano-mano pun dio-- waktu malam, waktu magrib, iso [ishak] ni dio ake berkumpul solat jemaah. Kito ore Islam ni mace tu gi lah mano mano dio ake kumpul dio ake ado lah mulo-mulo surau pastu dio *upgrade* jadi masjid. Masjid iktikah dulu last kali masjid jumaat. Tu sebab banyak masjid tu.

NFA: Gapo fungsi masjid pado masyarakat?

SBY: Dio selain tempat tadi tempat berkumpul-- tanyo kaba-- selain pado kumpul tanyo kaba, tempat tadi lah tempat ibadat, menyambut hari kebesaran Islam.

NFA: Pado pandangan Cik Din gapo yang membezakan Masjid Beijing dengan masjid lain?

SBY: Dio sebenar dari segi struktur bangunan jah. Dari segi pengurusan dio samo. Sini bezanya bangunan jah sebab bangunan dio kiro unik sebabnyo reko bentok tu adalah tiru daripada masjid negeri Chino [Negara China] dan Beijing ni satu-satunyo masjid berbentuk gini di Malaysia. Kalu Al-Azim Melaka tu pun ado jugo cino tapi tidok sepenuhnya. Mace Beijing ni sepenuhnya.

NFA: Gapo pandangan Cik Din pasal reka bentuk Masjid Beijing? Pandangan Cik Din sendiri lah.

SBY: Dio gini jah sebenarnya masjid ni dari segi binaan dio mengikut budaya setempat tapi hok ni luar biaso sikit kerana nyo pihak pemerintah ingin ado bezo kepada negara-negara jiran kerana masjid ni terletak di jiran, Thailand mano nok bagitahu nok maklum kepada penduduk-penduduk jiran tu bahawa Islam ni universal tidok terikat dengan budaya, seni bina gitu la. Maknonyo kalu ore-ore cino ataupun ore-ore siam dio tengok masjid ni nampak mace kuil dio tetapi apabila dio tengok walaupun kuil pun apabila dio tengok menara itu beza sebab kito masjid ni bezanya Menara.

NFA: Secara keseluruhan gapo mace pandangan Cik Din lah secara keseluruhan mace pasal Masjid Beijing ni? Daripado segi mace reko bentuk dio, dari segi jemaah dio daripado segi sumbangan dio kepada masyarakat tu gano pado pandangan Cik Din?

SBY: Dio oleh kerana keunikan dio dari segi seni bina jadi ramai lah orang nak datang tengok dan caro pengurusan masjid ni pun kito tidok supo masjid-masjid mukim lain dio lebih terbuka. Maknanya, jemaah ataupun pengunjung tu mari maso mano pun masjid ni sedia terbuka tak dok terikat waktu ko gapo. Setengah masjid tu selepas pado waktu-waktu tertentu dio ake mace tutup lah tapi masjid ni tak tutup, terbuka. Pah tu kemudahan pelancong mace pagi-pagi contoh cuti-cuti sekoloh ni untuk mandi-manda, untuk guno tandas ni kiro *open* lah tak dok kato bayar ko apo, tak dok sebab kito untuk sebuah masjid *site* pelancongan jadi kito keno sedio belako [semua] kemudahah-kemudahan pengunjung yang datang ke masjid.

NFA: Pado pandangan Cik Din gano ore rama [orang ramai] ni dapat menerima reka bentuk Masjid Beijing yang berunsurkan seni bina cino [Cina]. Gano [bagaimana] penerimaan orang ramai tu?

SBY: Dio pado peringkat mulo bino ore kampung-- orang-orang tok [tak]-- terimo [terima] dio kato supo [seperti] tak dok seni lain dok maso dale pembinaan tapi apabila siap-- selepas tu pihak kerajaan pun umum bahawa tadi lah kerano kito tok terikat dengan budaya. Islam ni tak terikat, Islam ni universal tidok terikat dengan seni bina dengan adat budaya tidok terikat yang kito ikat *faith* saja, akidah sebab kito Islam ni akidah. Jadi dari segi bangunan ni tak terikat. Jadi orang pun bangga [bangga] sekarang terutamo [terutama] orang Rantau Panjang bangga sebab orang luar-luar semo mari kunjung mari Rantau Panjang.

NFA: Mace-- Cik Din oyak lah awal-awal hari tu ore mace tanyo bakpo-- mace tak dok seni bino lain. Mace gano ore koho-koho [perlahan-lahan] menerima Masjid Beijing ni?

SBY: Mace tadi lah dio pun-- sebab kerajaan sendiri pun mace ustaz-ustaz duk royak [bagitahu] Islam mace tadi lah tidok terikat dengan--

(Mencelah)

NFA: Mace nampak lah ore pun mulo menerima la?

SBY: Hah [ya] mulo menerima.

SNZ: Bakpo Cik Din ni mace berpuas hati lah dengan keadaan Masjid Beijing Ioni?

SBY: Kalu kiro puas hati tok puas hati (penemubual ketawa) sayo kalu nok itu lagi.

(Mencelah)

NFA: Nok lebih itu lagi lah?

SBY: Hah nok lebih dari segi prasarana dio dari segi-- tapi ho la sebab kekangan kewangan itu jugok. Nok mohon dengan pihak MAIK pun keno wak ketah kijo [kertas kerja] molek-molek [elok-elok] kalu tok wak kijo dio tok laye. Banyok lagi perkara sepatutnya masjid patut nyo keno ado ruang-- mace tempat mandian khusus jangan libat dengan bangunan solat ni makno kito wak satu--bangunan lain nah untuk dio panggil gapo pengurusan deh (bertanya kepada penemubual).

NFA: Supo mace RNR [Rehat dan Rawat] lah.

SBY: Hah mace tu makno dio-- untuk muslimat untuk muslimin. Kito asingkan maknonyo kalu dio singgoh [singgah] mari masjid ni dio tahu doh tempat mano dio nok gi tempat mandi apa semua. Mace ni semo naik atah jadi itu sikit lah napok [nampak]. Satu lagi kalu boleh prasarana lagi ialah tempat-tempat rehat-ore-ore datang masjid ni kea dio tak dok tempat rehat ni. Kalu kito perhati ado berapo tempat jah terpaksa naik atah lah duduk di anjung duk di tanggo-tanggo [tangga-tangga] gitu mace pasaraya patut ado tempat khas tu. In shaa Allah lah mungkin pihak pengurusan satu hari pikir lah mendo [benda] lagu tuh.

SNZ: Selain daripada hok Cik Din oyak tu apo lagi mace penambahbaikan hok Cik Din nok wak?

SBY: Selain pado tu sayo nok rumoh-- rumoh tok imam, tok bilal, tok siok supaya tok imam ni selalu berado di--

(Mencelah)

NFA: Di ruangan masjid.

SBY: Bilo-bilo maso ore-- perlu tok imam dio ado di masjid. Mace sekarang ni duduk jauh-jauh sewa situ sewa sini.

(Mencelah)

NFA: Jadi kalau--

SBY: Jadi kito perlu *call* kalu nok ko dio.

NFA: Jadi kalu pado pandangan Cik Din mace agak tu jugok lah tok imam duk jauh mengganggu jugok lah?

SBY: Ho, kade-kade mengganggu, kalu contohnyo ore nok perakuan tok imam. Loni kei supo nok isi borang nikoh kahwin ni kito isi *online* tapi keno mari ngesoh [pengesahan] dengan dio dengan tok imam dulu pah tu baru gi hantar ko pejabat kodi. Jadi kade-kade nok mari ngesoh tu tok imam tak dok jadi dio terpaksa tinggal pejabat kito dulu esok mari ataupun lusa mari jadi dio-- Loni kei ore sibuk maso terhad sebab kalu boleh dio sudoh cop ngesoh terus jajahan selesai, cop-cop sano wak kelik mari pulok seroh ko tok imam dio peraturan dio gitu Loni.

NFA: Kiro tu lah antara hok Cik Din nok lah?

SBY: Hok tu kito nok kalu boleh nok rumoh gapo semo tu.

NFA: Supaya memudahkan urusan segalo urusan lah.

SBY: Tapi sebenarnya semo bendo ni dale palo pihak atasan doh.

NFA: Mace pernah Cik Din menyuarakan kei lah?

SBY: Dok kito doh-- dale mesyurat pernoh doh kito pernoh kito menyuarakan untuk rumoh bilal, siak, imam.

SNZ: Agok-agoknyo perancangan tu bilo mace ake dibuat rumoh tok imam gapo tu?

(Mencelah)

NFA: Menerima maklum balas hok positif dok daripado ore atasan?

SBY: Dok lagi (ketawa) dio payoh dio-- dio ikut gotu dio ikut apo ni--

NFA: Hok mano memerlukan?

SBY: Hah, ikut giliran pah tu sapo dio pandai (ketawa)

SNZ: Selain pado Masjid Beijing ni kei dekat mukim ado dok masjid lain dekat mukim?

SBY: Ado, Masjid Banggol Kulim, Masjid Kedai Lama, Masjid Gua Nering sekitar-sekitar ni. Harus diingat masjid ni adalah pusat pentadbiran masjid-masjid lain dibawah dio empat puluh satu buah masjid mukim dibawah masjid ni. Jadi sebarang surat-menyurat sebarang surat pekeliling apo semo daripada masjid mukim dio keno mari ambik sini. Hantar musim duit apo ni fitrah contohnya dok dio keno mari bayar sini. Begitu juga agihan kepada asnaf pada anak yatim pada ibu tunggal apo semo tu dio mari ambik sini. Mohon dengan kito, kito hantar ko majlis, majlis lulus mari ambik sini balik. Makno mano pusat tu lagi besar dari segi fungsi dio, kalu kito tengok gitu dio besar fungsi dio.

(Mencelah)

NFA: Dio mace supo mace--

SBY: *Center.*

NFA: Mace HQ (Corporate Headquarters) lah.

SBY: Hah, nok bayar zakat nok bayar semo sini. Dio tak yoh gi sekalo keno gi masjid agama ni sini buko.

SNZ: Cik Din raso kei gano ore rama ni menyokong Masjid Beijing?

SBY: Dio setiap baru atau setiap bendu yang jadi goh [gah] masyarakat dio meme dio sokong. Dio sohor [berbangga] lah dok. Mano Beijing, Rantau Panjang sohor masjid tu terutama ore-ore sokong bena ore hok nego [berniaga] lah sebab ore mari masjid ni gi Rantau Panjang suko [gembira] lah.

SNZ: Okey, soalan seterusnya ni pasal Masjid Beijing, sapa hok bino Masjid Beijing?

SBY: Kerajaan negeri.

SNZ: Okey, seterusnya—

(Mencelah)

SBY: Peruntukan pun dio jugok, 8.8 juto peruntukan negeri hanya tapak saja orang kampung. Tanah ni orang kampung beli, kampung beli 3.7 ekar keluasan dio. Ore kampung beli nok wak bangunan jah tak boleh buat.

NFA: Kironyo dari segi pembinaan bangunan kos tu daripada kerajaan negeri tapi tapok tanah dibeli oleh--

SBY: Orang kampung.

NFA: Orang kampung?

SBY: Kariah kampung.

SNZ: Kironyo gano Masjid Beijing ni mace ditubuhkan?

SBY: Dio maso tu dio tak dok masjid besar. Masjid Banggol Kulim tu kecil jah masjid mukim, Masjid Kedai Lama kecil-kecil jah. Jadi nok bui nampak besar sikit gak sesuai dengan Bandar Rantau Panjang jadi wujud masjid ni.

SNZ: Sapo hok menubuhkan Masjid Beijing ni?

SBY: Sapo? Kerajaan (ketawa) Kerajaan Kelantan.

NFA: Mace sapo hok memberi idea?

SBY: Idea tu mantan Menteri Besar lah.

NFA: Mantan Menteri Besar Kelantan?

SBY: Tuan Guru Nik Abdul Aziz.

NFA: Dio lah yang memberi--

(Mencelah)

SBY: Hah dio ni memberi idea--

(Mencelah)

NFA: Idea untuk membina masjid ni?

SNZ: Pado tahun bilo Masjid Beijing ni dibina?

SBY: 2-0-0-5 (2005)

NFA: 2-0-0-5 (menganggukkan kepala)

SBY: Siap 2-0-0-8. Hah siap tu sayo bersaro terus mari tugas sini.

SNZ: Boleh sayo tahu sapa hok meluluskan tahun Masjid Beijing ni dibina?

NFA: Maksud dio sini mace, ok masjid ni kito nok bino 2005, pah tu sapa dio hok ok boleh buat 2005.

SBY: Itu dio apo ni-- Sultan Kelantan mari rasmi, Almarhum Sultan Ismail Petra, dio [baginda] mari rasmi, 2005 tu dio [baginda] rasmi. Lepah dio [baginda] rasmi tu start buat sebab tu masjid ni namo dio [baginda] Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.

NFA: Kironyo mace Cik Din oyak tadi Sultan Kelantan sendiri merasmikan kei?

SBY: Ya.

NFA: Kironyo dio [baginda] sendiri lah yang menawarkan diri untuk mace untuk merasmikan?

SBY: Dio [baginda], haah.

NFA: Kironyo bukan kato mace ado ore mace pilih ke dok lah? Kironyo dio [baginda] sendiri?

SBY: Dio--[baginda]

NFA: Dio [baginda] yang-- (menganggukkan kepala)

SBY: Semasa dia [baginda] sakit kei, Al-Sultan Kelantan maso dio [baginda] sakit kei, dio [baginda] dalam dio [baginda] sakit, dio [baginda] kato "oh teringat eh Masjid Beijing" ore wak mari, dio [baginda] duk dale keto dio pusing jah, balik lah masjid ni sempena nama dio [baginda].

NFA: Kironyo selain Masjid Beijing ado namo lain lah masjid ni?

SBY: Tak dok, tu namo hok biaso *glamour* Masjid Beijing lah tu tapi hok rasminyo Masjid Jamek Sultan Ismail Petra.

NFA: Kironyo tu lah namo rasmi?

SBY: Hah, rasmi.

NFA: Kironyo Masjid Beijing ni namo panggilan lah?

SBY: Panggilan.

NFA: Bakpo mace dapat namo panggilan Masjid Beijing?

SBY: Beijing tu sebab masjid ni-- betul-betul ado di Beijing, China.

NFA: Bakpo Masjid Beijing dibina di atas tanah ini? Mace bakpo pilih tanah ni?

SBY: Dio asalnyo nok buat di Kota Bharu [Kelantan] nok buat pusat pemerintahan negeri Kota Bharu tapi tidok ado tanah yang seluas 3.7 ekar sebab nok beli Kota Bharu mahal juto-juto [juta-juta]. Juto-juto tak po lagi mugo kerajaan tapi tak dok barang tak dok tanah (bunyi helaian kertas).

NFA: Sapo hok mencadangkan Masjid Beijing ni dibina di atas tanah ni?

SBY: Menteri Besar sendiri.

NFA: Menteri Besar sendiri? Maso tu lah?

SBY: Menteri Besar sendiri.

NFA: Kironyo sebab mace-- Cik Din oyak tadi Kota Bharu tak dok tanah hok sebesar ni?

SBY: Tak dok.

NFA: Kironyo Menteri Besar Kelantan waktu tu mencadangkan tanah ni?

SBY: Sini [tapak Masjid Beijing] betulan kito tanoh ado tapi nok wak bangunan tu tak dok.

NFA: Tanah keluasan dio 3.7 ekar?

SBY: 3.7 ekar.

NFA: Bakpo untuk bina masjid ni memerlukan keluasan sebanyak 3.7 ekar?

SBY: Sebab dio selain bangunan masjid dio keno ado kawasan *parking*, kawasan rekreasi, rumah-rumah imam, tok siak, rumah bilal dio keno ado belako kelengkapan dio.

NFA: Dekat-dekat ni mace ado dok-- gapo dio hok ado sekitar masjid Beijing ni hok mace memudahkan ore rama lah?

SBY: Di sekeliling dio?

NFA: Hah, di sekeliling dio.

SBY: Tak dok, kedai-kedai gitu je lah, kedai ni kedai Pantai Timur ni

NFA: Kalu mace balai polis, hospital jauh ko selain dari sini?

SBY: Dale-- tak jauh doh.

NFA: Tak jauh doh?

SBY: Hurm, pejabat kerajaan pun dekat jah (bunyi gangguan nada dering telefon).

NFA: Mace bakpo Cik Din raso mace Masjid Beijing ni mace persekitaran dio mace dibina daripada bersekitaran hok gini? Persekitaran hok mace dekat dengan kedai-kedai ore Rantau Panjang? Bakpo Cik Din raso?

SBY: Dio kalu kiro dulu dio jauh doh pado ore ni dok jauh doh ni, sini dulu bendang padi dulu ni bendang padi jauh doh lah pado ore tapi lamo-lamo kea ore mari duk dekat pah tu Taman Rantau Emas, situ taman. Taman Rantau Emas.

NFA: Kironyo dulu mace bendo ni alami lah berlaku mace-- ore kato kemajuan dari segi pembangunan?

SBY: Ho, sebab kiro harap pado satu taman, Taman Rantau Emas tu ado dua ratus sepuluh unit rumoh jadi kito harap pado hok tu jemaah tu ake mari sini.

NFA: Berapo anggaran kos untuk menyiapkan Masjid Beijing hok mace keseluruhan

dio?

SBY: 8.8.

NFA: 8.8 juto?

SBY: Juto tapi lani lebih doh pasal kito *upgrade* wak tangga OKU [Orang Kurang Upaya] kito ubah anjung tu lebih doh lah tapi asalnyo 8.8 juta.

NFA: Meme hok tu meme sudah siap semo tu

SBY: Siap, ho.

NFA: Secara rasminyo 8.8 juta?

SBY: 8.8 juto.

SNZ: Sapo hok meluluskan anggaran 8.8 juto hok sakni?

SBY: Hok tu urusan kontrak kerajaan, kontrak.

SNZ: Ok, gapo cabaran hok dihadapi semasa membina Masjid Beijing ni?

SBY: Dio cabaranyo bare lah. Dio panggil gapo barang-barang asas sebab keno *import* daripada China mace atap, *roofing* dio bahangian *roofing* tu keno *import* daripada Chino.

SNZ: Kironyo cabaran tu dapat mace ore kato diatasi?

SBY: Diatasi lah.

SNZ: Diatasi lah?

SBY: Diatasi sampai boleh siap.

SNZ: Boleh sayo tahu gano cabaran tu diatasi?

NFA: Mace dari segi nok beli bare.

SBY: Hok ni urusan ore perniagaan dio *order* bare tu dio nok *order* bare dari Yunan dari China dio ado untuk urusan perniagaan lah. Urusan ore kontrak lah tu.

SNZ: Bakpo bangunan masjid ni dio ado unsur seni reko [seni reka] berunsur cino?

SBY: Sebab bangunan asas dio pun daripado China doh jadi kito tiru-- dio sano di Niujie, China nu [sana] di Beijing nu keluasan dio nyo hok ni satu per tigo jah ni besar ni denu makno kali tigo lah. Hok kito buat ni satu per tiga daripado sano jadi bentuk-bentuk semo kito tiru boleh kato kei seratus peratus sano.

SNZ: Kironyo sapo hok mace buat rekaan bentuk bangunan masjid ni?

SBY: Hok ni-- JKR [Jabatan Kerja Raya] Kelantan gi ke sana.

NFA: Kironyo JKR Kelantan gi ke Beijing.

SBY: Beijing nuh.

NFA: Untuk tengok masjid.

(Mencelah)

SBY: Hok buat masjid hok *plan* tu.

SNZ: Kironyo tak dok spesifik sebab sapa lah JKR tu?

SBY: Dio ado satu *team* dio lah, satu *team*--

SNZ: Mace bakpo *team* tu hok dipilih untuk buat rekaan bangunan masjid tu?

SBY: Keliru soalan tu tuh.

SNZ: Kironyo mace bakpo *team* JKR tu?

(Mencelah)

NFA: Mace dipilih untuk--

SNZ: Mace ore pilih dio wak Masjid Beijing?

SBY: Ho dio meme urusan binaan bangunan-bangunan ni dibawah JKR, Jabatan Kerja Raya meme doh.

NFA: Dio meme--

SBY: Dio ado unit apo ni arkitek apo semua ni dale tu belako doh, arkitek apo semo.

SNZ: Boleh sayo tahu gapo uniknyo Masjid Beijing ni?

SBY: Tak dok, seni bina jah.

SNZ: Lepas tu sayo nok tahu pasal aktiviti hok dijalankan di Masjid Beijing ni?

SBY: Aktiviti harian ko, dio ado-- mingguan, harian, bulanan.

NFA: Ho, kalu mace harian gano?

SBY: Harian ni selain pado hok solat jemaah kito tu, kito ado kelas-kelas Al-Quran. Muslimat, kanak-kanak, muslimin kelas quran. Tu hok kiro harian lah tu pahtu pulok kuliah magrib. Kalu mingguan, kito ado kuliah, dio panggil kuliah dhuha maksudnyo kelas subuh lepas subuh lah tunggu ko waktu dhuha hok tu ado jugok tu tiap-tiap minggu. Lepas tu selain pado tu tiap-tiap pagi kito ado kelas Al-Quran tiap-tiap pagi lepas subuh jemaah ambik quran sebuah sore mace hari ni baco muko surat seratus lapn puluh dua. Tok imam baco satu ayat demi satu ayat makmum ikut okey sudoh baco semo tok imam ake baco taksir dio gitu jah tiap-tiap hari kito dah buat empat kali khatam quran untuk habis satu quran tu sekali habis tiga puluh juzud tu memakan maso enam ratus hari-- sebab muko surat quran ni enam ratus dua, enam ratus empat ko duo gitu lah.

NFA: Kironyo satu hari satu-- muko surat?

SBY: Satu pipi. Setiap hari satu pipi jadi keno libat enam ratus hari sekali khatam jadi kito dah empat kali doh.

NFA: Kalau aktiviti bulanan?

SBY: Bulanan ni kito sambutan har-hari kebesaran lah. Hah, kalu ore kato sikit lagi kito ake hadapi Aidil Adha [Hari Raya Haji] kito wak majlis korban tu hok sokmo doh lepah tu kito ake wak majlis satu hari suku apo ni panggil hari raya sambutan Hari Raya Aidil Adha hok ni biaso kito wak sokmo malam. Lepah magrib kito-- panggil tok guru kito make-make [makan-makan] gitu rayo aidilfitri baru ni pun mace tu jugok. Kito masjid ni dio asas nasi, bihun, hok asas lah hok kenyang lah pahtu untuk tambahan tu kito jemaah mitok [minta] _____.

NFA: Tu hok bulanan lah?

SBY: Ho, bulanan biasonyo bulanan hok sambutan hari-hari kebesaran Islam.

NFA: Selain daripada mace hok Cik Din oyak tadi aktiviti harian, aktiviti mingguan, bulanan kea. Ado dok aktiviti-- mace melibatkan mace *international* ko kebangsaan ko?

SBY: Na-- ado--

NFA: Ado?

SBY: Ado.

NFA: Contohnya?

SBY: Mace kemarin kito wak-- SBG Jiran Tetangga dio panggil. Hok ni dibawah Kesatriat Parlimen Malaysia hok kebangsaan dio ado satu *team* dio mari tiga belas orang pahtu kito panggil kaum-kaum siam, kaum-kaum cina, india, melayu kito bincang dio panggil masyarakat *inclusive*, bincang mana kita nok dio panggil dale bahaso dio gak akomodasi gitu (ketawa) nok menyesuaikan dalam masyarakat kito "mu buddha, mu sesuai lah dengan buddha mu, Islam sesuai lah" walaubagaimanapun kito keno hidup bersama saling tolong-menolong, ingat kei loni-- dulu-- kito ingat kei kalu cino meninggal ore cino meninggal kei ore melayu tok gi, dulu lah tapi sekarang dok makno itu perubahan lah. Kalu kato ore-- kito melayu meninggal dok saen-saen [kawan-kawan] cino dok mari takziah gitu jah loni dok dio mari tu bezo.

NFA: Dio mace keterbukaan lah?

SBY: Hah, kebukaan sikit. Hoh, kito nok gini ni panggil *inclusive*, komuniti _____ ni hok kerajaan cubo [cuba] nak-- dedahkan pado masyarakat.

NFA: Kironyo mace daripada-- aktiviti mace aktiviti marin [semalam] mace dibawah hok tu hok Cik Din oyak tadi kei?

SBY: Hok ni dio gini, oleh kerana kito bangunan kito ni alah tidok masjid kito ni tidok supo masjid lain mesti kito nok panggil ore cino gapo dio ake mudoh mari meme mudoh mari dio mari _____.

NFA: Dio mace menerima lah ore kato?

SBY: Menerima, hah menerima.

NFA: Mace dio pun menganggapkan bendo tu mace “Oh, Islam ni tidok memilih”

SBY: Tidak memilih.

NFA: Hah.

SBY: Kito terbuka.

NFA: Kironyo bagi Cik Din lah mace aktiviti-aktiviti hok mace marin mace boleh apo ni membawa satu pembaharuan lah?

SBY: Boleh-- In shaa Allah kito ake berterusan sebab bagi dio kiro kito Rantau Panjang ni khasnyo Masjid Beijing kironyo satu model untuk kebersamaan antara kaum di Malaysia. Kalu kito tengok di Pulau Pinang ore bae [azan] derah [kuat] tok leh [tak boleh] deh kito sini tak po tengok ore cino _____ *interview* “kito oh jak [sejak] kecik lagi kito duk dengar bae tak dok masalah apo bo kei [hanya] dengar bae kito raso tenang” deh cino tu (bunyi ketawa) tapi di Pulau Pinang derah maroh [marah] hok tun ok lain doh tu jadi nok-- sesuai tu hok tu panggil *inclusive* tu, kesesuaian nok-- terap mace mano. Makno pihak ore besar-besar keno pikir [fikir] lah. Pah tu selain pado tu juga kito dilawati oleh mace Menteri Cino mace ado tahun ni doh sayo tok ingat bulan berapa tok ingat dio mari.

NFA: Menteri Cino mari melawat?

SBY: Ho, mari sini ho mari melawat jadi kito-- dio kato dio gi tempat lain dio heran dio mari sini dio lain. Dio kato dio gi tempat lain kei dio mari ore tok caro [tak ambil kisah] dio lilah-lilah [lalu-lalang] gitu tengok-tengok kelik [balik] lah kito dok. Kito wak go lain kito sambut kito jawatankuasa tunggu dio tanggo sambut naik _____ kito wak *round table* selalu biar dio duduk kito sedio lalu makane. Makane tu hok makane hok tidok hok Malaysia sajo hok siam kito campur hok cino.

NFA: Pelbagai lah.

SBY: Ho, pelbagai. Suko dio eh dio kato dio-- gi tempat lain lah tidok gini. Kito rasmi.

NFA: Dio raso disambut lah.

SBY: Kito sambut. Dio raso dihargai ado cino tu dio bui kad sayo dio kato “kalau cikgu gi pejabat Kuala Lumpur [Malaysia] gi cari kito” dio kato. “Tak payoh, kito urus belako” dio kato sampa gitu maknonyo dio suko lah tu. Tok tahu dio nok *test* kito tak tahu tapi kito ake cuba.

NFA: Cik Din bakpo mace aktiviti tu dijalankan di Masjid Beijing?

SBY: Disini mudah-- tu jah.

NFA: Mudoh tu mace mudah dari segi gapo?

SBY: Kato lah kito nok hubungan ore Thailand mudah tahu tempat “mano weh”?
“Masjid Beijing” selesai selalu Kota Bharu mano pun jupo mano-mano Masjid
Beijing mudah.

NFA: Berapo kos yang diperlukan untuk menaiktaraf dan membaik pulih masjid?

SBY: Hok tirih [bocor] ni ado tirih sikit loni JKR kato kalu nok beki [baiki] apo semo tu
juto-- jutoaan [jutaan] ringgit sebab dio keno rombok balik atap atas nuh
rombok balik lepah tu dio keno konkrit semula lepah tu pasang balik supo wak
baru lah. Kalau tengok menara tu sayo cat menara tu JKR kato “kalau cikgu
nok cat menara tu cikgu keno sedio 13 ribu” sebab dio kato kito keno guno kren
basoh dulu sembur air basuh cuci baru cat. Sayo pun mohon dengan MAIK 20
ribu, dio lulus sayo 20 ribu.

NFA: Untuk cat--

SBY: Menara sahaja, kito pun panggil kontrak kito-- urus sendiri lah sebab MAIK kato
tak po masjid urus _____ tengok-tengok gi dengan _____ 11 juto--11 ribu lah-
- _____ dio kato.

NFA: Hok tu cat sajo lah kea?

SBY: Ho, cat sajo jah tu

NFA: Mace Cik Din oyak tadi kalu nok beki bumbung atap make--

SBY: Jutaan jugok.

NFA: Jutaan jugok lah

SBY: Nok cat bangunan sajo nok cat bangunan keseluruhan bangunan ni 170 ribu.

NFA: Pernah [pernah] dok menyuarakan mace untuk cat balik?

SBY: Ho, kito pernah menyuarakan hok tulah sekali kito mintok [minta] jugo menara maso tu dio doh berlumut air hujan kan turun berlumut. Jadi kito mintok masjid, masjid mari tengok dio lulus selalu 20 ribu.

NFA: Gano Cik Din ni memastikan Masjid Beijing ni masih dapat mengekalkan reko bentuk dio?

SBY: Kito ho meme lah kito cubo sedaya mungkin lah makno kato kito nok beki gapo kito tok uboh [tak ubah] struktur dio ataupun cipto apo ni rekaan dio kito tok uboh. Contohnya kito wak nuh bangsal-- keto jenazah [van jenazah] pun kito wak dale bentuk cino jugok.

NFA: Ado keto jenazah cino?

SBY: Ho, ado.

NFA: Bentuk dalam bentuk seni bina reko cino jugok?

SBY: Ho, cino jugok tempat dio tu garaj dio tu. Keto belake ni ado untuk garaj tok imam untuk tiga buah keto tok imam, kito wak bentuk mace tu jugok. Bentuk lah mahal nyo. Kalu ktio wak biaso ni tok habis, kalu kito wak hari tu habis 29 ribu. Kalu wak biaso mungkin dale 20 ribu jah tapi kito nok mengekalkan. Wakaf-wakaf tu kea dio buat-- keno ado jugok untuk unsur-unsur tu.

NFA: Syarikat mano yang bertanggungjawab mace mengendalikan kerja-kerja membaik pulih masjid ni?

SBY: Dio urus sebab kito tok pernah lagi dio ado peringkat besar kea tok pernah lagi hanya ado hok kecil-kecil je lah. Biasonyo hok syarikat tempatan lah hok kelas C, kelas D.

NFA: Mace contoh mace syarikat mano hok pernah mace dipilih untuk mengendalikan kerja-kerja?

SBY: Sayo tok ingat namo ado, mace buat tanggo OKU gapo ni sayo tok ingat namo.

NFA: Kiro hok tu syarikat tempatan?

SBY: Tempatan-- supo OKU tu kea tanggo OKU tu, hok depe anjung nuh sikit. Kalu dulu sempit jah tu dulu, kalu tengok gambar asal kei ni diperluaskan.

NFA: Ado ko kerajaan negeri Kelantan ni memberi sumbangan untuk Masjid Beijing?

SBY: Dio selepas pado dio bagi hok 8.8 tu, ado lagi mace kito mohon *aircond*, *aircond* seluruh masjid ni 120 ribu, tu kerajaan negeri Kelantan. Sayo gi jupo sendiri dengan pejabat Menteri Besar jupo dengan SU dio. Persemboh [menunjukkan] surat hile [hilang] sekali surat sayo gi pulok hok kedua [kedua] sayo kato harap jangan hile. Sebenornyo buke hile, dio tok ser segero sebab sayo mintok nok segero tapi dio lulus selalu.

NFA: Selain daripada mohon *aircond* hok Cik Din sebut tadi, ado dok mace Ioni lah mace ado dok mintok sumbangan gapo-gapo daripada kerajaan negeri untuk Masjid Beijing ado dok?

SBY: Ado.

NFA: Contoh dio?

SBY: Contoh kito mace _____ air tu, kito kalu tengok ado-- bekalan air tu kerajaan Kelantan lah tu. Hok terkini ado lulus-- minggu lepas nu nok wak tangki besar hok kerajaan Kelantan lah. Hargo dio dale 150 ribu, lulus doh lah tu mari tengok doh. Tunggu kontrak jah doh.

NFA: Sebelum Masjid Beijing dibino di atas tanah ni, tanah ni sebelum ni digunakan sebagai gapo?

SBY: Bendang padi.

NFA: Bendang padi sajo lah?

SBY: Dio Bendang padi.

NFA: Atas namo sapo, maksudnyo bendang padi tu pemilik dio sapo?

SBY: Tiga ore pemilik.

NFA: Tiga ore pemilik, mace maso sebelum nok wak Masjid Beijing tu mace gano tiga ore ni sukarela?

SBY: Dio jual--

NFA: Jual lah.

SBY: Haah.

NFA: Dio jual lah?

SBY: Dio jual.

NFA: Kiro tak dok kato--

SBY: Dio jual--

SBY: Kito jawatankuasa masjid ni membeli tanah tu daripado tiga ore ni.

NFA: Kironyo tiga ore ni pun tak dok kato mace tok ser jual lah.

SBY: Dok--

NFA: Kironyo sukarela menjualkan lah?

SBY: Hargo pun tidok terik [tidak mahal] lah biaso jah. (Bunyi helaian kertas)

NFA: Berapo ore pekerja hok terlibat dale proses pembinaan masjid?

SBY: Hok tu kito nok oyak tak leh, rama sebenarnya.

NFA: Sapo kontraktor hok bertanggungjawab dalam pembinaan masjid?

SBY: Di Kota Bharu, ore Kota Bharu. Saya-- Dio-- namo sayo tok ingat- kontrak melayu lah daripada Kota Bharu. Gapo namo dio tapi dio dah meninggal lah sekarang, kontraktor tu tak dok doh loni.

NFA: Sudah meninggal.

SBY: Sudah meninggal dah. Pengurus dio.

NFA: Mace sapo mace memilih kontraktor tu?

SBY: Tu urusan JKR.

NFA: Urusan JKR lah?

SBY: JKR.

NFA: Bila dia meninggal?

SBY: Dio selepas selesai dio bino masjid ni

NFA: Kironyo tidok lama selepas tu dio pun meninggal?

SBY: Meninggal.

(Peserta kajian tidak ingin maklumat direkodkan dan ditranskripkan)

NFA: Pihak mano hok meluluskan untuk melakukan pembinaan Masjid Beijing wak tu?

SBY: Tu JKR belako.

NFA: JKR belako lah?

SBY: Ho, semo urusannyo. Dio-- gini pengurusannyo ni di masjid ni dibawah kerajaan negeri buke hok MAIK masjid ni asalnyo [asalnya] buke hok MAIK, kerajaan negeri. Kerajaan negeri dio ake seroh ko JKR, JKR negeri lah dio JKR

ni dio ado dua Kelantan ni ado dua, JKR pusat persekutuan, JKR negeri. Setiap bendo jabat-- pertanian negeri, jabatan pertanian persekutuan. Kito Kelantan ni mace gitu lah. Jadi hok yang urusnyo ialah JKR negeri lah. Dio persekutuan ni hok besar-- mace sekoloh, jalan raya. Hok besar-besar ni persekutuan, dio ado doh lah agihan dio tu. Supo kito kato contoh MARA bawah kementerian luar bandar buke bawah pendidikan, buke bawah kementerian pendidikan, kito kato eh bakponyo universiti patutnyo pendidikan pengajian tinggi dok. Dio dok MARA dibawah pembangunan luar bandar gitulah mace ni jugok JKR semo tu. Kalu MAIK nok wak masjid pun, MAIK akan serah kepada JKR jugok.

NFA: Sapo hok mencadangkan lokasi Masjid Beijing, mace Masjid Beijing perlu dibuat sini?

SBY: Tu kerajaan lah.

NFA: Kerajaan jugok lah. Kironyo--

SBY: Asalnyo nok wak Kota Bharu tapi tak dok—tanoh.

NFA: Kironyo mace, mace duk cari-cari tu ado lah tanoh sini [Rantau Panjang]

SBY: Ho, ado tanoh betulan [kebetulan] kito nok wak masjid.

NFA: Betulan nok wak masjid tanoh pun ado.

SBY: Tanoh ado, duit tak dok (ketawa) sede molek lah dio pun _____ dio pun pitih [duit] ado tapi tanoh tak dok.

**NFA: Sapo hok menyokong cadangan lokasi ni untuk menubuhkan Masjid Beijing?
Sapo dio?**

SBY: Hok-- ni pihak kerajaan belako.

NFA: Pihak kerajaan belako mace sepanjang mace ado dok hok menentang "tok leh lah wak masjid sini"

SBY: Tak dok.

NFA: Tak dok?

SBY: Keno tei [pukul] berat ore lagu tu (ketawa)

NFA: Takut ado mace mengganggu dio punya tanoh ko, tak dok lah?

**SNZ: Ok, soalan seterusnya pasal pengalaman Cik Din, gapo pengalaman manis hok
Cik Din pernah lalui lah sepanjang kijo sini?**

SBY: Tadi-- oyak doh sakni.

SNZ: Hok tu tidok dilupakan hok tu pun manis lah kironyo?

SBY: Manis jugok.

NFA: Ado lagi dok selain hok mace Cik Din raso mace manis sangat?

SBY: Boleh ulangi balik? Okey, boleh. Pada tahun 2010 (ketawa)

NFA: 2010

SBY: 2010. Beberapa orang jawatankuasa masjid kito lah, jawatankuasa masjid kito pergi ke Bangkok [Thailand]. Kito gi beriktimah, tabligh-- tahu la deh tabligh?

NFA: Tahu--

SBY: Maso tu dio wak peringkat ASEAN, asia.

NFA: Besar lah?

SBY: Besar lah. Besar asia ni di Bangkok di dekat Lapangan Terbang Don Mueang jadi kito gi. Kito gi- salah seorang ore majlis agama sore, pastu saya ado lah dua, tigo ore lagi gi naik keretapi, enam belas jam keretapi. Biaso gi *flight* jah dok *flight* tu dua jam setengah. Hok ni kito nok gi dengan keretapi, keretapi kito naik di Hat Yai [Thailand] kito naik sungai golok. Kito *booking* keretapi hok no hok tido lah. Jadi sukonyo apabilo gi pergi ni kito dianggap *foreigner*-- ore luar, dio laye [layan] bagus. Pah tu ado di antara rombongan sayo ni dio make nasi dio keno ado sambal. Sambal ni hok air tangan bini [isteri] dio jah buat dio bowok [bawa] sepanjang (ketawa) seminggu tu bowok bekal.

NFA: Sambal isteri dio.

SBY: Ho, sambal isteri dio. jadi kita orang pun boleh tupe [tumpang] lamo-lamo sekali sedap (penembual ketawa) meme sedap. Kito pun nok belajar lah. Kato boleh dok ajar kito sambal ni. Dio kato “boleh”, dio tak dok keno itu apo cumo oyak bahan dio oyak tu pun dio tok oyak habis dok. Ko oyak habis ilmu masok-masok?

NFA: Tak leh jugok lah (penembual ketawa).

SBY: Dio tok oyak habis dok?

NFA: Dio mace kade-kade tu kalu resepi samo pun dio ado lain jugok.

SBY: Ado lagi tok habis dok? Sebab kalu tidok supo dio lah.

NFA: Dio tok bagi habis lah (ketawa)

SBY: Kalu jupo gak oyak oloh sedap lah, tak dok- lado biaso tok kiro lah dok lado putik [lada tak matang] lado masok, garam, cuko supo lah, belacan. Belacan banyok, banyok belacan separuh kalu mace lado separuh, separuh pado tu belacan. Lebih dio gapo? Lebih dio hok dio susuk [sembunyikan] tu tapi kito dej, dio tersaloh (ketawa) tersaloh iaitu kalu nok boleh sedap sambal dio- buah lado ite [lada hitam] lado ite lah lado ite.

NFA: Lado ite?

SBY: Hok putik.

NFA: Hok putik?

SBY: Hok putik lagi, hijau lagi dio masuk dale tu. Hok tu dio panggil apo ni ngetik [pedas] pedas ngetik deh ngetik ore panggil buke supo pedas lado (ketawa) lado- itea kei dio pedas lagu lain deh?

NFA: Ha.

SBY: Tu lebih dio. Boleh *try* wak sedap.

NFA: Kironyo Cik Din belajar situ lalu ko balik tu baru-

SBY: Dok-- lepah tu. Lepah tu lamo-lamo tu dio ajok kito gi beli (ketawa) gi beli bahan sambal ni _____ kito tanyo. Pah dio salah tubek [terkeluar] hok tu jadi dio kato "eh tak dok lado ite" (ketawa) kato nok wak gapo? Hok ni mengetikkan (ketawa) kepedasan dio tu. Boleh buat kito itu ilmu, ilmu kito tok susuk (bunyi ketawa) sebab kito tok wak tu ore lain buat. Itu-- jadi gi sano kito duk dale *foreigner* make istimewa.

NFA: Jadi Cik Din dibawah Masjid Beijing lah ni?

SBY: Kito mewakili.

NFA: Masjid Beijing?

SBY: Ha, makno sano ore sebut.

SNZ: Kiro gi rombongan tu sapo hok *sponsor*?

SBY: Ha, ado hamba Allah. Hamba Allah ni dio gini dio- ni banyok ASB (Amanah Saham National Berhad), ASB kea dio dulu kei *dividend* dio besar-besar tidak supo loni dok loni ore tok ser masuk ASB pitih sikit. Dulu kalu dio kito ado 100 ribu lah *divended* dio *at least* 8 ribu boleh 8 ribu makno lapan peratus kade-kade gi gi dua belas peratus dulu. Kalu dua belas peratus boleh 120 ribu jadi dio hamba Allah ni dio ado 300 ribu ASB jadi tahun tu dio boleh 20 ribu, 20 ribu semo sekali, 300 ribu dio boleh 20 ribu *dividend* jadi dio-- separuh daripada 20 ribu, makno 10 ribu lah dio- infaq kepada ni pok [puak] sapo nok gi tabligh jadi kito pun join sekali jadi suko lah.

NFA: Cik Din gi berapa lamo?

SBY: Seminggu lah.

NFA: Seminggu. Kironyo Cik Din gi tu kironyo tabligh ni kea mace--

SBY: Ha, duduk sano seminggu.

NFA: Duduk di masjid ko?

SBY: Dok-- dio duk khemoh [khemah] berkhemah kalu pok kito ni gi meta-meta jah. Kito tok duduk hotel.

SNZ: Kironyo sek-sek Masjid Beijing sajo lah ko ado—

(Mencelah)

SBY: Ado-- jabat Menteri besar sore, rato-rato lah tapi Masjid Beijing pun ado dua, tiga ore diantara kito lah, kito suko, kito banyok pah tu semasa kerajaan negeri buat satu *upgrade* _____ undang-undang tanah Kelantan, hok ni luar bidang lah deh. Dio buat di Krabi [Thailand] Krabi, Siam. Kito gi jugok (ketawa) mewakili.

NFA: Kiranya banyok la jugok Cik Din gi luar negara gapo mewakili Masjid Beijing?

SBY: Hooh.

NFA: Kironyo mace Masjid Beijing ni ado ni-- Cik din hok turun?

SBY: Kito gi ho kito gi. Mace kito-- gi di satu masjid di Songkhla [Thailand], Banguan [Thailand]. Banguan ni masjid hebat masjid ni. Komuniti-- dio duk dale komuniti siam. Kampung dia ada--semile [sembilan] kampung. Hok ore isley [islam] ado nyo duo, tigo kampung jah. Selain pado tu siye belako. Selain pado hok pero [peliharaan] babi, pero anying [anjing] tapi hok isley duk tengoh-tengoh. Tigo kampung tapi dio buat masjid besar, hebat. Pengurusan dio di Songkhla. Banguan nama dia. Kito gi dia hotel dia takyoh [tak payah], takyoh tido hotel. Dia dah *alert* pada apa-- jemaah dia. Kalau ada tetamu luar kena bagi rumoh. Keno bui [bagi] rumoh. Ha dia bagi kita duk rumah dia. Daripada *start* duduk tu, make [makan] gapo [apa] semuo [semua] tue [tuan] rumoh tanggung. Tue rumoh laye [layan]. Gapo lagi pastu apabila kita balik, tue rumoh akan *claim* dengan masjid lah. Masjid dio tu. Jadi hebat lah pengurusan dia.

NFA: Cara dia menyambut tetamu tu lagutu [begitu].

SBY: Ho sambut. Kito tokleh [tak boleh] buat tempat kito [kita], tok [tak] jadi (ketawa).

NFA: **Apa ni mace-- sayo dengan ika tanyo [tanya] tadi, pengalaman manis Cik Din kei, mace Cik Din oyak Cik Din gi cuti. Mace kalu hok sini mace hok berlaku sini ado dok mace hok ingat mace sapa ingat ko hari ni lah. Cik Din raso mace kalu ingat tu raso [rasa]—**

(Mencelah)

SBY: Raso nok suko [suka] lah? Suko sore [sorang]? (ketawa)

NFA: Ada dok?

SBY: Ado.

NFA: Hok berlaku di Masjid Beijing?

SBY: Ada. Karenah-karenah jemaah lah. Hok terkini ado, terkini la. Loni [sekarang] cuti sekolah [sekolah] kei?

NFA: Haah, cuti.

SBY: Masjid ni dio kalu [kalau] hari Jumaat atau pon hari Khamis dio banyok [banyak] keto [kereta], bas singgoh [singgah]. Daripada Terengganu, Pahang, Kelate sendiri pon nok gi Hatnyai, (Thailand) tok kiro [kira] lah. Jadi, subuh ni dio mari sini lah. Satu masa tu, hok semaye [sembahnyang] sini tu, alah [ke] balik tu,

jabatan kito kul sepuluh baru tutup. Bas dio balik lewat. Balik lewat dio singgoh masjid ni. Dio silap dio nyo bas dio tok masuk dale [dalam]. Male [malam], patut nyo dio keno masuk dale. Dio duk luar, dio letok [letak] luar. Pah [lepas] pok [mereka] dio merayap mari rato [rata] masjid. Nok mandi, nok maye gapo. Jadi, petugas kito ingat takdok [tiada] ore doh [dah] la, senyap jah. Bas ado luar, ore takdok. Dio koci [kunci] krakk (tokoh menjelaskan bunyi kunci) koci. Koci pitu bab [sebab] kito kul sepuluh koci doh. Jerik [menangis] lah demo [awak] dale ni. Nok tubik [keluar] tokleh. Terpakso [terpaksa] rukah [panjat] pagar.

NFA: Kiranya tahu mace tahu kejadian tu esok kei tu ko?

SBY: Dok male tu selaluh [sekarang]. Ado ore--

(Mencelah)

NFA: Talipon? [telefon].

SBY: Ha talipon-- Sebenarnya silap, silap jah sebenarnya [sebenarnya], patutnyo [patutnya] bas tu masuk dale. Jadi petugas kito ingat takdok ore doh la. Sebab bas biasonyo [biasanya] ada sokmo [selalu] ore bas. Hok *express* gapo duk luar tu biaso [biasa] la tu sebab drebar [pemandu] mari mandi gapo tu, biaso la tu kito tok caro [kisah] hoktu [yang itu]. Demo [awak] tu mahir, dio tahu doh tempat mano [mana] boleh masuk tu.

NFA: Yola, [ya lah] lalu sokmo.

SBY: Ho lalu sokmo [selalu]. Dio sini tengoh male, awal subuh dio singgoh gak dio mandi gapo. Bebas doh la. Jadi bagi kito ni gak takdok gapo la. Jadi hokni ni rupo-

ruponyo [rupa-rupanya] ramai (ketawa). Ramai. Dio turun bas popopo (tokoh menjelaskan bunyi orang turun bas), masuk senyap jah. Gini kalu ore duk diye [diam] dale tok tahu. Jadi petugas kito sapa maso gak--

(Mencelah)

NFA: Tutup?

SBY: Tutup koci lah. Kelik [balik] lah. Pok [mereka] dio mari lompat pagar lah. Pahtu oyak [beritahu] kito, tahu oyak kato sebenarnya samo silap lah. Kito pon ngaku silap kito.

SNZ: Selain daripada pengalame manis sakni [tadi] kei, ado dok mace pengalame pahit pulok?

SBY: Pahit ado jugok. Pahit nyo kito lantik apa ni jaga. Kita ada jaga. Ada pembantu jaga. Kita lantik jaga nok selamat bare [barang] masjid (ketawa). Tu tujuan nyo. Apa dia duk ngail [mencuri] duit tabung (ketawa). Tengoh male sunyi pukul dua, pukul satu, ore-- tengoh lalu-lale [lalu-lalang] tembok [jalan raya] pon takdok—

SNZ: Kiro dio keno igak [tangkap] doh ko?

SBY: Ho kito igak doh.

NFA: Gano tu boleh berigak [ditangkap] tu?

SBY: Kita ada-- *CCTV [Closed-Circuit Television]*. Takpelah dia *CCTV* pon dia boleh alih. Jadi nok geroh [terjadi] dio la-- Ahli jawatan kuasa kito tu tok nero [tertudur] tidur. Tok nero tidur, kul [pukul] dua doh, tok nero tidur. Dio pon herey [hairan] bakpo tok nero tidur. Takdok, dio mari jale kaki masjid, letok kain atas ni apo ni nok gi mandi air koloh [kolah] di masjid. Dio pon mari. Mari dio tengok hamba Allah ni duk ngail (ketawa). Duk ngail. Jadi ore pelik doh, ore doh sapa doh cerito [cerita] ni, sebelum ni, hebat A ni buat *birthday* anak [anak] dio. Haa buat *birthday* anak dio. Selamo [selama] ni takdok buat.

NFA: Mace ore mencurigai jugok la?

SBY: Hoooh (mengiyakan).

SNZ: Tibo-tibo [tiba-tiba] buat besar gitu?

SBY: Hoooh, buat besar. Buat *birthday*.

SNZ: Mencurigakan lah (ketawa).

SBY: Hoooh, mencurigakan. Selamo ni tok rajin buat. Mugo [sebab] dio budok [budak] kampung kei [kei]. Ore pon pesei [pesan] lah. Jadi, ko cikgu ni lah, cikgu hok AJK (Ahli Jawatankuasa) ni dio tok nero tido male tu. Tok nero tido guano [macam mana]. Dio pon letok kain atas ni, mari masjid. Mari tengok hamba Allah ni duk ngail. Ngail tabung ni mudoh ni goni [benda ni] walaupun besi pon. Dio-- ambik besi payung, payung kei payung, besi dio tu kito pecat buh [bubuh] gem [gam], coklat gam buh dale palo [kepala] tu kito hulur sheyy (tokoh menjelaskan bunyi orang mencuri). Tok kiro lekat lima puluh nasib baik. Seriyal [seringgiti] pon nasib baik jugok. Bare [barang] *free*.

NFA: Apa ni lepas [lepas] kejadian tu mace ado dok mace nok pilih jaga tu mace berhati-hati dari segi mace nok pilih tu?

SBY: Haa meme. Jadi kito pon talipon dio kato demo kalu tok bayar sekian-sekian riyal [ringgit], kito *report* polis. Dio buat gi laluh duit sayo 600 ratus riyal. Ruponyo [rupanya] banyok doh dio duk ngail nyo duit tabung. Dio kato seingat kito lah dio kato, seingat kito banyok ni jah raso. Kalu lebih mitok maah [minta maaf] la, kure [kurang] tu dok dio kato. Kure dok.

NFA: Lebih la?

SBY: Hoooh lebih. Takpolah kato tapi ho gitu lah. Mulo-mulo [mula-mula] gitu lah nok kato kito tersalah. Kito ingat dio molek [baik] doh. Peringkat awal bagus, bagus dio ni. Ringan tule [tulang] dok, apo nyo ngail (ketawa).

SNZ: Kiranya selepas kejadian tu, ado dok mace-- penambahbaikan dale sistem keselamatan ko? Mace tambah CCTV ko?

SBY: Kito tamboh CCTV. Kito letok banyok lagi la. Mace setiap tabung tu ada CCTV.

NFA: Mace ado dok mace Cik Din, buke Cik Din la, mace ahli jawatan kuasa masjid ni mace oh lepas ni kalu kito nok pilih jaga ni kito keno cari gini-- ada dok? Tokse bui berule (berulang) ni.

SBY: Ada lah.

NFA: Contohnya dari segi gano?

SBY: Dio biaso kito ambik mace loni hok loni bekas polis. Kito cari hok lagutu lah. Polis pencen. Kito tanyo dio nok dok kijo [kerja] dengan masjid ni. Dio kato “boleh la”. Tok ngail la (ketawa).

**SNZ: Pernah dok mace Masjid Beijing ni dapat anugerah ko penghargaan ko dari mana-
mana pihak?**

SBY: Ado. Daripada jabat tanoh [pejabat tanah] lah. Dari segi kerjasama kakitange [kakitangan] dan kebersihan.

NFA: Kironyo banyok jugok lah?

SBY: Ada. Ada sijil-sijil.

NFA: Selain pada jabat tanoh?

SBY: MAIK [Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan].

NFA: Dio mace anugerah gapo tu?

SBY: Sijil-sijil jah.

NFA: Sijil-sijil lah, penghargaan lah.

SBY: Kito buh [bubuh] dale *print* gitu je lah.

NFA: Mace kalu mace anugerah hok mace-- gano eh hok besar la. Raso mace besar la anugerah tu. Mace--ore kato bangga [bangga] lah ado anugerah tu. Ada dok?

SBY: Loni kito dale-- dio panggil penarafan masjid ni kei. Dio ado hok jemaah dio mari *check*. Kito dale keadaan tu doh loni dale kali kedua doh. Dio akan mari penarafe [penarafan]. Penarafan ni dio akan anugerah, hadioh lah gapo lah.

NFA: Mace penarafe tu mace dari segi ore mari masjid?

SBY: Dia ada *team* di MAIK ni. Dia campur, MAIK, JAKIM [Jabatan Kemajuan Islam Malaysia]. Dia ada tu dia ada satu team dia mari *check* semua. Banyak-- kriteria lah dia check. Kijo-kijo, fail *failing* pejabat gapo semua tu. Tu untuk penarafan. Penarafan masjid. Hokni [yang ni] hadioh besar hokni.

NFA: Kiranya mace kalu hok masjid hok ado management hok baik gak, dio beri--

(Mencelah)

SBY: Mace Masjid Machang kei, dio anugerah masjid terbaik *national*, peringkat Malaysia. Dio ado hadioh dio.

NFA: Dari segi penguruse? [pengurusan]

SBY: (Mengiyakan) Penguruse. Semua sekali.

NFA: Selain pado tu, ada dok Masjid Beijing ni terima anugerah daripada luar negara ko?

SBY: Takdok. Takdok lagi setakat ni.

SNZ: Masjid Beijing kei pernah mace ore kato, ore buke isley [islam] mari kei? Kiranya sek dio [dia orang] mari ni sebab sekalo [selalu] nyo atas dasar gapo?

SBY: Dio tengok masjid ni supo [serupa] bangunan dio la. *Temple* dia. Biasanya orang Cina la.

NFA: Mace ada dok pengalame [pengalaman] Cik Din menerima kunjungan daripada pengunjung hok *non-muslim*?

SBY: Hooh, banyak. Selalu lah.

NFA: Mace selalunya-- dio mari dio tanyo gapo? Ado dio tanyo dari segi--

SBY: Dio tanyo gini la, kito *non-muslim* ni boleh masuk dok masjid. Tu jellyah dio tanyo.
Kito pon kato boleh masuk.

NFA: Dia tanyo la mace-- kami ni *non-muslim* boleh ke masuk?

SBY: Dia tanyo tu jellyah soale [soalan] dio.

NFA: Pastu ada jugok dok dio tanyo pasal reka bentuk masjid ni?

SBY: Ado dio tanyo.

NFA: Mace bakpo masjid ni-- mace gano dari segi--

SBY: Takdok, jawab gitu. Islam ni *universal*.

NFA: Mace dari segi-- reaksi sekdiu tu macam mana?

SBY: Dia takpo, dia gitu jah. Kalu ore Cino dio bangga [bangga] kito tiru hok dio.

SNZ: Kiranya sekdiu tok pernah kritik la?

SBY: Tok pernah kritik. Dia bangga jah.

NFA: Mace takdok ko hok jenis mace bakpo ni isley tapi--

SBY: Hooh, takdok. Dia bangga kita tiru dia.

NFA: Cik Din mace rajin [pernah] dok alami mace setakat Cik Din duk sini ni pengalame hok mengharukan Cik Din mace kalu teringat tu sokmo mace-- mengharukan la.

SBY: Mengharukan la? Sedih la? Sebok-- [sebak].

NFA: Haah, sebok. Ado dok mace hok mace Cik Din tokleh [tak boleh] lupa lah.

SBY: Rasanya takdok. Takdok kito tok ambil kiro [kira] lah. Kita pernah suami isteri baloh [bergaduh] depe [depan] kito. Dia ingat kito tok ime [tok imam]. Dia anggap kita tok ime, mugo kito lalu-lale [lalu-lalang] masjid sokmo kei. "Tok ime kito ni baloh [bergaduh] bini". "Okey bakpo baloh". Kito oyak "Okey awak duk [duduk] luar dulu, suami duk luar. hok tino [perempuan] masuk". "Bakpo baloh? Cuba oyak". Dio oyak lah, cerito-cerito [cerita-cerita]. Pahtu abih [habis]. Panggil hok jate [lelaki] pulok. Kato "Silap kato kito-- suami isteri mulo [dahulu] molek belako. Bo [selepas] tuo [tua] ni semua tok molek". Tokleh lagutu, kita menghargai dan kita keno terima kelemahan, ketidokmolekei [ketidakbolehan] bini kito. Kito saloh, duo-duo saloh kito nyo. Bendo lagutu. Lepas tu satu lagi, hokni sayo ingat jugok lah, satu ore. Sayo boleh cerito. Dio pasangan muda. Dia gi ngadu, mari ngadu nga sayo. Tino ngadu, dio kato dio ni gak, cikgu dio panggil cikgu kade-kade [kadang-kadang] ustad. Pete [petang] dio tu bedok [berbedak], pakai lecu [gincu]. Nok menyambut suami dia. Lepas make nasi gak [juga] dio kato dio bedok. Ore tino sapa lagutu dio terus tere [terus terang]. Tapi suami dia buat tak tahu (ketawa). Kita pon ish. Suruh hok tino tu kato suruh mu tubik [keluar] meta. Tanyo dio kato "Bakpo mu" [kau]-- Saya cakap mu aku. Kato "Bakpo mu tok laye [layan] bini mu. Bini mu sapa duk oyak bedok, berlecu [bergincu], pakai minyak [minyak] wangi buke main". Dio oyak dio letih. Kijo dio kerat kelapa sawit. Letih nok oyak nyo. Dio apabila letih kei tokleh buat apo, otak [otak] kito jadi kosong dei [bila] kito letih. Sebab tu dio kato suruh kito rehat-rehat tu. Tubuh kito letih kei. Kito letih benar dok, kito kecek ore tanyo A kito jawab C. Cayo [percaya] lah kalu dei kito letih. Jadi, tokleh nok itu,

komputer kito tokleh nok baco. Dio kato “Kito nok pero [peliharaan] bini” dio kato, kijo dio kijo kampung. Jadi kijo dio nyo kerat buah kelapa sawit. Buke kelapa sawit hok rendoh, hok galoh [tinggi]. Kito boleh terimo [terima] lah hakikat tu. Kito panggil mula [balik]. Kato-- “Tok laki [suami] mu keno timbe [timbang rasa], tok laki mu letih kijo” [kerja]. Dio kato “Tok sudoh kalu letih”. Dio *complain* lagi. Kita bagi cadangan, kato gini “Aku bagi cadangan, mu kijo mu keno *off*. Biar tokleh pitih duo hari pon. Mu boleh terimo dok tok laki mu tokleh bui pitih [duit] dua hari. Tokleh beli ike [ikan] dua hari, make [makan] telur jah, boleh?” Dia kata “Kito takpok belako”-- Jadi kita cadang toksoh [tak perlu] kijo lah, *off* retek [jugak]. Biar lah takdok pitih pon. Kalu takdok pitih benar mari jupo [jumpa] saya. Sayo bui pitih. Jadi haritu nyo sayo pon ado pitih lima belas riyal. Bui ko dio, “Toksoh kijo hari ni. Esok toksoh kijo. Mu keno laye jugok ore tino mu tu, tokleh dio pon-- kehendak dio tu. Letih pon, aku tahu letih ni”-- Pahtu mungkin dio buat hok kito cade [cadang] tu. Duk duo, tigo hari gendong depe kito senyum (ketawa). Hok kito nok suko nyo takdok kato *hello*, takdok, senyum.

NFA: Kiranyo ore-ore kampung sini kade-kade kalau ada masalah peribadi tu, mari nanyo [tanyo] masjid jugok la?

SBY: Haah ye mari masjid-- Dio meme tok ime ni meme tempat ore ngadu hal, dio tok ngulu [penghulu] ni kei ore kampung ho dio tanyo mugo [sebab] ore tua kei, kampung, tempat ore ngadu hal lah. Di masjid ni tanyo tok ime ore tok tahu gak. Senyum naik motor gendong (ketawa).

NFA: Baik doh la?

SBY: Hoooh baik. Pahtu-- akhir-akhir baru ni oyak, “kito nok boleh natu [menantu] doh ni. Tapi natu kito pelik sikit”. “Halah pelik guano [bagaimana] pulok”. “Nok mitok [minta] tolong cikgu ni (mengeluh).” “Gapo.” Dio pon bisik lah “Anok kito-- ngandung [mengandung].” “Mu jago [jaga] guano anak mu”. Dio kato--“Kito kijo.

Bini kito kijo. Anok duk derumoh [rumah].” Kato “Sapo hok jate.” Dio pon oyak “Jauh gitumu nyo hingga [lari] mari lagumano [bagaimana].” Tok tahu la ni-- Pahtu-pahtu. Kito tanyo “Cikgu selesai lagumano.” Kito pon fikir siye [kesian] tengok-tengok cerito. Kito pon talipon tok ime. “Tok ime anok tino sayo ni anok buah [buah].” “Hooh lagumano.” Oyak gini-gini, “Takpo kito nikoh [nikah].” Bo boleh cucu dio oyak “Cikgu gi rumoh kito cukur cucu. “Habis cerito, takpola pahtu baru ni mari. “Cikgu kito loni susoh sikit.” “Doh guano.” “Bini dio meninggal. Pahtu anok dio hoktu berpisah. Jago [jaga] cucu pulok kito cikgu.” “Kato jago lah. Tu ujian tuhe [tuhan].” Bini meninggal, anok dio hok nikoh tu berpisah. Jadi cucu tu dio keno jago. Kato “bini lah, bia jago cucu.” “Tahu lah cikgu kato guano, kito tuo doh loni pon tupe [tumpang] anok”. Anok hoktu lah hok suami-- Kenangan manis jugok la. Pahit manis lah sebagai pengurusan masjid, sebagai ore tua kampung. Gitu lah. Tapi suko jugok tengok dengar karenah ore ni. Banyak-- tu sebahagian.

SNZ: Kiranyo masjid ni tempat ore duk mengadu nasib la, mace--

SBY: Dio-- gini kalu hok tokleh make, kito ado *food bank* doh. Kalu ado masalah rumoh tanggo [tangga], tok ime. Masalah nikoh kahwin, kalu sayo lah. Kito pernah la nok oyak ni, nok nikoh, takdok woli [wali]. Takpo kito urus, kito panggil tok ime alik siye ni mari nikoh sini. Kito urus sebab nok membina masjid. Tapi kito *interview* dulu, buke sembarange [sembarangan]. Demo tokleh tipu kito, kalu tipu *stop* laluh [terus]. Contoh, satu maso dio tipu supo tipu lah. “Cikgu pukul dua ni kito nok gi masjid doh nok nikoh, nok nikoh anok buah.” Kato “Ado woli?” Dio kato “Ado.” “Kalu ado woli boleh kalu takdok tokleh.” Kito kerat laluh. Bab dio nok nikoh alik siye, kito panggil tok ime mari nikoh sini. Tokse gi alik siye la, alik siye pitih [duit] abih [habis] banyak. Kito panggil mari sini, nikoh di masjid ni. Kito kato woli ado, dio kato ado. Kalu ado takpo, kalu takdok tokleh. Kito kerat laluh doh. Kito tokse tanggungjawab, bendo demo tipu ko kito tokse. Bendo [benda] hubunge [hubungan] keluarga, *family* doh. Pahtu kul duo tu dia talipon, “Ho cikgu tokleh ko woli buat surat jah.” Kato “Takyoh mari.” Kito kerat laluh. Takyoh mari. “Kalu mu nok jugok nga ore lain, kito tokse, kito bendo subahat *sorry*.” Sebab bendo ni seksok [nanti] nanggung. Buke dunia sajo hubunge keluarga gapo ni, kait nga keturunan gapo ni. Kito ni ado lima belas minit lagi zohor, eh dua puluh minit lagi, ado banyak lagi?

SZA: Sikit lagi. Okey seterusnya pasal soale [soalan] pasal harapan Cik Din. Gapo hok Cik Din harap la tentang Masjid Beijing ni?

SBY: Sayo oo saya harape [harapan] besar ialah kita nok mace sero po [macam] Masjid Temerloh Jaya (Pahang). Temerloh Jaya di Temerloh, di mana jemoooh [jemaah] mari berjemooh di masjid, ramai lah. Kalu Temerloh Jaya tu kalu semaye subuh, semaye jumaat, kito nok kalu tokleh lagutu pon separuh tu takpo doh.

NFA: Harape Cik Din tu nok mace--

(Mencelah)

SBY: Dia imarah masjid ni. Lebih hebat la. Loni kito ramai, buke tok ramai. Subuh supo tadi, banyok soh [saf]. Tapi sale-sale [salam-salam] takdok lah. Bakpo tu, sebab hokni bunyi nok gi Pahang *jammed*, nok gi Kota Bharu (Kelantan). Dio sini ni mace tempat persinggahan. Ore utara dio mari singgoh sini semaye. Perak, Kedah, Pulau Pinang dio singgoh sini, maye subuh sini. Pah ore Terengganu, Pahang pulok mari sini jugok. Nok gi Hatnyai (Thailand), nok gi Yala (Thailand) tok kira lah. Jadi ramai dua tiga saf penuh.

NFA: Dio mace sebab kih dio mace dekat dengan kawasan ore nok melancong tu dio jadi mace bilo waktu jemaah tu rama ore.

SBY: Haah ya lepastu takdok. Bui sale [salam] jah, bingkas [lekas] bangun selaluh [terus]. Tokdei nok baco doa doh. Itu lah.

SNZ: Cik Din mace pernah dok terfikir rano eh cara-cara untuk biar Masjid Beijing ni ramai mace ore mengimarahkan masjid ni?

SBY: Ye lah kita pon sebenarnya pertama sekali nya, layanan kito. AJK kito ni jange [jangan] mulut jange—

NFA: Celupar lah?

SBY: Kito pernah pecat ore jual di masjid kih dio karenah dio. Karenah dio lagumano, siok--masjid, kito pon pecat. Selipar kei, jemoooh kito ni jemoooh pengunjung ni kade-kade dio tok tahu mano letok kat mano selipar. Padahal dio tengok pok [puak] kito bawoh nuh selipar. Dio mungkin selipar saye [sayang] dio buat naik atah [atas]. Jadinyo haritunyo huje [hujan] sikit-sikit. Tapi haritu tok huje doh, sebelum tu huje sikit-sikit. Jadi selipar naik pah ko atas selipar-- kasut. Tok siok kito jenis baso [jenis] (ketawa). Dio ambik air-- cucur [siram]. Maroh [marah] ore, haa bendo [laguni tokleh, kito bue [buang] dio. Maah kato tokleh buat gitu, kito keno oyak lipa [selipar] tu mitok bibit [bimbit] buat naik atah. Dio ado kei rak-rak, jange letok tanggo [tangga]. Ore jijok [pijak] ko gapo. Dio duk ambik air sebeldi [sebaldi], dio cucur habis pah ke bowoh. Selipar takpo la, kalu kasut? Jadi keno kito ni jago benar. Kito pihak pengurusan ni keno jago. Satu, yang kedua nyo ketepatan maso [masa]. Masuk tu, tok bilal keno selaluh. Jange sayup abih ore tokleh. Ore tokleh sebab ore terutamanya kalu cikgu, atau kakitange kerajaan. Subuh kei dio kato dio ngajar jauh lagi, dio semaye subuh sini. Dio kalu boleh masuk waktu, duk semeta qomat [iqamat], sebab nok-- Jadi kalu kito melengah-lengahkan ore tok singgoh lah tempat kito. Dio akan singgoh lain hok tempat-tempat tepat. Hoktu bendo tu bendo hok keno jago untuk pengimarahan masjid. Tapi kalu sini, kalau jamuan make, ore puji lah hebat.

NFA: Meriah lah?

SBY: Haa meriah lah. Kalu buko poso [puasa] gak, kalu ore kato haih buko Masjid Beijing lah, hebat lah sini. Dio ado kelesihe [kelebihan] dia tu.

SNZ: Cik Din raso mace sejarah Masjid Beijing ni perlu dikekalkan dok?

SBY: Meme doh dan di *upgrade* kan lagi kalu boleh masjid ni.

SNZ: Kiranya mace gapo harape Cik Din untuk Masjid Beijing hok pado maso ake [akan] date [datang] lah?

SBY: Kito nok tengok masjid ni maju lah. Maju dari segi imarah, dari segi kunjungan apa ni jemoooh pahtu apa ni khidmat masyarakat. Biar hebat lah.

NFA: Mace kalu harape Cik Din dari segi apa ni--

(Mencelah)

SBY: Bangunan?

NFA: Bangunan ni gano harape Cik Din, mace Cik Din ni adakah Cik Din harap mace banyok lagi diperbanyakkan--

SBY: Hei banyak lagi, dari segi *upgrade* bendo-bendo mace pintu, cat-mengecat, alatan masjid nok tambah. Nok *upgrade* lah. Mace *PA system [Public Address System]* gapo ni dio keno hok *modern* lah. Ni gak rurakrurak (tokoh menjelaskan bunyi mic) buke dio. Sayo cukup sensitif. Saya-- ada khas *mic [Microphone]* rumah sayo. Kalu majlis sayo buat mari guno [guna]. Hoo mic ni sayo cukup sensitif. Harga mahal la, ore hadiahkan saya. Harga hampir seribu. Jadi kalu ado majlis rasmi, sayo bowok [bawak] mari. Takdok bunyi rukrakrukak dio-- suara dia. Suara dia suara dia keluar suara orang bercakap. Buatan German. Loni saya infaq doh ko masjid, kato "ambik lah." Nanti saya beli lain.

NFA: Kegunaan masjid lah?

SBY: Dio tokleh dio peralatan masjid supo *LCD [Liquid Crystal Display]* gapo dio keno *upgrade* doh. Keno *modern* doh. Ni mugo sepuluh tahun dulu ore tok paka doh. Boleh tapi *blur*-- Kalu hija [hijau] pon napok [nampak] warna *grey*. Tokleh la dio keno *upgrade*. Tapi apabila *upgrade* maknanya memerlukan wang. Wang tu keno-- wang ni kito keno-- macam mana nak dapat wang? Kito keno cari jemooh. Kito keno jemput jemooh mari. Tarik jemooh mari baru kita dapat wang. Sebab ore mari dio masuk dale tabung. Kalau ore tok mari, takdok duit. Takdok duit. Haa itulah di antara maknanya tugas besar pihak pengurusan masjid.

NFA: Mace daripada segi harape Cik Din kepada sejarah mace bangunan mace contoh lah, sepuluh tahun lagi dua puluh lagi Cik Din mace harap sangat generasi anak muda hok ake date tu mace tahu sejarah Masjid Beijing.

SBY: Haa tahu insyallah lah. Tu harape kito meme lah, sejarah. Sebab tu kito banyok-- kerajaan sendiri pon kalu dulu buat kursus jugok. Suko buat sini. Sebenarnya untuk sebar *side* masjid lah. Loni jah akhir-akhir ni jah, kalu dulu semua buat kursus sini. AADK [Agensi Anti Dadah Kebangsaan] pon sini, hok PATI [Pendatang Asing Tanpa Izin] pon sini. Kito tok kiro. Tok kiro kato ohh PATI ni, dok. A-B.

NFA: Asal mari?

SBY: Mari mohon. Sebab tu majlis kenduri gapo kito *offer* sokmo. Kito takdok ambik untung mano, kito panggil untuk bayar api air jah. Kito ado kelas menjahit kei, sebenarnyo tarikan doh anak-anok mudo. Bele [sementara] tunggu result periksa [peperiksaan] boleh belajar jahit. *At least*, dio tok keno upoh [upah] doh baju dio. Sebab upoh loni mahal, lima puloh ya sepase [sepasang] dok? Ni kalu dio panda [pandai] sediri [sendiri], jimat doh situ boleh beli kain. Boleh banyak jenis kain. Tu jelah.

SNZ: Bagi Cik Din mace gapo-- sapo hok Cik Din harapkan untuk mace pikul tanggungjawab lah untuk jago Masjid Beijing ni pada masa ake date?

SBY: Dia ada pelapih [pelapis]. Kita dah lantik. Kita panggil team muda.

NFA: Kiranyo ado lah?

SBY: Ada doh pelapis loni kito duk erek [tarik] doh. Ado beberapa orang dio panggil pelapis.

SNZ: Kiranya sek dio tu mace di train tu daripada tahun bilo?

SBY: Dia belum covid lagi kito buat. Kalu kato lah buat majlis make, kito ajok selaluh dio. Jong [pihak] ngakat, jong gapo semua. Kalu ado majlis besar-besar, dio keno ado, susun mejo, susun alat-alat gini. Kito ajar selaluh.

SNZ: Kiranya sek dio mari tu secara sukarela ko gano?

SBY: Sukarela lah. Tapi demo sor jah kito keno pege [pegang], kalu kito buat program, baju tshirt jange tinggal. Sehelai-sehelai sore, kalu tidok sudah lah (ketawa). Tshirt takpo doh pahtu make. Sekali sekala kita keno buat make mace bakar aye [ayam] ko, goreng bihun, bakar aye, bakar daging, bakar ike [ikan], lokcing kei. Kito buat di masjid ni untuk ore muda.

NFA: Untuk ore kato gapo ni menarik sek dio mari lah?

SBY: Hooh tarik sek dio la. Jadi sek dio bakar, sek dio make. Kito ore tua perhati jauh-jauh. Ore hulur kito make. Gitu jelah.

NFA: Soale last lah Cik Din, mace Cik Din raso perlu dok mace masjid seperti Masjid Beijing ni hok ado reka bentuk gini ni, diperbanyakkan?

SBY: Hooh patut.

NFA: Mace bakpo Cik Din raso patut?

SBY: Sebab gini kito masyarakat majmuk. Siam ni masyarakat majmuk. Buke setakat bangune Cino, bangunan India.

NFA: Kiranya dipelbagaikan?

SBY: Hooh dipelbagaikan takpo.

NFA: Asal kei ore kato tidok apo ni mengacau kita punya akidah?

SBY: Hooh tu lah sebab ni-- ore panggil usul dakwah.

NFA: Pado pandange [pandangan] Cik Din, mace masjid berbentuk gini ni boleh ore kato gapo ni-- untuk berdakwah jugok la?

SBY: Hooh untuk berdakwah jugok lah. Usul dakwah ore panggil. Sebahagian daripada dakwah. Buat Cino ko, India ko. Sebenarnya nyo loni India banyak doh. Banyak kei masjid kito loni ala Arab nge [dengan] India. Hok ado doh ni, hok dulu-dulu. Sejenis-- gini ni India, jenis _____ mace gitu kei, India nge Arab. Kito _____ kito tidok ploh, serbe. Kito uboh sikit. Insyallah gitu lah kito harape gitu lah. Generasi baru ni biar ambik alih lah hok lamo-lamo.

NFA: Sayo raso tu jelah untuk sesi hari ni. Terima kasih banyak Cik Din deh.

SBY: Sama-sama lah.

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai pendokumentasian sejarah lisan bersama Encik Samsuddin bin Yasim. Kami mengucapkan ribuan terima kasih diatas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnkan temubual ini. Sekian, terima kasih.

5.2 TRANSKRIP TEMUBUAL TOKOH KEDUA

Assalamualikum w.b.t dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan sejarah Masjid Beijing. Bersama-sama kami ialah Encik Samsuddin bin Yasim dan Haji Wan Hanafi Wan Jaafar yang merupakan seorang penjaga Masjid Beijing. Rakaman ini dijalankan pada 31 Mei 2023 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 11:00 pagi bertempat di Masjid Beijing, Rantau Panjang, Kelantan. Tembual ini dikendalikan oleh Nurul Fatini Aisyah Binti Muhammad Faizul dan Siti Nur Zulaikha Binti Azizan. Dengan segala hormatnya tembual dimulakan.

NFA: Boleh haji ceritakan sikit latar belake [belakang] haji?

WHW: Latar belake sayo berkenaan dengan masjid ko [ke]?

NFA: Mace namo, umur, serba sedikitlah.

WHW: Bismillah (pembuka doa). Terlebih dahulu marilah kita sama-sama membuka perbincangan kita dengan umul kitab Al-Fatihah. (Sambil melafazkan surah Al-Fatihah). Saya memperkenalkan diri saya, nama saya Hj. Wan Hanafi bin Hj. Wan Jaafar (bunyi enjin kereta). Dilahirkan pada tahun 1964 dan umur sekare [sekarang] ni lebih kurang 59 tahun lah (berdehem). Bidang tugas saya sebenarnya seorang ahli perniagaan (berdehem) dan juga merupakan ahli majlis daerah Pasir Mas [Kelantan], ahli mesyuarat masjlis daerah Pasir Mas dan bahagian--pemegang bahagian pembanguanan peringkat Masjid Beijing atau Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Putra (berdehem). Saya mula berkecimpung dalam aktiviti masjid ini bermula seawal tahun 2004 lagi lah, 2-0-0-4, hasil untuk mencari tapak dan menyelesaikan masalah menabung tapak ni sehingga selesai lah (berdehem) dimana tapok [tapak] ni [ini] pada peringkat awalnya dibeli oleh masyarakat kampung (bunyi helaian kertas) dengan kos (berdehem) pada awalnya lebih kure [kurang] masa tu [itu] tiga ekar tanah, nilaiannya hampir 200 ribu.

(Mencelah)

NFA: Hargo [harga] tanah?

WHW: (Mengiyakan) harga tanah. Itu pun kerana-- diberi secara infaq untuk masjid lah nilai tanah. Proses menambungnya diteruskan dengan kita membuat pungutan bayaran tapok ni dengan menjual keluasan tapok [tapak] satu kaki persegi dengan bayaran enam puluh empat ringgit pada masyarakat lah.

NFA: Haji asal-- mano?

WHW: Saya asalnya di Rantau Panje (Panjang) lah, anak jati Rantau Panje.

NFA: Haji tinggal berdekatan dengan Masjid ko gano [bagaimana]?

WHW: Lebih kure--pada peringkat awal saya tinggal dalam kawasan bandar dan sekarang ni saya telah berpindah ke kawasan Gua Tinggi [Kelantan], lebih kurang tiga kilometer lah daripada masjid.

NFA: Boleh Haji cerito [cerita] sikit mace [macam] latar belake pendidike [pendidikan]?

WHW: Pendidikan saya?

NFA: Haah.

WHW: Latar belake pendidikan saya ni, saya bermula daripada Sekolah Rendah di Rantau Panjang dan menyambung pendidikan saya (berdehem) kolej budaya masa tu, kolej budaya di Kota Bharu [Kelantan] sehingga ke peringkat STPM (Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia) lah dan saya menceburkan diri dalam perniagaan.

NFA: Saya masuk kepada soale [soalan] pasal Masjid Beijing deh [ya]. Okey, siapakah yang macam bertanggungjawab membina Masjid Beijing ni?

WHW: (Berdehem) Masjid Beijing ni pada peringkat awalnya ia dibina atas dasar ukhuwah, kerjasama antara penduduk kampung, kerajaan negeri dan juga kakitangan kerajaan negeri.

NFA: Gano mace Masjid Beijing ni ditubuhkei (ditubuhkan)?

WHW: Masjid ni sebenarnya cetusan idea daripada mantan negeri besar Kelantan Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, hasil lawatan dia ke Beijing, setelah hasil lawatan dia ke Beijing, dia meminta arkitek-arkitek Kelantan, anak-anak Kelantan ke Beijing untuk buat lakaran. Mengambil contoh masjid di Beijing lah untuk dibawak balik dan dipersembahkan kepada Tuanku.

NFA: Apa ni, mengikut sumber tu, Masjid Beijing dibina daripada 2005-2008, Betul?

WHW: Masjid Beijing ni pada peringkat awalnya, pembinaannya perletakan batu asasnya pada 2004, pembinaanya bermula 2005 dan kesudahan masjid ni siap

sepenuhnya pada 2009 tapi pada 2008 di awal bulan Ramadhan, kita telah menggunakan masjid ni untuk bulan Ramadhan sebule [sebulan].

NFA: Siapa yang mace meluluskei [meluluskan] Masjid Beijing ni untuk dibina?

WHW: Ni dibawah kerajaan negeri lah. Masa pada peringkat awalnya masjid ni, terletak di bawah pengurusan kerajaan negeri.

SNZ: Sapo [siapa] hok [yang] merasmikei [merasmikan] pembukeei [pembukaan] Masjid Beijing ni?

WHW: Yang merasmikan pembukaan Masjid Beijing ni di bawah duli Tuanku lah Sultan Muhammad kelima.

NFA: Kiranya baginda sendirilah yang menawarkan-- apa ni macam--

(Mencelah)

SNZ: Menawarkan diri.

NFA: Menawarkan diri merasmikei.

WHW: Hoktu (yang itu) urusan kerajaan negeri.

NFA: Kiranya bahagian perasmian ni dibuat oleh-- kerajaan negeri?

WHW: (Mengiyakan)

SNZ: Boleh saya tahu gano Masjid Beijing ni dio [dia] bulih [boleh] namo [nama] Masjid Beijing?

WHW: Dia masjid ni namo sebenarnya [sebenarnya] Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Putra, tapi oleh kerana reka bentuk dia ni macam-semacam bangunan Cina dan apabila sinonimnya masyarakat menyebut masjid ni Masjid Cina tapi oleh kerana masjid ni diambil contoh oleh Beijing, masyhur dengan nama Masjid Beijing lah.

SNZ: Selain daripada-- Masjid Beijing dengan Jubli Sultan Perak, sebenarnya ada nama lain dok [tak]?

WHW: Dia nama dia ni bertukar lah, pasal dia naik taraf kan daripada biasa kepada kategori masjid mukim, naik kepada masjid kategori A seterusnya kepada Masjid Jamek sekarang ni. Tiga kategori lah.

SNZ: Boleh saya tahu bakpo [kenapa] Masjid Beijing ni dibina atas tanah ni?

WHW: Masjid Beijing ni dibina hasil daripada pencarian kerajaan negeri untuk membina satu masjid di negeri Kelantan ini berasaskan seni bina Cina, memandangkan pada masa yang sama kita pihak orang kampung bercadang

untuk membina satu masjid di kawasan Rantau Panje. Masjid untuk dijadikan masjid mukim baru. Bersesuaian dengan suasana kerajaan mencari satu lokasi yang-- yang strategik dan kebetulan kita juga bercadang untuk membina masjid. Jadi, pihak kerajaan negeri menawarkan Masjid Beijing ni dibina di-- Rantau Panjang, memandangkan kedudukannya yang strategik, bersebelahan dengan Thailand, pintu masuk ke negeri Kelantan.

SNZ: Kiranya kedudukan strategik lah?

WHZ: (Mengiyakan) Strategik.

NFA: Berdasarkei [berdasarkan] sumber, betul ke tapak bangunan Masjid Beijing ni besar dia 3.7 ekar?

WHZ: Ya.

NFA: Bakpo mace memerlukan [memerlukan] ukure [ukuran] sebanyak [sebanyak] 3.7 ekar untuk bina masjid ni?

WHZ: Takde [tiada], keluasan itu bergantung kepada jumlah tanah yang orang jual masa tu. Tiga pemilik-- tiga pemilik tanah memberi tawaran untuk dijadikan tapak masjid ni kita beli dengan hasil tiga pemilik lah. Keluasan tanah tu berbeza kalua dicampur keseluruhannya 3.7 ekar.

NFA: Mace hok Haji oyak tadi mace tepak [tempat] ni mace strategik lah kei [kan], strategik tu daripada segi gano persekitare [persekitaran] ko gano, mace pado Haji?

WHZ: Dia strategik ni maksud kerajaannya, dia merupakan pintu masuk, pintu masuk dari sebuah negara baru, negara Thailand ke negeri Kelate [Kelantan] dan masjid ni juga ada ciri-ciri kebudayaan Siam jugak kan macam konsep ni, jadi tulah kerajaan negeri membuat keputuse [keputusan] sini adalah merupakan satu tempat yang sesuai lah.

NFA: Apa ni, berdasarkan sumber jugok, anggaran kos yang telah diperuntukkan untuk pembinaan masjid ni adalah sebanyak 8.8 juta?

WHW: Ha, ya

NFA: Mace ado dok saintifik sebab kenapa memerlukan 8.8 juto [juta]?

WHW: 8.8 juta ni hasil daripada pembinaan masjid. Jumlah kos keseluruhan yang-- telah habis untuk membina masjid ni sebanyak 8.8 juta.

NFA: Kironyo buke [bukan] kato [kata] kerajaan negeri oyak [bagitahu] 8.8 juta kena habiskei, [habiskan] tidok [tidak] lah?

WHW: Tidok

NFA: Kironyo mace selepas siap tu capur-capur [campur-campur] semua 8.8 juta?

WHW: (Mengiyakan) 8.8 juta.

SNZ: Boleh saya tahu pasal anggaran kos 8.8 juta tu sapo hok meluluskei?

WHW: (Berdehem) Dia hok 8.8 juta ni bawah kerajaan negeri.

SNZ: Okey, ado [ada] dok mace cabare [cabaran] hok dihadapi maso [semasa] nok [nak] bino [bina] Masjid Beijing ni? Cabaran?

WHW: Cabaran yang paling besar ialah pandangan negatif lah daripada penduduk sekitar dan juga penduduk-penduduk lain lah (berdehem). Dia mengatakan masjid ini seolah-olah rumah ibadat orang Cina. Ni lah merupakan satu cabaran bagi seorang ulamak [ulamak] yang mempunyai satu pemikiran yang jauh ke depe [depan]. Hasil daripada pembinaan masjid ni, selepas dibuka barulah masyarakat persekitaran melihat satu perubahan yang besar kepada satu masjid yang mana ia dikunjungi oleh pelbagai bangsa dan agama. Pada peringkat awal, mana kita tengok orang-orang bukan islam mari ke masjid. Sekarang ni masjid ni menjadi tumpuan pelancong dan juga sebagai masjid pelancongan sekarang ni.

NFA Adakah, kiranya cabaran tu dapat diatasi ke mace gano? (SNZ mencelah) Sapa [sampai] loni [sekarang]?

WHW: Boleh diatasi.

NFA: Boleh diatasi lah.

SNZ: Semakin membaik lah?

WHW: Dia biasanya komen jah, [je] komen peringkat awal. Tapi tidak adalah rusuhan ke apa tidak ada.

NFA: Gano cabare tersebut diatasi? Mace nok membuang pandange [pandangan] negatif tu? Sendiri?

WHW: Pandangan negatif ni, dibuat secara tak langsung jah. Apabila masjid ni buka menyebabkan masjid ni menjadi orang kunjungon ramai. Secara tak langsung nya masyarakat napok [nampak]. Satu kebaikan yang berada dekat atas masjid ni.

NFA: Ada saintifik sebab dok kenapa masjid ni dibina berunsurkan seni bina Cina?

WHW: Dia takdelah, hasil daripada lawatan menteri besar, mantan menteri besar Tuan Guru Datuk Nik Aziz ke negeri Cina.

NFA: Ya, itulah penyebab utama lah?

WHW: Penyebab utama tercetusnya idea ni.

SNZ: Boleh saya tahu--

(Mencelah)

WHW: Pasal contohnya tujuan Tok Guru untuk-- membuang tanggapan bahawa rumah ibadat ni semestinya sebagaimana za yang apa-- sebagaimana yang zahir seperti biasa kei. Macam bentuk daripada Timur Tengah. Sedangkan rumah ibadat ni bergantung kepada kedudukan situasi masyarakat setempat itu sendiri. Contohnya di Cina, seni bina Cina. Di Turki, kaedah lain pulok [pula] dia ambil. Bermacam-macam kaedah berasaskan seni bina masyarakat tempatan masa tu. Tapi Tuan Guru membuat satu idea perubahan yang baru untuk melihatkan bahawa islam ini adalah merupakan satu agama yang syumul. Agama yang dianuti oleh semua bangsa. Menyebabkan satu tercetusnya idea ni.

SNZ: Kiranyo sapo hok mace buat rekaan bentuk bangune [bangunan] Masjid Beijing ni?

NFA: *Floor plan* lah.

WHW: Masjid ni dibina oleh Gugusan Yakin Sdn Bhd.

(Mencelah)

NFA: Gugusan Yakin Sdn.Bhd?

WHW: (Mengiyakan) Arkiteknya daripada tadi lah daripada JKR (Jabatan Kerja Raya) lah. Tuan Guru hantar anak-anak Kelantan apa ni, arkitek-arkitek Kelantan ke sana.

NFA: Bakpo Gugusan Yakin Sdn Bhd tu dipilih untuk buat rekaan bentuk bangunan masjid?

SNZ: Mace ado spesifik sebab dok?

WHW: Hoktu kito [kita] dok tahu lah. Secara zahirnya kita dapat, dapat apa tu keputusan nya Gugusan Yakin yang main peranan.

NFA: Apa unik nya Masjid Beijing ni? Selain daripada seni reka bentuk Cina tu apa lagi menjadikan ia unik?

WHW: Ya lah, secara zahirnya reka bentuk dia lah dan bare-bare [barang-barang] bumbung dia pon lain daripada yang lain dan apa ni produk dia diimport dari negeri China mace bata diimport terus dari negeri China.

NFA: Apa aktiviti hok dijalankan di Masjid Beijing ni?

WHW: Aktiviti ni meme [memang] banyok [banyak] kita aktiviti melibatkan golongan kanak-kanak, golongan dewasa muslimat dan juga golongan lelaki lah. Contohnya,

kuliah, kelas al-quran kanak-kanak, dewasa bermula dari iqra sehingga lah pada peringkat hafazan.

NFA: Selain daripada aktiviti hok Haji sebut tu, ada lagi dok aktiviti hok selain pada ibadah? Mace aktiviti hok riadah--

(Mencelah)

WHW: Aktiviti kemasyarakatan banyak. Kito ado contohnya kita buat apa ni *food bank* untuk bantu masyarakat kure [kurang] mampu untuk menerima bantuan setiap bule [bulan]. Kita ado *food bank* dan kita ada juga ziarah-- bagi anak mukim masjid yang keuzuran gapo dan juga bantuan kepada pelajar-pelajar yang ingin masuk persekolahan--bantuan beg nya pakaian nya kita ada lah aktiviti-aktiviti luar.

NFA: Berapo anggaran kos yang diperlukan untuk menaik taraf dan membaik pulih masjid ni. Ada saintifik anggaran dok mace nok menjaga masjid?

WHW: Masjid ni secara lazimnya, peringkat setiap bule pengurusannya hampir pada lebih kurang 25 ribu lah setiap bule untuk membayar kakitange [kakitangan] menjaga kebersihe [kebersihan] 6 ore [orang], kakitange untuk bayar imam rawatib, selain pada iman yang dibayar oleh pihak majlis, kita ada imam rawatib, kita ada dua orang imam rawatib, dua orang bilal rawatib. Itu dibayar oleh pihak pengurusan masjid lah. Kita ada *security* untuk mejaga keselamate [keselamatan]. Itu dibayar oleh pihak masjid.

NFA: 25 ribu sebulan?

WHW: 25 ribu sebulan lah termasuk pada quran

NFA: Gano pihak masjid ni, memastikei [memastikan] Masjid Beijing ni mampu mengekalkan reka bentuk dia?

WHW: Ya lah, jaga je lah

NFA: (Ketawa) Jaga tu dari segi gano?

WHW: Takdok eh, kita jaga *service* biasalah, *service* biasa macam ada kerosakan sikit, kita segerakan begitulah.

SNZ: Mace setiap bulan tu ada kena repair ke tukar ke gapo ko?

WHW: Dia tidak semestinya setiap bule, dia bergantung pada keperluan.

NFA: Ada syarikat yang bertanggungjawab dok dalam mengendalikan kerja-kerja membaik pulih denga [dengan] ni? Ada saintifik?

WHW: Takde--, kita melihat kepada keperluan. Kita terbukalah kepada khususnya kita bagi kemudahan ini untuk repair-repair mace elektrik ke, ada kerosakan kecil-kecil ni kita bagi keutamaan pada anak mukim. Anak mukim yang ada kemahiran lah.

SNZ: Kiranya orang tempate [tempatan] lah mari tolong?

WHW: (mengiyakan) Orang tempate.

NFA: Berdasarke [berdasarkan] sumber yang kami dapat lah, baru-baru ni buke lah baru-baru ni tapi kerajaan negeri Kelantan ada bagi sumbangan ko [kat] Masjid Beijing. Contoh dia *aircond* dia ada?

WHW: (mengiyakan) Dia ada.

NFA: Selain pada sumbangan *aircond* tu dia ada lagi dok sumbangan lain?

WHW: Masjid Beijing ni dia dibina atas dasar ukhuwah-- di kalangan penduduk, masyara-- kerajaan dan juga kakitangan kerajaan yang membuat potongan gaji setiap bulan sehingga siap bangunan ni. Dari segi sumbangan kerajaan, secara *total* nya membuat sedikit bayaran tunggakan bil elektrik. Pada peringkat awal memberi sumbangan *aircond* lepas tu pada peringkat awalnya kerajaan negeri hanya untuk-- melancarkan pergerakan masjid, permulaan peringkat masjid untuk pembukaan masjid, kerajaan negeri hanya membagi sumbangan sebanyak RM 1 ribu 5 ratus ringgit sahaja.

NFA: Pada awal?

WHW: (mengiyakan) Pada awal dan seterusnya masjid ini mendapat berkah daripada hasil-- daripada kerjasama masyarakat dan kerajaan negeri menyebabkan hasil daripada sumbangan tabung tu lah kita dapat membiayai setiap bule pengurusan elektrik, bayar gaji kakitangan semua.

NFA: Mace maklumat yang kami dapat tadi sebelum Masjid Beijing ni dibina, tanah ni bende [bendang] padi?

WHW: (mengiyakan) Bendang padi.

NFA: Dimiliki oleh tiga ore pemilik?

WHW: (mengiyakan)

NFA: Ada tak macam timbul isu macam tanah ni sebelum ni macam ada orang claim ko? Atau pon mace toksey [tak nak] la, toksey jual tanah.

WHW: Oh takde.

NFA: Kiranya macam sukarela la?

WHW: (mengiyakan) Sukarela.

(Mencelah)

NFA: Menjual tanah tu?

WHW: Tanah ni pada peringkat awal dimiliki oleh tiga orang pemilik dan ia telah jual. Ada sorang penduduk tempatan telah membayar secara peribadi satu ekar. Secara peribadi dia bayar, yang selebihnya--

(Mencelah)

NFA: Ramai-ramai.

WHW: (mengiyakan) Ramai-ramai.

**NFA: Haji tahu dok berapa jumlah hok pekerja terlibat dale proses pembinaan masjid?
Sepanjang pembinaan tu berapa ore?**

WHW: Hoktu saya tak-- pasti lah pasal dia tu di bawah Gugusan Yakin Sdn. Bhd.

NFA: Siapa kontraktor yang bertanggungjawab dalam pembinaan masjid?

WHW: Gugusan Yakin.

**NFA: Gugusan Yakin tadi lah. Ado ko mace Haji kenal secara peribadi ore yang
kontraktor tu?**

WHW: Tak kenal, tu urusan kerajaan.

NFA: Kiranya memang takdok masuk capur [campur] lah dale urusan tu?

WHW: Kita hanya peringkat penyediaan tapok saja. Peringkat awal

NFA: Kiranya bahagian kontraktor tu serah kepada--

(Mencelah)

WHW: Serah kepada pihak kerajaan

NFA: Masa sepanje [sepanjang] dengan kontraktor tu, ada timbul apa-apa isu dok? Dale mace dale segi dok cukup perkerja ko? Dok cukup bahan ko?

WHW: Dia kontraktor ni secara jujurnya dia ada jugok masalah [masalah]. Pada peringkat awalnya masjid ni tidak dapat disiapkan secara sepenuhnya oleh kerana kontraktor yang masalah sebenarnya. Tapi ini selepas pada tu, dia--diurus tadbir oleh kerajaan negeri sehingga lah benda ni selesai.

NFA: Sapo hok menyokong cadangan lokasi untuk menubuhkan Masjid Beijing? Mace bilo [bila] oyak okay Masjid Beijing ni ake [akan] dibina atas tapok ni? Ado dok orang yang memberi sokongan?

WHW: Secara zahirnya, tuanku lah pasal benda ni dipersembahkan kepada tuanku dan menjadi pilihan disini tuanku lah.

NFA: Kiranya meme dapat--

(Mencelah)

WHW: Perkenan tuanku lah.

NFA: Ni sayo nok tanyo sedikit lah mengenai pengalame [pengalaman] Haji sepanjang Haji menjaga masjid ni lah. Ada dok apa-apa pengalaman manis hok pernah Haji lalui lah sepanjang [sepanjang] menjaga Masjid?

WHW: Ya lah, bermula daripada 2009 sehingga sekare nil ah mace-mace liku-liku lah yang kita perlu hadapi. Pertamanya (berdehem) dari segi pengurusan kewangan lah. Pada peringkat awal, saya sebagai setiausaha untuk persediaan tapok. Seterusnya, bertukar-- kepada bahagian kewangan iaitu bendahari. Sehingga hari ni ditukar kepada bahagian pembangunan. Itulah liku-liku manisnya, kita biasanya kita dapat melihat bahawa masjid ini menjadi tumpuan yang begitu ramai oleh berbilang bangsa tak kira dekat dan jauh dan masjid ni ditumpu oleh serata dunia sebenarnya masjid ni dan kita telah masuk dalam *journal*, daripada RTM, daripada TV swasta sehingga lah masjid ni dikenali di seluruh dunia ni lah bukan setakat di Malaysia sahaja (berdehem) dan masjid ini juga pernah dikunjungi oleh imam-imam muda daripada Beijing yang datang secara rombongan ke masjid ni.

NFA: Apa ni berdasarkei sumber lah, Masjid Beijing ni pernah mendapat beberapa penghargae [penghargaan]. Betul ko?

WHW: Dia penghargaan ni dari-- secara rasminya takde lah Cuma penghargaan dari pengunjung-pengunjung yang datang secara berkumpulan. Secara rombongan dari masjid mana-mana, daripada *NGO (Non-Governmental Organisation)* mana-mana. Biasanya ada lah gitu.

NFA: Pernah ko Masjid Beijing ni menerima kunjungan daripada *non-muslim*?

WHW: Ada.

NFA: Ada.

WHW: Setiap masa kita ada kunjungan daripada *non-muslim*. Marin [kelmarin] baru kita selesaikan satu program bersama dengan badan NGO yang melibatkan orang Cina, India, Siam dan Melayu.

NFA: Ada tak mace apa reaksi ore non-muslim bilo melawat Masjid Beijing ni bila dia tengok rekaan ni ado dok dio memberi reaksi yang positif ko dan negatif ko?

WHW: Dia memang masjid--ni yang paling gembiranya orang Cina lah. Pasal seni bina dia diiktiraf oleh kita orang Melayu dan juga masyarakat--umum lah telah iktiraf seni bina dia (berdehem) dan dia memang suka lah. Secara tak langsungnya, setiap kali mana-mana orang Cina luar daripada Kelantan, apabila sampai berhampiran dengan kawasan masjid, dia akan berhentikan kereta, dia akan ambik gambar. Pada peringkat awal, mungkin dia tengok ni rumah ibadat dia tapi apabila dia tengok secara zahirnya orang islam keluar masuk-- dia baru dia tahu bahawa ini masjid dan ia menyebabkan dia tertarik dengan naik ke atas tengok secara seni kita, solat macam mana, suasana dalam masjid persekitaran dia ambil gambar, dia naik ambik gambar dan dia patuh kepada arahan kita. Kita kata kena pakai uniform, yang pakai menjolok mata kita tak benar lah. Secara beruniform boleh masuk.

NFA: Soale [soalan] terakhir lah, sayo nok tanyo Haji pasal harape [harapan] Haji terhadap Masjid Beijing ni daripada segi sejarah [sejarah] dia, daripada segi reka bentuk dio tu harape Haji gano?

WHW: Ya lah harapan saya yang paling besarnya mudah-mudahan masjid ni kekal dari segi prestasi dia yang begitu cemerlang sehingga hari ini. Dapat mengurus tadbir masjid ni dalam suasana harmoni dan dapat kunjungan yang begitu ramai daripada keseluruhan masyarakat, pertubuhan kerajaan, NGO, badan-badan masjid yang datang ke sini dan setiap kali yang mereka datang ni kita sediakan sarapan. Sarapan, makan tengah hari, kalau mari pagi tu sarapan pagi menggunakan-- (bunyi kilat)

SNZ: Untuk mace untuk sepuluh tahun akei date [datang] ko kei, gapo harape Cik ko Masjid Beijing ni?

NFA: Mace dari segi sejarah tu harape Haji mace harap sejarah ni supaya ado dok mace supaya anak-anok akei date mace tahu sejarah ni Masjid Beijing ni dibuat atas dasar gapo-gapo mace gitu?

WHW: Ya lah kita sebagai ore lamo mestilah nak melihat masjid ni mace satu kebanggan bagi generasi akei date [datang] dan sama-sama menjaga identiti masjid ni sendiri kerana masjid ni merupakan satu lambang yang-- besar lah dan sejarah juga dia dilhamkan oleh seorang ulamak dan juga menteri besar. Itulah kita harapan nya agar masjid ni terus berkembang lah. Daripada sekarang ni lebih baik pada masa akan datang Insyallah.

SNZ: Soalan *last* lah ni, sapo hok Cik harapkan untuk memikul tanggungjawab menjaga Masjid Beijing ni?

WHW: Ya lah generasi pelapis lah. Harapan kita yang paling besar ialah generasi pelapis tapi masjid ni sebenarnya sekarang ni dia di bawah pentadbiran majlis agama lah. Bertukar daripada kerajaan negeri kepada bidang kuasa di bawah pentadbiran majlis agama. Insyallah lah masjid ni dah dinaik taraf daripad masjid biasa kepada Masjid Jubli-- apa ni Masjid Jamek. Masjid Jamek ni merupakan masjid bandar dan segala peruntukan besar doh sekare ni masjid ni dapat. Peruntukan dua ore imey,[imam] dua orang bilal, siok [siak] dan kakitangan masjid ni sekarang ni semua dibiayai oleh pihak majlis agama. Kita telah ringan dah la hasil beban, beban tanggungan untuk menjaga masjid ni semakin berkurangan lah. Kita telah di support oleh pihak pengurusan majlis agama.

NFA: Saya rasa tu je lah.

WHW: Okey.

NFA: Terima kasih.

WHW: Okey, sama-sama.

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai pendokumentasian sejarah lisan bersama Tuan Hj. Wan Hanafi bin Wan Jaafar. Kami mengucapkan ribuan terima kasih diatas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnkan temubual ini. Sekian, terima kasih.

LOG
TEMUBUAL

6.0 LOG TEMBUAL

SESI 1

MASA (MINIT)	DESKRIPSI	PERKARA
01:10	Latar belakang	<ul style="list-style-type: none">• Nama Samsuddin Bin Yasim• Umur 71 tahun• Seorang pesara guru• Menerima pendidikan Government English, Sultan Ismail School, MCE, and ACE.• Jawatan akhir penolong kanan pentadbiran• Berasal daripada Pasir Mas, Kelantan
03:02	Latar belakang pekerjaan	<ul style="list-style-type: none">• Dicadangkan oleh pemimpin tempatan sebagai AJK Masjid mulai 2009• Dilantik sebagai setiausaha pada peringkat awal• Sekarang memegang jawatan sebagai ketua biro kebajikan mukim
04:19	Tugas-tugas sebagai biro kebajikan	<ul style="list-style-type: none">• Menjaga kebajikan anak mukim• Menyediakan <i>food bank</i> kepada kariah• Mengadakan siri lawatan ke rumah kariah yang sakit
06:18	Peranan	<ul style="list-style-type: none">• Mengetuai biro kebajikan dalam urusan seperti menyediakan <i>food bank</i>, mengadakan siri lawatan ke

		rumah kariah yang sakit, mengadakan program berkhitan.
11:10	Cabaran sepanjang menjaga masjid	<ul style="list-style-type: none"> • Memilih kariah yang layak menerima bantuan dan sumbangan. Contohnya, beras • Punca cabaran tersebut ialah wujudnya tidak puas hati kalangan kariah • Cabaran tersebut cuba diatasi dengan megikut senarai pengagihan
14:31	Rakan seperjuangan	<ul style="list-style-type: none"> • Haji Wan Hanafi dan beberapa orang yang juga jawatankuasa masjid.
15:13	Kenangan tidak boleh dilupakan	<ul style="list-style-type: none"> • Pada tahun 2014 terdapat satu program bersama pelajar perubatan daripada Al-Azhar, Mesir • Kem cuti sekolah
18:10	Pandangan peribadi terhadap masjid	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Allah, tempat beribadat • Tempat mesyuarat, berkumpul, aktiviti-aktiviti kaum muda, muslimat dan orang tua • Bukan setakat rumah ibadat sahaja
18:50	Bilangan masjid Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> • Masjid Mukim sebanyak 595 tapi sekarang lebih 700 buah
19:10	Sebab banyak masjid di Kelantan	<p>Tabiat orang Kelantan pergi meneroka mula-mula bina surau.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Surau dahulu sebagai rumah ibadat, selepas itu baru bina bangsal dan pondok sebab waktu

		<p>malam orang akan berkumpul solat jemaah</p>
20:00	Fungsi masjid kepada masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> • Tempat berkumpul dan bertanya khabar • Tempat menyambut kebesaran Islam
20:23	Perbezaan Masjid Beijing dengan masjid lain	<ul style="list-style-type: none"> • Dari segi struktur bangunan • Bezanya ialah bangunan unik kerana mengikut rekaan masjid negeri Cina • Satu-satunya masjid berbentuk senibina cina dengan ukuran besar
21:11	Pandangan terhadap rekabentuk Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Masjid Beijing dari segi binaan mengikut budaya setempat tapi Masjid Beijing sedikit luar biasa kerana pemerintah ingin memberi perbezaan kepada negara jiran • Nak memberi tahu bahawa Islam itu universal tidak terikat dengan budaya
22:22	Pandangan keseluruhan terhadap Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Keunikan seni bina membuatkan ramai orang nak tengok • Pengurusan masjid tidak sama dengan masjid mukim kerana ianya lebih terbuka
23:36	Bagaimana orang ramai dapat menerima reka bentuk Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak kerajaan mengumumkan bahawa Islam tidak terikat dengan budaya dan yang terikat hanya lah akidah sahaja. • Orang ramai bangga terutama orang Rantau Panjang

24:31	Bagaimana orang ramai mula menerima Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Sebab kerajaan sendiri dan ustaz juga memberitahu bahawa Islam tidak terikat dengan budaya
24:49	Ketidakpuas hati dengan Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Mahu lebih lagi dari segi prasarana • Banyak perkara perkara perlu ditambah
26:21	Penambahbaikan	<ul style="list-style-type: none"> • Nak rumah bagi imam, bilal dan tok siak supaya mereka dapat sentiasa berada dekat dengan masjid kerana ingin memudahkan urusan rasmi seperti pengesahan.
29:58	Siapa yang membina Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan negeri
30:37	Sejarah penubuhan Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Ketiadaan masjid besar dan masjid-masjid berdekatan bersaiz kecil mendorong pembinaan Masjid Beijing sesuai dengan Bandar Rantau Panjang
31:02	Idea rekabentuk Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Mantan Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz
31:15	Tahun Masjid Beijing dibina	<ul style="list-style-type: none"> • 2005 • Siap pada tahun 2008
31:43	Perasmian Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Almarhum Sultan Ismail Petra merasmikan Masjid Beijing pada tahun 2005
32:45	Nama lain Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Masjid Jamek Sultan Ismail Petra

33:34	Pemilihan tanah	<ul style="list-style-type: none"> • Dicapadangkan oleh Menteri Besar
35:10	Persekitaran Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Dulu persekitaran jauh pada hanyalah bendang padi • Seiring waktu perlahan-lahan masyarakat tinggal dekat dengan Masjid Beijing
35:55	Kos	<ul style="list-style-type: none"> • 8.8 Juta Ringgit
36:34	Cabaran dalam pembinaan	<ul style="list-style-type: none"> • Cabaran daripada segi barang yang perlu diimport daripada China
37:22	Masjid berunsurkanseni reka cina	<ul style="list-style-type: none"> • Meniru bangunan du Yuji • Keluasan tiga kali lebih besar
37:54	Rekaan bentuk bangunan	<ul style="list-style-type: none"> • JKR Kelantan pergi ke Beijing untuk melihat
38:52	Aktiviti Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti harian • Aktiviti mingguan • Aktivit Bulanan
41:35	Aktiviti Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> • SBG Jiran Tentangga • Melibatkan kaum siam, cina, india dan melayu
44:27	Lawatan Menteri daripada China	<ul style="list-style-type: none"> • Warga Masjid Beijing menyambut kedatangan Menteri China • Beliau gembira dengan sambutan yang diterima
46:41	Kos untuk menaiktaraf dan membaikpulih Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Anggaran kos cat menara RM13 ribu • Maik luluskan RM20 Ribu

47:56	Cara mengekalkan rekabentuk Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> Ahli jawatankuasa berusaha sebaik mungkin untuk tidak mengubah struktur asli ketika membaiki sesuatu.
49:19	Syarikat yang mengendalikan kerja baikpulih	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat-syarikat tempatan
49:45	Sumbangan kerajaan Negeri Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> Sumbangan aircond sebanyak RM120 ribu Bekalan air
50:57	Kegunaan asal tanah Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> Bendang padi Milik 3 orang tempatan
52:00	Kontraktor Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> Orang Kota Bharu dan sudah meninggal
54:58	Idea lokasi Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan
56:06	Pengalaman manis	<ul style="list-style-type: none"> Pada tahun 2010 pergi ke Bangkok bersama beberapa ahli jawatankuasa Masjid Beijing
1:02:06	Mewakili Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> Melawat masjid di Songkhla, Thailand yang dipanggil Masjid Banguan. Masjid Banguan mempunyai pengurusan yang bagus.
1:03:33	Pengalaman manis sepanjang bekerja di Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> Melayani karenah-karenah jemaah. Kejadian sekumpulan jemaah yang terperangkap dalam Masjid Beijing.

1:06:19	Pengalaman pahit sepanjang bekerja di Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> Kejadian pegawai keselamatan mencuri tabung masjid.
1:09:43	Cara-cara me jagakeselamatan di Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> Menambah <i>CCTV [Closed-Circuit Television]</i> Mencari pegawai keselamatan yang mempunyai latar belakang seperti polis.
1:10:27	Mendapat anugerah dan penghargaan untuk Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> Anugerah dan penghargaan daripada pejabat tanah dari segi kerjasama kakitangan dan kebersihan. Mendapat sijil-sijil. Anugerah dan penghargaan daripada MAIK [Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan]. Penarafan masjid
1:12:19	Kunjungan dari orang bukan islam	<ul style="list-style-type: none"> Ramai kalangan kaum Cina datang melawat Masjid Beijing. Memastikan mereka boleh masuk dan melawat masjid. Bertanya tentang reka bentuk Masjid Beijing. Memberi reaksi yang positif.
1:13:38	Pengalaman yang mengharukan sepanjang berkerja di Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> Masyarakat yang datang mengadu nasib untuk menyelesaikan masalah.
1:22:37	Harapan untuk Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> Berharap supaya dapat menjadi seperti Masjid Temerloh Jaya (Pahang).

		<ul style="list-style-type: none"> • Semakin ramai lagi orang mengimarahkan Masjid Beijing.
1:24:54	Pendapat tentang cara-cara meningkatkan lagi imarah di masjid	<ul style="list-style-type: none"> • Menjaga layanan dengan pengunjung. • Memastikan ketetapan masa untuk azan semasa masuk waktu solat.
1:26:18	Sejarah Masjid Beijing perlu dikekalkan	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu dikekalkan dan meningkatkan lagi tentang Masjid Beijing.
1:26:30	Harapan untuk Masjid Beijing pada masa akan datang	<ul style="list-style-type: none"> • Supaya Masjid Beijing semakin maju • Pengimarahan masjid semakin meningkat. • Khidmat masyarakat semakin membaik.
1:28:40	Harapan dari segi sejarah bangunan Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Mengharapkan orang ramai tahu tentang sejarah bangunann Masjid Beijing. • Menyebarkan lagi kegunaan Masjid Beijing yang pernah diguna oleh pihak AADK [Agensi Anti Dadah] dan PATI [Pendatang Asing Tanpa Izin].
1:30:00	Orang yang diharapkan untk memikul tanggungjawab menjaga Masjid Beijing pada masa akan datang	<ul style="list-style-type: none"> • Sudah mempunyai pelapis yang dipanggil <i>team</i> muda. • Sudah melatih mereka dalam melakukan aktiviti yang dijalankan di masjid.
1:31:25	Pandangan supaya memperbanyakkan lagi seni	<ul style="list-style-type: none"> • Patut diperbanyakkan.

	bina masjid seperti Masjid Beijing.	
1:32:07	Pandangan terhadap masjid berbentuk seperti Masjid Beijing juga dapat dijadikan dakwah.	Dapat dijadikan usul dakwah.

SESI 2

MASA (MINIT)	DESKRIPSI	PERKARA
00:55	Latar belakang Tuan Hj. Wan Hanafi bin Wan Jaafar	<ul style="list-style-type: none"> • Hj. Wan Hanafi bin Wan Jaafar. • Dilahirkan pada tahun 1964 dan berumur 59 tahun. • Bidang tugas ialah ahli perniagaan, ahli majlis daerah Pasir Mas, Kelantan, ahli mesyuarat daerah Pasir Mas, Kelantan dan bahagian pembangunan peringkat Masjid Beijing. • Mula berkecimpung dalam aktiviti masjid seawal 2004 untuk mencari tapak dan menyelesaikan masalah menambung tapak.
03:07	Harga tanah Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Dibeli oleh masyarakat kampung. • Tiga ekar tanah dan nilainya sebanyak 200 ribu. • Diberi secara infaq untuk masjid • Membuat pungutan bayaran tapak dengan menjual keluasan tapak satu kaki persegi sebanyak enam puluh empat ringgit.
04:09	Tinggal berdekatan Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Peringkat awal tinggal di kawasan bandar

		<ul style="list-style-type: none"> • Sekarang telah berpindah ke Kawasan Gua Tinggi, Kelantan. • Tiga kilometer daripada masjid.
04:27	Latar belakang pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Bermula di Sekolah Rendah di Rantau Panjang, Kelantan. • Kolej Budaya di Kota Bharu, Kelantan sehingga ke peringkat STPM [Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia].
05:08	Orang yang bertanggungjawab membina Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Dibina atas dasar ukhuwah. • Kerjasama antara penduduk kampung, kerajaan negeri dan kakitangan kerajaan negeri.
05:35	Bagaimana Masjid Beijing ditubuhkan	<ul style="list-style-type: none"> • Cetusan idea daripada mantan negeri besar Kelantan, Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat. • Mengambil contoh masjid di Beijing, China untuk dibawa balik dan dipersembahkan kepada Tuanku.
06:14	Masjid Beijing dibina pada 2005-2008.	<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan perletakan batu asas pada 2004. • Pembinaan bermula 2005. • Masjid siap sepenuhnya pada 2009. • Pada awal 2008, masjid telah digunakan untuk bulan Ramadhan.
06:50	Orang yang meluluskan Masjid Beijing untuk dibina	<ul style="list-style-type: none"> • Dibawah kerajaan negeri.
07:06	Orang yang merasmikan pembukaan Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Dirasmikan oleh di bawah duli Tuanku Sultan Muhammad V.

		<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian perasmian dibuat oleh kerajaan negeri.
07:38	Bagaimana Masjid Beijing mendapat nama	<ul style="list-style-type: none"> • Nama sebenar masjid ialah Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Putra. • Disebabkan reka bentuk seperti bangunan Cina, masyarakat menyebut masjid ini sebagai Masjid Cina. • Kerana diambil contoh dari Beijing, masyhur dengan nama Masjid Beijing.
08:15	Nama lain Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Masjid Mukim • Masjid kategori A • Masjid Jamek
08:40	Sebab Masjid Beijing dibina atas tanah tersebut	<ul style="list-style-type: none"> • Dibina hasil daripada pencarian kerajaan negeri untuk membina masjid berasaskan seni bina Cina. • Orang kampung ingin membina satu masjid di Rantau Panjang, Kelantan. • Lokasi yang strategik, bersebelahan dengan Thailand.
09:52	Ukuran tanah untuk membina Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Seluas 3.7 ekar tanah untuk membina Masjid Beijing.
10:33	Sebab kedudukan Masjid Beijing strategik	<ul style="list-style-type: none"> • Berdekatan pintu masuk ke negara Thailand ke negeri Kelantan. • Ciri-ciri kebudayaan Siam
11:13	Anggaran kos membina Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Sebanyak 8.8 juta.
11:53	Orang yang meluluskan anggaran kos membina Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Di bawah urusan kerajaan negeri

12:08	Cabaran yang dihadapi semasa membina Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Pandangan negatif daripada penduduk sekitar • Mereka mengatakan Masjid Beijing merupai rumah ibadat orang Cina.
13:14	Cabaran tersebut dapat diatasi atau tidak	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat diatasi. • Pandangan negatif pada peringkat awal sahaja.
13:29	Sebab cabaran tersebut dapat diatasi	<ul style="list-style-type: none"> • Masjid mula mendapat kunjungan orang ramai. • Masyarakat mula nampak satu kebaikan yang berada pada Masjid Beijing.
13:55	Sebab Masjid Beijing dibina berunsurkan seni bina Cina	<ul style="list-style-type: none"> • Hasil lawatan daripada mantan negeri besar Kelantan, Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat ke negara Cina. • Untuk membuang tanggapan rumah ibadat ini yang seperti zahir sahaja, sedangkan ianya bergantung kepada situasi masyarakat setempat itu sendiri. • Membuat satu idea perubahan untuk melihatkan bahawa islam ini adalah agama syumul.
15:15	Orang yang membuat rekaan bentuk bangunan Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Dibina oleh Gugusan Yakin Sdn.Bhd.
15:43	Sebab Gugusan Yakin Sdn.Bhd dipilih membuat rekaan bentuk bangunan Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak mempunyai maklumat.
16:07	Keunikan Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Reka bentuk masjid. • Bumbung masjid.

		<ul style="list-style-type: none"> • Produk diimport dari negara Cina.
16:41	Aktiviti yang dijalankan di Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti banyak yang melibatkan golongan kanak-kanak, dewasa muslimat dan lelaki. • Kuliah • Kelas al-quran bermula dari iqra sehingga hafazan.
17:15	Aktiviti lain selain ibadah	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti kemasyarakatan • <i>Food bank</i> • Bantuan untuk pelajar-pelajar yang memasuki persekolahan seperti beg dan pakaian.
17:56	Anggaran kos untuk menaik taraf dan membaik pulih Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Hampir 25 ribu untuk setiap bulan untuk membayar setiap kakitangan.
18:50	Cara pihak masjid mengekalkan reka bentuk Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Menjaga Masjid Beijing. • Membuat <i>service</i> untuk setiap kerosakan.
19:26	Syarikat yang bertanggungjawab dalam mengendalikan kerja-kerja membaik pulih Masjid Beijing.	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada spesifik syarikat. • Terbuka untuk sesiapa terutamanya anak mukim dan orang tempatan.
19:57	Kerajaan negeri Kelantan memberi sumbangan kepada Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Sumbangan <i>aircond.</i> • Bayaran tunggakan bil elektrik • Permulaan peringkat pembukaan masjid, kerajaan negeri memberi sumbangan sebanyak RM 1 ribu 5 ratus ringgit sahaja. • Membayar gaji kakitangan masjid.

21:32	Masjid Beijing dibina di atas bendang padi	<ul style="list-style-type: none"> • Dibina di atas bendang padi. • Dimiliki oleh tiga orang pemilik.
21:44	Timbul isu tentang tanah di Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada
22:19	Jumlah pekerja yang terlibat dalam proses pembinaan Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada maklumat • Maklumat dibawah Gugusan Yakin Sdn.Bhd.
22:35	Kenalan dari Gugusan Yakin Sdn. Bhd	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak kenal. • Tidak masuk campur dalam urusan tersebut.
23:00	Isu berkaitan kontraktor	<ul style="list-style-type: none"> • Ada sedikit masalah dengan kontraktor. • Pada awalnya, masjid ini tidak dapat disiapkan secara sepenuhnya oleh kontraktor. • Masalah ini selesai selepas diurus tadbir oleh kerajaan negeri.
24:22	Pengalaman manis sepanjang menjaga Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan kewangan. • Sebagai bendahari. • Sebagai bahagian pembangunan. • Melihat masjid ini mendapat tumpuan ramai oleh berbilang bangsa. • Masjid Beijing telah masuk dalam journal, RTM [Radio Televisyen Malaysia], dan TV [Television] swasta. • Masjid Beijing dikenali di seluruh dunia dan bukan setakat di Malaysia sahaja.

		<ul style="list-style-type: none"> • Pernah dikunjungi imam-imam muda daripada Beijing, China.
26:01	Masjid Beijing mendapat penghargaan	<ul style="list-style-type: none"> • Penghargaan daripada pengunjung-pengunjung yang datang. • Penghargaan daripada <i>NGO [Non-Governmental Organisation]</i>
26:34	Menerima kunjungan dari <i>non-muslim</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap masa menerima kunjungan daripada non-muslim. • Baru sahaja menyelesaikan program bersama dengan badan NGO yang melibatkan orang Cina, India, Siam dan Melayu.
26:58	Reaksi non-muslim apabila melawat Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Orang Cina yang paling gembira melihat Masjid Beijing. • Mereka mengambil gambar Masjid Beijing. • Mereka tertarik untuk melihat cara solat, suasana, persekitaran di masjid. • Mereka mematuhi peraturan dan mengikut arahan dari segi pemakaian.

28:19	Harapan terhadap Masjid Beijing dari segi sejarah dan seni bina	<ul style="list-style-type: none"> • Agar masjid ini kekal dari segi prestasi yang begitu cemerlang sehingga hari ini. • Dapat mengurus tadbir masjid ini dalam suasana yang harmoni. • Mendapat kunjungan yang ramai daripada keseluruhan masyarakat. • Menyediakan sarapan untuk pengunjung.
29:22	Harapan terhadap Masjid Beijing pada masa akan datang	<ul style="list-style-type: none"> • Melihat masjid ini sebagai satu kebanggaan untuk generasi akan datang. • Menjaga identiti Masjid Beijing. • Agar Masjid Beijing terus berkembang dan lebih baik pada masa akan datang.
30:25	Orang yang diharapkan untuk memikul tanggungjawab menjaga Masjid Beijing	<ul style="list-style-type: none"> • Generasi pelapis.

RALAT

7.0 RALAT

Sesi temubual yang dijalankan oleh Nurul Fatini Aisyah binti Muhammad Faizul dan Siti Nur Zulaikha binti Azizan bersama Encik Samsuddin bin Yasim dan Tuan Hj. Wan Hanafi bin Wan Jaafar yang merupakan kakitangan di Masjid Beijing yang bertempat di Rantau Panjang, Kelantan. Temubual telah dijalankan di Masjid Beijing. Terdapat beberapa gangguan semasa temubual ini berlangsung namun ianya tidak menjejaskan sesi temubual kami dan gangguan yang terjadi adalah atas sebab dan faktor yang tidak dapat dielakkan. Antara gangguan yang dialami ialah:

- Gangguan Bunyi Kipas
- Gangguan Bunyi Helaian Kertas
- Gangguan Bunyi Nada Dering Telefon
- Gangguan Bunyi Enjin Kereta
- Gangguan Bunyi Kilat

Walaupun bagaimanapun, sesi temubual ini masih dapat dijalankan dengan sangat baik. Hal ini kerana kerjasama semua pihak yang terlibat terutama Encik Samsuddin bin Yasim dan Tuan Hj. Wan Hanafi bin Wan Jaafar yang dapat memahami tujuan kami dalam mengumpulkan maklumat dalam bentuk audio dan rakaman. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih diatas kesudian dan kerjasama yang telah diberikan oleh mereka dalam membantu menyiapkan tugas yang diberikan kepada kami dan seterusnya memberi pendedahan kepada kami mengenai kepentingan menghargai sejarah, warisan dan budaya.

RINGKASAN

8.0 RINGKASAN

Transkrip ini merekodkan temubual antara penyelidik dan Encik Samsudin bin Yasim dan Tuan Haji Hanafi bin Wan Jaafar yang merupakan ahli jawatankuasa di Masjid Beijing. Terdapat dua sesi temubual yang dijalankan. Temubual pertama bersama Encik Samsuddin bin Yasim yang dijalankan pada 31 Mei 2023 pada pukul 11:00 pagi manakala temubual sesi kedua juga dijalankan pada tarikh yang sama pada pukul 5:00 petang. Encik Samsuddin bin Yasim atau dipanggil Cikgu Din merupakan ahli jawatankuasa di bawah biro kebajikan. Beliau merupakan seorang pesara guru yang berasal daripada Pasir Mas, Kelantan yang bertanggungjawab menguruskan hal berkaitan kebajikan di Masjid Beijing. Manakala, Tuan Haji Wan Hanafi bin Wan Jaafar atau digelar Haji merupakan seorang ahli jawatankuasa Masjid Beijing dibawah biro. Beliau merupakan seorang penjawat kerajaan. Kedua-dua mereka merupakan antara lama yang menjaga dan menguruskan Masjid Beijing.

Melalui temubual ini, penyelidik berjaya mengetahui sejarah penubuhan Masjid Beijing dan juga berjaya mengetahui pihak yang terlibat yang terlibat dengan reka bentuk dan pembinaan Masjid Beijing. Selain itu juga, melalui kajian ini juga beberapa fakta tersirat berkaitan dapat dirungkai dan dapat dikongsikan bersama masyarakat dimana ianya sangat bermanfaat sebagai satu sejarah.

Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra atau lebih dikenali sebagai Masjid Beijing merupakan masjid pertama di Malaysia yang dibina berasaskan senibina Cina. Masjid Beijing dibina pada tahun 2005 dan berjaya disiapkan pada tahun 2009. Selain itu, Masjid ini diinspirasi oleh Masjid Niujie di Beijing, China yang berusia lebih daripada 1000 tahun. Idea untuk membina Masjid Beijing dicetuskan oleh Armahum YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada ketika itu. Masjid Beijing terletak di tepi Lebuhraya Pasir Mas – Rantau Panjang yang berdekatan dengan Pekan Rantau Panjang. Selain daripada itu, Masjid Beijing dibina di atas tanah yang berkeluasan 3.7 ekar dan anggaran kos keseluruhan Masjid Beijing ialah RM8.8 juta dan boleh memuatkan seramai 1000 jemaah pada satu masa.

Selain itu, Masjid Beijing juga sering dilawati kerana ianya berdekatan dengan sempadan Malaysia-Thailand dan juga berhampiran dengan Pekan Rantau Panjang yang dikenali sebagai kawasan bebas cukai. Di samping mempunyai struktur bangunan yang unik dan menarik, Masjid Beijing juga mengadakan pelbagai aktiviti seperti kelas mengaji Al-Quran, majlis-majlis menyambut hari kebesaran Islam dan sebagainya. Masjid Beijing juga menerima lawatan daripada pelbagai pihak termasuklah pelawat bukan Islam. Selain itu, Masjid Beijing juga menjadi simbolik bahawa Islam itu bersifat universal dan tidak terikat dengan seni bina dan budaya namun terbuka.

GLOSARI

9.0 GLOSARI

A

Aktiviti

Giat dalam sosial, sukan dan budaya; beraktiviti melibatkan diri dlm sesuatu kegiatan.

Al-quran

Kitab suci yg diturunkan oleh Allah kpd Nabi Muhammad SAW utk menjadi panduan hidup manusia (untuk dunia dan akhirat): membaca dan menghafaz.

Azan

Panggilan untuk bersembahyang, bang: ~ subuh bergema masuk ke seluruh kampung; mengazankan melaungkan azan (menyeru orang Islam mendirikan solat)

Akidah

Ar rukun agama yang menjadi asas kepada keimanan yang diyakini.

Agama

Kepercayaan pada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya, kepercayaan pd yg Maha Kuasa.

B

Bangunan

Sesuatu yang dibangunkan (seperti gedung, rumah, kedai, dll).

Biro

Jabatan atau agensi (terutama yg menyediakan perkhidmatan utk orang ramai).

Bilal

Orang yg kerjanya meneriakkan azan apabila masuk waktu sembahyang, tukang bang, tukang azan, mudin, muazin: suara azan yg dilaungkan oleh ~ masjid kedengaran sayup-sayup.

Budaya

Tamadun dan peradaban.

Bantuan

Sesuatu yang diberikan atau dilakukan untuk membantu, pertolongan.

C

Cina

Bangsa yg nenek moyang mereka berasal dari negeri China (Tiongkok), Tionghua.

D

Dakwah

Kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.

I

Ibadat

Ar bakti (khidmat) kepada Tuhan, perbuatan dan amalan yg dilakukan sebagai bakti kepada atau kerana Tuhan (seperti sembahyang, berdoa, bersedekah, berbuat baik sesama manusia, dll)

J

Jawatankuasa

Sekumpulan orang yang dilantik atau dipilih untuk melaksanakan atau mengurus tugas-tugas tertentu.

Jemaah

Kumpulan orang beribadat.

K

Kebajikan

Sesuatu yang membawa kebaikan, perbuatan baik, kebaikan: berbuat ~ kepada orang.

Kariah

Kawasan yang didiami oleh penduduk yang berkongsi masjid atau surau.

Khatam

Mengaji tamat atau selesai mengaji (mem-baca).

Kontraktor

Orang atau syarikat yang mengikat kontrak untuk menjalankan sesuatu perkhidmatan, membekalkan bahan atau buruh, dsb terutamanya utk kerja pembinaan.

Kuil

Rumah berhala, tempat memuja dewa-dewa.

L

Lawatan

Perihal melawat (mengunjungi, menziarahi, dll).

M

Masjid

Bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain.

Mukim

Penduduk tetap (di sesuatu tempat).

Masyarakat

Kumpulan manusia yang hidup bersama (di sesuatu tempat dgn aturan dan cara tertentu).

Muslimat

Orang-orang perempuan penganut agama Islam.

Muslimin

Ar jamak bagi Muslim: para ~ dan Muslimat.

P

Pencen

Sudah tidak bekerja lagi tetapi mendapat wang sara pada tiap-tiap bulan.

Pelancongan

Hal-hal mengenai urusan melancong; perbuatan melancong; perjalanan utk bersenang-senang atau untuk melihat-lihat.

Penarafan

Perihal atau perbuatan me-narafkan.

S

Sumbangan

Sesuatu yang diberikan sebagai bantuan (kepada keramaian dll)

Siak

Orang yang kerjanya menjaga masjid, pengawal masjid: lepas gendang maghrib ditabuh.

Syumul

Bersifat menyeluruh dan sempurna: undang-undang Islam yang bersifat ~ dan universal; kesyumulan perihal (sifat) syumul, kese-jagatan

I

Imam

Orang yg mengetuai sembahyang berjemaah.

Islam

Agama yg disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW.

U

Universal

Meliputi seluruhnya atau semuanya (di dunia ini).

W

Wakaf

Sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai (sebagai derma).

Z

Zakat

Rukun Islam yang keempat yang mewajibkan seseorang Islam mengeluarkan sebahagian daripada hartanya kepada orang yang berhak menerimanya (seperti fakir miskin), mengikut syarat-syarat yang ditentukan.

INDEKS

10.0 INDEKS

A

Aktiviti, 7, 10, 11, 22, 30, 48, 49, 50, 51, 52, 86, 96, 97, 108, 111, 114, 116, 120, 125, 135, 140, 143, 145,

Al-quran, 10, 48, 114, 120, 125

Azan, 51, 97, 113, 120,

Akidah, 33, 109

Agama, ii, 10, 19, 37, 62, 72, 95, 105, 113, 119,

B

Bangunan, i, 6, 11, 16, 31, 32, 33, 38, 43, 44, 46, 47, 50, 53, 59, 73, 81, 82, 84, 90, 91, 95, 96, 99, 103, 109, 111, 114, 116, 118, 119, 121, 125, 141, 142, 143, 144, 146

Biro, 19, 20, 21, 22, 23, 28, 107, 125, 135, 136, 139

Bilal, 10, 43, 79, 97, 110

Budaya, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 32, 33, 88, 92, 109, 117, 124, 125, 136

Bantuan, ii, 24, 25, 97, 108, 120

C

Cina, 5, 73, 90, 96, 104, 109, 111, 113, 119, 122, 144

D

Dakwah, 84,

I

Ibadat, 24, 30, 31, 93, 95, 104, 108, 119

J

Jawatankuasa, 10, 19, 23, 28, 51, 57, 61, 108, 112, 125, 135, 136, 147, 150

Jemaah, 5, 6, 20, 32, 44, 48, 49, 66, 72, 79, 109, 112, 125, 140

K

Kebajikan, 10, 19, 20, 22, 23, 24, 107, 125, 135, 139

Kariah, 9, 19, 20, 21, 23, 24, 38, 107, 108,

Khatam, 27, 48

Kontraktor, 57, 58, 101, 102, 112, 121, 144

Kuil, 5, 32

L

Lawatan, 21, 23, 88, 94, 107, 111, 119, 125

M

Masjid, i, ii, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 26, 27, 28, 30, 31, 32, 33, 34, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 64, 65, 66, 67, 68, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 84, 86, 87, 88, 89, 90, 91, 92, 93, 94, 95, 96, 97, 98, 99, 100, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 109, 110, 111, 112, 113, 114, 115, 116, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 123, 124, 125, 135, 136, 139, 140, 141, 142, 143, 144, 145, 146, 147, 148

Mukim, 19, 23, 30, 32, 37, 39, 90, 91, 97, 98, 107, 108, 109, 118, 120, 135, 140,

Masyarakat, i, ii, 6, 8, 10, 11, 24, 32, 38, 50, 84, 86, 87, 89, 93, 94, 95, 97, 99, 109, 111, 113, 114, 116, 118, 119, 125, 140

Muslimat, 35, 96, 108, 120

Muslimin, 48

P

Pencen, 17, 19, 27, 71

Pelancongan, 7, 8, 11, 32, 93

Penarafan, 72, 113

S

Sumbangan, i, 7, 8, 11, 20, 21, 32, 55, 99, 112, 120, 140, 141, 144

Siak, 20, 36, 43, 106, 110

Syumul, 95, 119

I

Imam, 10, 35, 36, 43, 48, 54, 75, 97, 103, 106, 110, 122, 140

Islam, i, ii, 5, 9, 10, 11, 19, 31, 32, 33, 49, 50, 65, 72, 73, 74, 93, 95, 104, 109, 110, 113, 119, 125, 146, 148

U

Universal, ii, 32, 33, 109, 125

W

Wakaf, 3, 11, 54,

Z

Zakat, 11, 36

BIBLIOGRAFI

11. BIBLIOGRAFI

- Abd. Wahab, N. A., Hamid, N., & Man, N. C. (2016). *Pemeriksaan Peranan masjid di Malaysia era ...* - journal E-academia. Retrieved from <https://e-ajuitmct.uitm.edu.my/v2/images/vol5issue2/CRPID59-PEMERKASAANPERANANMASJID.pdf>
- Ahmad, A. (2022, January 12). *Sabah Kekal negeri paling banyak masjid di Malaysia*. Utusan Malaysia. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/terkini/2022/01/sabah-kekal-negeri-paling-banyak-masjid-di-malaysia/>
- Azarudin Awang, Zainuddin Zakaria, Mohd Sabri Abdul Ghafar, Noralisa Ismail, & Zuraini Jusoh. (2021). *Potensi Masjid Sebagai Produk Pelancongan di Malaysia*. *Journal Voice of Academia*. 17(1), 1–9.
- Badriah, I. (2022, July). *Pendekatan Dakwah islam Dalam Kalangan Masyarakat di masjid ar-rahman*. Retrieved at https://www.researchgate.net/publication/362134753_PENDEKATAN_DAKWAH_ISLAM_DALAM_KALANGAN_MASYARAKAT_DI_MASJID_AR-RAHMAN
- Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan - WordPress.com (2012)*. Retrieved from <https://khairulhikamarudin.files.wordpress.com/2013/04/garis-panduan-pemuliharaan-bangunan-warisan.pdf>
- Keunikan masjid beijing di rantau panjang*. Omeka RSS. (n.d.). <http://digitalkelantancollection.umk.edu.my/koleksikelantan/items/show/1979>
- Muhyiddin, A.D. and Ridouan, A. (2020) *Peranan Ahli Kariah Masjid Dalam Mengimarahkan Aktiviti-Aktiviti Masjid: Satu Kajian Di Masjid Taman Bukit Bendara, Mentakab, Pahang Darul Makmur*. Retrieved at <https://www.coursehero.com/file/95261945/2941-Article-20Text-5091-1-10-20200324-20-1-pdf/>
- Portal masjid*. Portal SISMIM. (n.d.). Retrieved at <https://masjid.islam.gov.my/>
- Post author By admin. (2023, February 26). *Masjid beijing: Masjid jubli perak sultan Ismail Petra rantau Panjang Kelantan Mirip Masjid niujie*. Addashuk. <https://www.addashuk.com/masjid-beijing-masjid-jubli-perak-sultan-ismail-petra-rantau-panjang-kelantan-mirip-masjid-niujie/>
- Talib, N.H.F., Tamuri, A.H. and Mohd Shafie, B.H. (2011, April) *(PDF) Masjid Pusat Perkembangan Tamadun Islam - Researchgate*. Available at: https://www.researchgate.net/publication/348649260_Masjid_Pusat_Perkembangan_Tamadun_Islam (Accessed: 25 July 2023).
- Wahid, H., Md Nor, N. G., Ahmad, J., & Ahmad, S. (n.d.). *Kumpulan Kajian dunia melayu & islam2 institut Alam Dan Tamadun ...* - UKM. Retrieved from <https://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/sosialisasi%20sekolah%20agama.pdf>
- Zulkipli, N. (n.d.). *Sejarah Penubuhan "masjid Beijing."* Sejarah Penubuhan "Masjid Beijing." <http://2010215626.blogspot.com/2011/02/sejarah-penubuhan-masjid-beijing.html>

LAMPIRAN

12.0 LAMPIRAN

12.1 BIOGRAFI TOKOH

Samsuddin bin Yasim

- Orientasi

Samsuddin bin Yasim ialah seorang pesara guru yang berasal daripada Pasir Mas, Kelantan. Beliau dilahirkan pada 10 Mac 1952. Jawatan terakhir yang dipegang oleh beliau sebelum bersara sebagai seorang guru ialah penolong kanan pentadbiran di Sekolah Kebangsaan Lubok Stor, Kelantan. Beliau bersara pada tahun 2008 di usia 56 tahun.

- Peristiwa

Sebelum bergelar seorang guru, beliau menerima pendidikan di Sultan Ismail School, Pasir Mas, Kelantan. Kemudian, pada tahun 1968 beliau mengambil Malaysian Certificate of Education (MCE) dan pada 1971 mengambil ACE. Setelah tamat pengajian, beliau memulakan kerjaya sebagai seorang guru sehingga tahun 2008. Beliau mempunyai 3 orang anak hasil daripada perkahwinan beliau. Isteri beliau telah meninggal dunia pada tahun 2021 dan beliau sekarang tinggal seorang diri.

Setelah bersara, beliau dicadangkan oleh pemimpin setempat untuk bertugas sebagai ahli jawatankuasa masjid bermula pada tahun 2009 dan pada tahun 2010 beliau ditugaskan sebagai setiausaha masjid.

- Reorientasi

Di usia beliau yang kini 71 tahun, beliau kini mengalas jawatan ketua biro kebajikan di Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra atau lebih dikenali sebagai Masjid Beijing yang terletak di Rantau Panjang, Kelantan dimana beliau dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan anak mukim. Beliau melakukan pelbagai tugas untuk menjaga bahagian kebajikan Masjid Beijing.

Haji Wan Hanafi bin Haji Wan Jaafar

- **Orientasi**

Haji Wan Hanafi bin Haji Wan Jaafar ialah seorang ahli perniagaan dan merupakan ahli majlis daerah Pasir Mas, Kelantan. Beliau dilahirkan pada tahun 1964 dan beliau berasal daripada Rantau Panjang, Kelantan

- **Peristiwa**

Beliau menerima pendidikan sekolah rendah di Rantau Panjang dan menyambung pendidikan di Kolej Budaya di Kota Bharu, Kelantan sehingga peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) sebelum menceburkan diri dalam perniagaan.

Selain bergelar seorang ahli perniagaan dan ahli majlis daerah Pasir Mas, beliau juga memegang jawatan sebagai ahli jawatankuasa di Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra atau dikenali sebagai Masjid Beijing yang diletak di Rantau Panjang, Kelantan. Beliau mula berkecimpung dalam aktiviti masjid bermula pada tahun 2004.

- **Reorientasi**

Beliau kini masih aktif dalam bidang perniagaan dan sebagai ahli majlis daerah Pasir Mas tapi juga tetap aktif dalam menjalankan tugas sebagai ketua biro pembangunan di Masjid Beijing.

12.2 SURAT PERJANJIAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN
MENGENAI PROJEK
SEJARAH LISAN

Saya SAMSUDDIN BIN YASIM K/P:
.....dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah dia
dengan syarat-syarat temubual yang

pada

.....,.....dengan ini bersetuju telah diadakan di antara saya dengan Universiti
Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik/penyelidik.

.....
SAMSUDDIN BIN YASIM
(Nama (Nama tokoh)
(Jafalizan bin Md.Jali)

Tarikh:

.....

tokoh

b.p.Dekan

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya WAN HANAFI WAN JAAFAR KIP:
31/5/2023

dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadapada
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidikpenyelidik.

(Nama tokoh WAN HANAFI)
Tarikh: 31/5/2023

(Jafalizan bin Md.Jali)

b. p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA

12.3 SENARAI SOALAN

SESI 1

A. LATAR BELAKANG PESERTA KAJIAN	
1.	Boleh Cik Din ceritakan [ceritakan] latar belakang Cik Din? Namo [namo], umur semua tu?
2.	Asal Cik Din mano [mana]? Cik Din asal mano?
3.	Cik Din, Ioni duduk mano? Rumoh lah
B. LATAR BELAKANG PEKERJAAN	
1.	Boleh Cik Din ceritakan sikit pasal pekerjaan Cik Din?
2.	Jawatan hok Cik Din pege [pegang] Ioni gapo?
3.	Gapo tugas-tugas Cik Din sebagai biro kebajikan Masjid Beijing?
4.	Berapo [berapa] lamo doh Cik Din pege jawatan sebagai biro kebajikan?
5.	Gano [bagaimana] Cik Din didorong menjadi biro kebajikan. Maksudnya gano Cik Din boleh kijo [kerja] sebagai penjaga masjid. Sapo [siapa] hok mendorong Cik Din?
6.	Pernah ko Cik Din ni menjaga masjid lain selain Masjid Beijing?
7.	Gapo peranan Cik Din dekat masjid?
8.	Cik Din suko [suka] dok pekerjaan Cik Din Ioni?
9.	Sepanjang Cik Din kijo ado dok cabaran hok Cik Din lalui sepanjang jaga masjid?
10.	Berdasarkan cabaran hok Cik Din oyak [bagitahu] sakni [tadi] kea [kan], gapo punca utama cabaran tu boleh timbul?
11.	Kironyo cabaran tu dapat atasi dok [ke] Ioni?
12.	Sapo rakan seperjuangan Cik Din maso uruskan masjid ni?
13.	Gapo kenangan hok Cik Din tok leh lupokan lah sepanjang jaga masjid ni? Kenangan?
C. PANDANGAN PESERTA KAJIAN TENTANG MASJID	
1.	Apakah masjid pado pandangan Cik Din?
2.	Cik Din tahu ko berapa butir [buah] masjid ado kat Kelantan? Cik Din tahu?
3.	Pado pandangan Cik Din bakpo banyok masjid kat Kelantan?
4.	Gapo fungsi masjid pado masyarakat?
5.	Pado pandangan Cik Din gapo yang membezakan Masjid Beijing dengan masjid lain?
6.	Gapo pandnagan Cik Din pasal reka bentuk Masjid Beijing? Pandangan Cik Din sendiri lah.

7.	Secara keseluruhan gapo mace pandangan Cik Din lah secara keseluruhan mace pasal Masjid Beijing ni? Daripado segi mace reko bentok dio, dari segi jemaah dio daripada segi sumbangan dio kepada masyarakat tu gano pandangan Cik Din?
8.	Pado pandangan Cik Din gano ore rama [orang ramai] ni dapat menerima rekabentuk Masjid Beijing yang berunsurkan senibina cino [cina]. Gano [bagaimana penerimaan orang ramai tu?
9.	Gano ore koho-koho [perlahan-lahan] menerima Masjid Beijing ni?
10.	Bakpo Cik Din mace berpuas hati lah dengan keadaan Masjid Beijing Ioni? Selain dariapdo hok Cik Din oyak tu apo lagi mace penambahbaikan hok Cik Din nok wak?
11.	Jadi kalu pado pandangan Cik Din mace agak tu jugoklah tok imam duk jauh mengganggu jugok lah?
12.	Selain pado Masjid Beijing ni kea dekat mukim ado dok masjid lain dekat mukim?
13.	Cik Din raso gano ore rama ni menyokong Masjid Beijing?
D. MASJID BEIJING	
1.	Sapo hok bino Masjid Beijing?
2.	Kironyo gano Masjid Beijing ni mace ditubuhkan?
3.	Sapo hok menubuhkan Masjid Beijing?
4.	Mace sapo hok memberi idea?
5.	Pado tahun bilo Masjid Beijing ni dibina?
6.	Boleh sayo tahu sapo hok meluluskan tahun Masjid Beijing ni dibina?
7.	Kironyo mace Cik Din oyak tadi Sultan Kelantan sendiri merasmikan kea?
8.	Kironyo selain Masjid Beijing ado namo lain lah masjid ni?
9.	Bakpo mace dapat namo panggilan Masjid Beijing?
10.	Bakpo Masjid Beijing dibina di atas tanah ini? Mace bakpo pilih tanah ni?
11.	Sapo hok mencadangkan Masjid Beijing ni dibina di atas tanah ni?
12.	Kironyo Menteri Besar Kelantan waktu tu mencadangkan tanah ni?
13.	Tanah keluasan dio 3.7 ekar?
14.	Bakpo untuk bina Masjid ni memerlukan keluasan sebanyak 3.7ekar?
15.	Gapo dio hok ado sekitar Masjid Beijing ni hok mace memudahkan ore rama lah?
16.	Bakpo Cik Din raso mace Masjid Beijing ni mace persekitran dio mace dibina daripada bersekitaran hok gini? Persekitaran hok mace dekat dengan kedai-kedai ore Rantau Panjang? Bakpo Cik Din raso?
17.	Berapo anggaran kos untuk menyiapkan Masjid Beijing hok mace keseluruhan dio?
18.	Sapo hok meluluskan anggaran 8.8 juto hok sakni?
19.	Gapo cabaran hok dihadapi semasa membina Masjid Beijing ni?

20.	Boleh sayo tahu gano cabaran tu diatasi?
21.	Bakpo bangunan masjid ni dio ado unsur seni reko [seni reka] berunsur cino?
22.	Kironyo sapo hok mace buat rekaan bentuk bangunan masjid ni?
23.	Bakpo team tu hok dipilih untuk buat rekaan bangunan masjid tu?
24.	Boleh sayo tahu gapo uniknyo Masjid Beijing ni?
25.	Sayo nok tahu pasal aktiviti hok dijalankan di Masjid Beijing?
26.	Selain daripada mace hok Cik Din oyak tadi aktiviti harian, aktiviti mingguan, bulanan kea. Ado dok aktiviti mace melibatkan mace international ko kebangsaan ko?
27.	Cik Din bakpo mace aktiviti tu dijalankan di Masjid Beijing?
28.	Berapo kos yang diperlukan untuk menaiktaraf dan membaik pulih masjid?
29.	Gano Cik Din ni memastikan Masjid Beijing ni masih dapat mengekalkan reko bentok dio?
30.	Syarikat mano yang bertanggungjawab mace mengendalikan kerja-kerja membaik pulih masjid ni?
31.	Ado dok kerajaan negeri Kelantan ni memberi sumbangan untuk Masjid Beijing?
32.	Sebelum Masjid Beijing dibino di atas tanah ni, tanah ni sebelum ni digunakan sebagai gapo?
33.	Berapo ore pekerja hok terlibat dale proses pembinaan masjid?
34.	Sapo kontraktor hok bertanggungjawab dalam pembinaan masjid?
35.	Pihak mano hok meluluskan untuk melakukan pembinaan Masjid Beijing wak tu?
36.	Sapo hok mencadangkan lokasi Masjid Beijing, mace Masjid Beijing perlu dibuat sini?
37.	Sapo hok menyokong cadangan lokasi ni untuk menubuhkan Masjid Beijing? Sapo dio?
E. PENGALAMAN	
1.	Gapo pengalaman manis hok Cik Din pernah lalui sepanjang kijo sini?
2.	Selain daripada pengalame manis sakni kei, ado dok mace pengalame pahit pulok?
3.	Pernah dok mace Masjid Beijing ni dapat anugerah ko penghargaananko dari mana-mana pihak?
4.	Selain pado tu, ada ko Masjid Beijing ni terima anugrah daripada luar negara ko?
5.	Masjid Beijing kei pernah mace ore kato, ore buke islye mari kei? Kiranya sek dio mari ni sebab sekalo nyo atas dasar gapo?
6.	Mace ado dok pengalame Cik Din menerima kunjungan daripada pengunjung hok non-muslim?
7.	Cik Din mace rajin dok alami mace setakat Cik Din duk sini ni pengalame hok mengharukan Cik Din mace kalu teringat tu sokmo mace mengharukan la?

F. HARAPAN	
1.	Gapo hok Cik Din harap la tentang Masjid Beijing ni?
2.	Cik Din raso mace sejarah Masjid Beijing ni perlu dikekalkan dok?
3.	Kironyo mace gapo harape Cik Din untuk Masjid Beijing hok pado maso ake date lah?
5.	Bangunan ni gano harape Cik Din, mace Cik Din adakah Cik Din harap mace banyok lagi diperbanyakkan?
6.	Mace daripada segi harape Cik Din kepada sejarah mace bangunan mace contoh lah, sepuluh tahun lagi dua puluh lagi Cik Din mace harap sangat generasi anak muda hok ake date tu mace tahu sejarah Masjid Beijing?
7.	Sapo hok Cik Din harapkan untuk mace pikul tanggungjawab lah untuk jago Masjid Beijing ni pada masa ake date?
8.	Cik Din raso perlu dok mace masjid seperti Masjid Beijing ni hok ado reka bentuk gini ni, diperbanyakkan?

SESI 2

A. LATAR BELAKANG PESERTA KAJIAN	
1.	Boleh haji ceritakan sikit latar belake [latar belakang] haji?
2.	Haji tinggal berdekatan dengan masjid ko gano [bagaimana]?
3.	Boleh haji cerito [cerita] sikit mace [macam] latar belake pendidike [pendidikan]?
B. MASJID BEIJING	
1.	Siapakah yang macam bertanggungjawab membina Masjid Beijing?
2.	Gano mace Masjid Beijing ni ditubuhkei [ditubuhkan]?
3.	Apa ni, mengikut sumber tu, Masjid Beijing dibina daripada 2005-2008, betul?
4.	Siapa yang mace meluluskei [meluluskan] Masjid Beijing untuk dibina?
5.	Sapo [siapa] hok [yang] merasmikei [merasmikan] pembukei [pembukaan] Masjid Beijing ni?
6.	Boleh saya tahu gano Masjid Beijing ni dio [dio] bulih [boleh] namo [nama] Masjid Beijing?
7.	Selain daripada Masjid Beijing dengan Bubli Sultan Perak, sebenarnya ada nama lain dok [tak]?
8.	Boleh saya tahu bakpo [kenapa] Masjid Beijing ni dibina atas tanah ni?
9.	Berdasarkai [berdasarkan] sumber, betul ke tapak bangunan Masjid Beijing ni besar dia 3.7 ekar?
10.	Bakpo mace memerlukan [memerlukan] ukure [ukuran] sebanyak [sebanyak] 3.7 ekar untuk bina masjid ni?
11.	Mace hok Haji oyak tadi mace tepak [tempat] ni mace strategik lah kei [kan], strategik tu daripada segi gano persekitare [persekitaran] ko gano, mace pado Haji?
12.	Apa ni, berdasarkan sumber jugok, anggaran kos yang telah diperuntukkan untuk pembinaan masjid ni adalah sebanyak 8.8 juta?
13.	Mace ado dok saintifik sebab kenapa memerlukan 8.8 juto [juta]?
14.	Boleh saya tahu pasal anggaran kos 8.8 juto tu sapo hok meluluskei?
15.	Ado [ada] dok mace cabare [cabaran] hok dihadapi maso [semasa] nok [nak] bino [bina] Masjid Beijing ni? Cabaran?
16.	Adakah, kiranya cabaran tu dapat diatasi ke mace gano? Sapa [sampai] loni [sekarang]?
17.	Gano cabare tersebut diatasi? Mace nok membuang pandange [pandangan] negative tu? Sendiri?
18.	Ada santifik sebab dok kenapa masjid ni dibina berunsurkan seni bina cina?
19.	Kironyo sapo hok mace buat rekaan bentuk bangune [bangunan] Masjid Beijing?

20.	Bakpo Gugusan Yakin Sdn. Bhd tu dipilih untuk buat rekaan bentuk bangunan masjid?
21.	Apa uniknya Masjid Beijing ni? Selain daripada seni reka bentuk cina tu apa lagi menjadikan ia unik?
22.	Apa aktiviti hok dijalankan di Masjid Beijing?
23.	Selain daripada aktiviti hok Haji sebut tu, ada lagi dok aktiviti hok selain pada ibadah? Mace aktiviti mace riadah?
24.	Berapo anggaran kos yang diperlukan untuk menaiktaraf dan membaikpulih masjid ni. Ada saintifik anggaran dok mace nok menjaga masjid?
25.	Gano pihak masjid ni, memastikei [memastikan] Masjid Beijing ni mampu mengekalkan reka bentuk dia?
26.	Ado syarikat yang bertanggungjawab dok dalam mengendalikan kerja-kerja membaik pulih dengan [dengan] ni? Ada sainitifik?
27.	Berdasarke [berdasarkan] sumber yang kami dapat lah, baru-baru ni buke lah baru-baru ni tapi kerajaan negeri Kelantan ada bagi sumbangan ko [kat] Masjid Beijing. Contoh dia <i>aircond</i> dia ada?
28.	Selain pada sumbangan <i>aircond</i> tu dia ada lagi dok sumbangan lain?
29.	Mace maklumat yang kami tadi sebelum Masjid Beijing ni dibina, tanah ni bende [bendang] padi?
30.	Ada tak macam timbul isu macam tanah ni sebelum ni macam ada orang claim ko? Atau pon mace toksey [tak nak] la, toksey jual tanah.
31.	Haji tahu dok berapa jumlah hok pekerja terlibat dale proses pembinaan masjid? Sepanjang pembinaan tu berapa ore?
32.	Siapa kontraktor yang bertanggungjawab dalaam pembinaan masjid?
33.	Ado ko mace Haji kenal secara peribadi ore yang kontraktor tu?
34.	Mace sepanjang [sepanjang] dengan kontraktor tu, ada timbul apa-apa isi dok? Dale mace dale segi dok cukup pekerja ko? Dok cukup bahan ko?
35.	Sapo hok menyokong cadangan lokasi untuk menubuhkan Masjid Beijing? Mace bilo [bila] oyak okay Masjid Beijing ni ake [akan] dibina atas tapok ni? Ado dok orang yang memberi sokongan?
C. PENGALAMAN	
1.	Ni sayo nok tanyo sedikit lah mengenai pengalame [pengalaman] Haji sepanjang Haji menjaga masjid ni lah. Ada dok apa-apa pengalaman manis hok pernah Haji lalui lah sepanjang [sepanjang] menjaga Masjid?
2.	Apa ni berdasarkei sumber lah, Masjid Beijing ni pernah mendapat beberapa pengharga [penghargaan]. Betul ko?

3.	Pernah ko Masjid Beijing ni menerima kunjungan daripada non-muslim?
4.	Ada tak mace apa reaksi ore non-muslim bilo melawat Masjid Beijing ni bila dia tengok rekaan ni ado dok dio memberi reaksi yang positif ko dan negatif ko?
D. HARAPAN	
1.	Sayo nok tanyo Haji pasal harape [harapan] Haji terhadap Masjid Beijing ni daripada segi sejarah [sejarah] dia, daripada segi reka bentuk dio tu harape Haji gano?
2.	Untuk mace untuk sepuluh tahu akei date [datang] ko kei, gapo harape Cik ko Masjid Beijing ni?
3.	Mace dari segi sejarah tu harape Haji mace harap sejarah ni supaya ado dok mace supaya anak-anok akei date mace tahu sejarah ni Masjid ni dibuat atas dasar gapo-gapo mace gitu?
4.	Sapo hok Cik harapkan untuk memikul tanggungjawab menjaga Masjid Beijing ni?

12.4 DIARI PENYELIDIKAN

DIARI PENYELIDIKAN

BIL	TARIKH & LOKASI	AKTIVITI	HASIL
1.	21 Mac 2023 Selasa Oral History Lab	Menerima tugas daripada pensyarah dan membentuk kumpulan secara berpasangan. Membincangkan dan mencari tokoh dan topik untuk tugas	Berjaya membentuk kumpulan secara berpasangan. Selesai dan Berjaya menyenaraikan senarai tokoh dan topik untuk tugas ini
2.	30 Mac 2023 Khamis Experimental Library	Memilih Muzium Islam Kelantan sebagai topik sejarah lisan dan menunjukkan kertas kerja kepada pensyarah.	Pensyarah bersetuju dengan topik yang dipilih dan memeriksa kertas kerja dan memberitahu apa yang perlu dibaiki.
3.	04 April 2023 Selasa Oral History Lab	Melakukan pembentangan kertas kerja untuk topik Muzium Islam Kelantan. Melakukan perbincangan bersama pensyarah dan rakan sekelas.	Berjaya menunjukkan dan membentangkan kertas kerja Muzium Islam Kelantan. Pensyarah memberi komen berkaitan dengan kertas kerja.
4.	07 April 2023 Jumaat Experimental Lab	Berjaya menghubungi pihak Muzium Islam Kelantan dan dimaklumkan bahawa Muzium Islam Kelantan telah ditutup dan berpindah. Berbincang untuk menukar topik sejarah lisan	Pensyarah menasihatkan untuk menukar topik dan mencari topik yang masih berkaitan bangunan. Mencari topik baru untuk sejarah lisan.
5.	13 April 2023 Khamis Perbualan melalui panggilan telefon dan aplikasi WhatsApp	Tokoh memberi maklum balas dan bersetuju untuk melakukan tembual berkaitan Masjid Beijing.	Berjaya menghubungi tokoh yang mengetahui sejarah Masjid Beijing.
6.	13 April 2023 Khamis Bilik Pensyarah	Berjumpa dan menunjukkan kertas kerja sejarah lisan	Pensyarah memberi komen dan memberitahu perkara


		tentang Masjid Beijing kepada pensyarah. Pensyarah mencadangkan untuk menambah satu lagi peserta kajian bagi menjalankan tembual.	yang perlu dibaiki di dalam kertas kerja. Bersetuju untuk menambah peserta kajian.
7.	18 April 2023 Selasa Perbualan melalui aplikasi WhatsApp	Menunjukkan surat penyelidikan kepada pensyarah. Memberitahu tarikh untuk <i>preliminary interview</i> .	Pensyarah meluluskan surat penyelidikan dan memberi tandatangan. Pensyarah meluluskan tarikh <i>preliminary interview</i> .
8.	19 April 2023 Rabu Masjid Beijing	Melakukan preliminary interview bersama Cik Din. Meminta Cik Din mencadangkan satu ahli jawatankuasa sebagai peserta kajian.	Berjaya melakukan preliminary interview dan berkenalan dengan peserta kajian. Cik Din mencadangkan Tuan Haji Wan Hanafi bin Wan Jaafar sebagai peserta kajian yang merupakan antara orang lama di Masjid Beijing.
9.	16 Mei 2023 Selasa BK17	Menunjukkan dan membincangkan soalan yang telah dibuat untuk digunakan pada temubual sebenar.	Pensyarah memberitahu bahawa soalan yang dibuat tidak betul dan menyuruh memperbetulkan soalan.
10.	19 Mei 2023 Jumaat Experimental Library	Menunjukkan soalan baru kepada pensyarah dan meminta nasihat.	Pensyarah membantu kami membuat soalan yang lebih menepati kriteria.
11.	23 Mei 2023 Selasa Preservation Lab	Pensyarah menerangkan cara menulis transkrip. Melakukan latihan membuat transkrip.	Dapat mengetahui cara membuat transkrip dengan lebih baik. Berjaya menyiapkan latihan transkrip dan Berjaya membiasakan diri membuat transkrip.
12.	26 Mei 2023 Jumaat Bilik Pensyarah	Menunjukkan soalan untuk terakhir kali sebelum temubual sebenar dijalankan.	Pensyarah meluluskan soalan untuk temubual.

13.	28 Mei 2023 Ahad Perbualan melalui aplikasi WhatsApp	Menghubungi tokoh untuk menentukan tarikh tembual.	Berjaya menentukan tarikh dan masa tembual bersama tokoh.
14.	30 Mei 2023 Melalui panggilan telefon	Menghubungi tokoh kedua iaitu Tuan Wan Haji Hanafi bin Wan Jaafar untuk memaklumkan tarikh dan masa temubual.	tokoh bersetuju dengan tarikh dan masa.
15.	31 Mei 2023 Rabu Masjid Beijing	Melakukan temubual sesi 1 bersama Encik Samsuddin bin Yasim. Melakukan tembual sesi 2 bersama Tuan Haji Wan Hanafi bin Wan Jaafar.	Berjaya menyelesaikan temubual sesi 1 bersama Encik Samsuddin bin Yasim. Berjaya menyelesaikan tembual sesi 2 bersama Tuan Haji Wan Hanafi bin Wan Jaafar.
16.	06 Jun Selasa Oral History Lab	Melakukan perbincangan bersama pensyarah di dalam kelas dan bertanya soalan berkaitan transkrip.	Pensyarah menjelaskan cara membuat transkrip.
17.	11 Jun 2023 Ahad Kolej Jasmine	Mula menyiapkan transkrip temubual bersama peserta kajian berkaitan Masjid Beijing.	Berjaya membuat beberapa helaian transkrip.
18.	13 Jun 2023 Selasa Oral History Lab	Menunjukkan draft transkrip dan berbincang bersama pensyarah.	Melakukan pembetulan transkrip selepas mendapat nasihat daripada pensyarah.
19.	07 Julai 2023 Jumaat Melalui perbualan aplikasi WhatsApp	Mengemukakan cadangan tajuk artikel iaitu Keindahan Masjid Beijing: Tanda Islam itu Universal.	Pensyarah meluluskan tajuk artikel dan memberitahu penyelia bagi menyiapkan artikel.
20.	11 Julai 2023 Selasa Experimental Library	Menunjukkan transkrip penuh kepada pensyarah dan meminta beberapa pendapat.	Pensyarah memberi komen dan memberitahu untuk memperbaiki beberapa bahagian daripada transkrip.
21.	25 Julai 2023 Selasa Bilik Pensyarah	Berjumpa pensyarah untuk menunjukkan hasil akhir transkrip.	Berjaya menyiapkan transkrip dan menghantarnya.


12.6 GAMBAR DAN SIJIL



Gambar 1: Sesi preliminary interview bersama Encik Samsuddin in Yasim pada 19 April 2023



Gambar 2: Kawasan luar Masjid Beijing yang diambil pada 19 April 2023




Gambar 3: Kawasan dalam Masjid Beijing yang diambil pada 19 April 2023



Gambar 4: Ahli Jawatankuasa Induk & Imarah Masjid Beijing



Gambar 5: Antara penghargaan & cenderamata daripada pengunjung




Gambar 6: Baju untuk pengunjung bukan Islam




Gambar 7: Tembual Sesi 1 bersama Encik Samsuddin bin Yasim pada 31 Mei 2023



Gambar 8: Tembual Sesi 2 bersama Tuan Haji Wan Hanafi Bin Wan Jaafar pada 31 Mei 2023



Gambar 9: Peserta Kajian iaitu Encik Samsuddin bin Yasim menandatangani surat perjanjian sejarah lisan



Gambar 10: Peserta Kajian iaitu Tuan Hj. Wan Hanafi bin Wan Jaafar menandatangani surat perjanjian sejarah lisan